

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KEDUA BELAS**

Pada

25 DAN 26 OGOS 2009

Bersamaan

4 DAN 5 RAMADAN 1430

Dikeluarkan Oleh :
PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**Persidangan
Pada Hari Selasa, 25 Ogos 2009**



**Hari SELASA,
25 OGOS 2009**

KANDUNGAN

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Nama Ahli-ahli | [Muka 1] |
| 2. | Doa | [Muka 5] |
| 3. | Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan | [Muka 5] |
| 4. | Kertas-kertas Kerja Dan Laporan-laporan | [Muka 5] |
| 5. | Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis: | |
| | (i) Soalan-soalan Bertulis | [Muka 8] |
| | (ii) Soalan-soalan Lisan | [Muka 9] |
| 6. | Usul Yang Telah Diberi Notis: | |
| | - Usul Tambahan Peruntukan Yang Pertama bagi Tahun 2009 | [Muka 36] |
| 7. | Rang Undang-Undang: | |
| | (i) Enakmen Perbekalan Tambahan 2009 | [Muka 51] |

[Bersambung]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI
DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Noorbahri bin Baharuddin

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertama-tamanya marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurniaNya dapat sekali lagi kita bertemu di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya meneruskan ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan dan walaupun Syawal agak jauh tetapi saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan Selamat Menyambut Aidil Fitri selepas di hujung Ramadan nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian insyaAllah, Persidangan kita pada kali ini iaitu Persidangan Yang Kedua Bagi Penggal Persidangan Yang Kedua Belas, Dewan ini akan bersidang selama dua hari, 25 dan 26 Ogos 2009 iaitu hari ini dan besok. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sepanjang dua hari ini sidang kita selain daripada pembentangan Kertas-kertas Laporan, Soalan-soalan Bertulis dan Lisan yang telah diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, juga mempunyai satu Usul dan dua Enakmen daripada pihak Kerajaan. InsyaAllah, jika ianya tidak panjang dan sebagainya, mendapat kerjasama sepenuh daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya percaya walaupun sidang ini di bulan Ramadan, bulan puasa tapi insyaAllah, ia akan berjalan dengan sempurna dan lancar.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, istimewanya kita berada di dalam sidang pada kali ini selain daripada kita berada di dalam bulan Ramadan Al-Mubarak juga kita berada dalam bulan menyambut Kemerdekaan Negara Yang Ke-52. Lebih istimewa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita juga berada sekarang ini dalam tempoh sambutan 50 Tahun Jubli Emas Sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu kita ini. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Sidang Yang Pertama Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu yang bersejarah bagi rakyat Negeri Terengganu adalah bertarikh 27hb Julai 1959. Bermakna pada hari ini semenjak 27hb Julai 2009 genap 50 tahun usia Dewan kita yang mulia

ini. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah serta syabas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang berada di dalam Dewan yang mulia ini yang tercatat sebagai pemimpin ataupun sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat atau Ahli-ahli Dewan pada ketika ini dengan kalau kita imbau ke belakang dalam tempoh 50 tahun yang lepas Ahli-ahli Dewan yang mulia ini telah menyumbangkan dengan rekod yang cemerlang kepada pembangunan Negeri Terengganu Darul Iman ini. InsyaAllah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sumbangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lebih cemerlang untuk rakyat dan Negeri Terengganu pada masa ke depan sangat-sangatlah dituntut oleh Dewan yang mulia ini iaitu melalui institusi rakyat yang kita muliakan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, gunakanlah setiap detik dan ruang yang ada pada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk menjadikan peranan kita semua sebagai membela rakyat demi untuk kebahagiaan dunia dan akhirat. InsyaAllah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya memohon dalam sidang ini gunakanlah kesempatan yang sepenuhnya dengan sopan, dengan penuh kemuliaan, dengan penuh kesempurnaan. Dijauhkan sekali kita membangkitkan emosi, membangkitkan celaan dan sebagainya ia membawa kemudaratatan serta merendahkan sifat kita sebagai Ahli Dewan yang mulia ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengharapkan kerjasama ini berjalan lancar dan seterusnya insyaAllah, kita akan menyelesaikan sidang kita sampai hari besok.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya membentangkan Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan, sukacita saya mengucapkan Selamat Datang kepada Pemerhati-pemerhati sidang DUN kita pada kali ini terutamanya kepada Mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu, pelajar-pelajar yang mewakili Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Payung, Marang, Terengganu dan pada individu-individu yang hadir pada pagi ini. Untuk pengetahuan kita juga seperti biasa sidang kita ini berada dalam online www.terengganu.gov.my dan sidangnya ke seluruh dunia. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2009.
(D.U.N. Bil. 8/2009)
2. Anggaran Perbelanjaan Bekalan Tambahan Pertama 2009.
(D.U.N. Bil. 9/2009)
3. Penyata Kewangan Tahun 2007 Majlis Daerah Besut.
(D.U.N. Bil. 10/2009)
4. Penyata Kewangan Tahun 2007 Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil. 11/2009)
5. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2008 Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil. 12/2009)
6. Penyata Tahunan Tahun 2008 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil. 13/2009)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan daripada:

1. Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib
(Wakil Manir)
2. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)
3. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
4. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
(Wakil Ladang)
5. Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
(Wakil Sura)
6. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manakala Soalan-soalan Lisan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan ini menjemput Wakil Permaisuri.

YANG BERTHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum. Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama.

Ustaz dan ustazah yang mendidik anak-anak dan orang-orang dewasa belajar Al-Quran dan ilmu agama di sekolah-sekolah sebagai Guru KAFA dan Guru Al-Quran di kampung-kampung berperanan sebagai penggerak agama yang penting dalam menyebarkan syiar Islam. Bilakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menaikkan gaji Guru KAFA dan Guru Al-Quran kepada satu jumlah yang sesuai dengan keadaan kos hidup semasa?

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan daripada Wakil Permaisuri ialah mengenai elaun Guru-Guru KAFA dan juga Guru-Guru Al-Quran Yayasan Islam Terengganu.

Elaun Guru KAFA sebenarnya di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM. Pada tahun 2006, JAKIM telah menaikkan elaun tersebut dari RM288.00 kepada RM500.00 sebulan. Dan pada masa ini dimaklumkan bahawa JAKIM sedang membuat penyemakan secara khusus bersama dengan JPA bagi mengkaji kedudukan elaun tersebut. Manakala elaun Guru-guru Al-Quran di kampung-kampung di bawah kelolaan Yayasan Islam Terengganu, ia sedang dibuat semakan pada masa ini untuk dicadangkan kenaikannya pada tahun 2010. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan Yang Berhormat, tidak ada?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Berhubung dengan Guru KAFA dan Guru Al-Quran ini, Yayasan Islam Terengganu berapa dia bayar sekarang dan semakan yang dibuat itu berapa kenaikan yang akan dibayar?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih daripada Wakil Wakaf Mempelam. Sekarang Yayasan bayar RM500 sebulan seperti mana yang ditentukan oleh JAKIM bagi Guru-guru KAFA dan yang akan dibuat itu belum diketahui lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, mungkin dia tersilap dengar. Saya tanya Guru Al-Quran bukan Guru KAFA. Guru Al-Quran yang dibayar oleh Yayasan Islam Terengganu, berapa dia bayar sekarang dan berapa semakan yang akan dibuat, kenaikan yang dijangka akan dibayar?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Guru Al-Quran yang dibayar oleh Yayasan Islam ialah RM150 bagi satu sesi yang ada satu kelas dan yang akan dibuat kajian itu belum ditentukan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat? Terima kasih. Saya jemput Wakil Manir untuk soalan yang kedua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, para-para Pemerhati, Ketua-ketua Jabatan, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan pertama -

Sila nyatakan bagaimanakah kedudukan rundingan bagi mengembalikan wang royalti petroleum dan gas kepada Kerajaan Negeri Terengganu oleh Petronas pada bulan September 2008 dan nyatakan berapakah jumlah yang sepatutnya dibayar dari tahun 2000 hingga tahun 2009?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati yang dihormati sekalian. Kedudukan rundingan untuk mengembalikan wang royalti petroleum dan gas kepada Negeri Terengganu sedang berjalan dan berada di peringkat akhir kerana ada perkara-perkara kecil yang masih tidak dapat persetujuan bersama lagi. Dan jumlah yang patut dibayar kepada Kerajaan Negeri bermula dari tahun 2000 hingga Mac 2009 ialah sebanyak RM15,847,995.84. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan tambahan. Apakah masalah-masalah yang dikatakan masalah-masalah teknikal dan masalah kecil yang menyebabkan belum lagi dapat diselesaikan?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak dapat menjelaskan masalah-masalah ini kerana ia di peringkat rundingan dan tak perlu lagi diketahui oleh masyarakat umum kerana ini di peringkat rundingan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini masih di peringkat rahsia?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peringkat rundingan Yang Berhormat, berunding. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya rasalah perkara ini dah lama, berunding tu takkanlah sebegitu lama kerana pada 14 April baru-baru ini, dalam sidang yang lepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan perjanjian untuk nak tarik balik kes mahkamah tu dijangka selesai pada bulan Mei, ini kenyataan Yang Amat Berhormat pada sidang yang lepas maknanya Jun, Julai dan ini Ogos. Jadi saya bimbang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana sebagai contoh, dari September 2008 hingga Mac 2009, kita patut terima RM1,394,052,251 tetapi dia bayar hanya RM650 juta. Hak patut dapat daripada bulan September hingga bulan Mac RM1.3 bilion dia bagi hanya RM650 juta dan ini akan terus bertambah, sampai bila dijangkakan akan selesai kerana kita tahu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Petronas ikut perjanjian dia bayar bulan Mac dan bulan September. Ini nak masuk bulan September pulak.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi soalan saya Yang Berhormat, jadi bila dijangka betul-betul adakah bulan September ini akan dibayar seperti biasa *back to normal* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya sebutkan tadi ianya dalam proses rundingan dan ketika itu kita jangka akan dapat diselesaikan tetapi ada beberapa

perkara yang kita masih belum bersetuju sebab itu bila kita tidak bersetuju kita masih belum menarik balik kes tersebut. Dan kita berharap setelah ada beberapa perkara kecil yang dapat diselesaikan barulah keseluruhan wang itu akan diserahkan kembali kepada Kerajaan Negeri. Sebab itu saya cuba ulangi sebagaimana yang sebutkan tadi bahawa ada beberapa perkara kecil yang masih belum kita bersetuju yang menyebabkan rundingan ini belum dapat dimuktamadkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada dua perkara; yang pertama sekali bayaran balik royalti yang sepatutnya tidak timbul apa-apa masalah untuk diserahkan balik mungkin barangkali yang ada masalah sikit ialah perbelanjaan di bawah peruntukan Dana Khas, duit royalti yang dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat, oleh Kementerian. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah yang menjadi masalah sebenar untuk nak dibagi balik royalti dalam keadaan asal dengan perundingan masih boleh dibuat untuk perkiraan terakhir tentang bayaran balik duit kita yang telah digunakan ikut rekod dan jawapan rasmi di Parlimen duit yang telah digunakan oleh Kerajaan Pusat oleh agensi-agensi dan Kementerian-Kementerian dan sebagainya ialah sebanyak RM8.31 bilion. Jadi itu mungkin boleh berunding tapi soal royalti jaminan kita terhadap untuk dapatkan balik pada bulan September ini kerana ini tak jadi tahun lepas. Jadi apa masalah yang sebenar yang sepatutnya yang timbul?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya sebutkan tadi bahawa ada perkara-perkara tertentu yang kita masih belum bersetuju dengan Petronas dan sebab itulah pemberian ini tak dibagi terus kepada kita. Ini halangan yang berlaku dan saya percaya insyaAllah, kita sedang merundingkannya dan kita akan dapat menyelesaikannya, sebab itu janjinya setelah kita selesaikan, kita akan tarik balik kes itu sebagai jaminan kepada pihak Petronas dan Kerajaan Pusat barulah diserahkan kepada kita. Biasalah Dato' Yang Dipertua, bila ada rundingan, ada sorong tarik ni. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita berunding untuk Merdeka negara kita ini selama 11 tahun, tahun 1946-1957. Yang Berhormat, saya jemput Batu Burok.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan nombor satu ditolak. Kedua Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya takdok terima apa-apa notispun soalan ini ditolak?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada makluman ni, sudah ada salinan kepada saya soalan ini ditolak (membaca petikan surat penolakan): "... telah dimaklumkan bahawa ditolak atas Fasal 26(6)."

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu saya ini adalah untuk kepentingan Negeri Terengganu ni. Soalan yang melibatkan duit Negeri Terengganu lebih daripada RM5 bilion yang diserahkan untuk diuruskan oleh satu badan. Kita nak satu penjelasan di Dewan ini, saya difahamkan diluluskan oleh Exco Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi saya mintak penjelasan di Dewan ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kita tolak di bawah Fasal 26(6). Jadi kalau ada masa akan datang Yang Berhormat kena tanya soalan, kena sesuaikanlah sikit dengan kita punya

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini bukanlah masalah akan datang, ini adalah untuk kepentingan Negeri Terengganu. Kita menggadaikan royalti minyak kita untuk diurus tadbirkan oleh satu badan yang lain daripada Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi saya mintak penjelasan di Dewan ini?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah kata tadi Yang Berhormat, Yang Berhormat bacalah Buku Panduan (Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan) di bawah 26(6), kemudian saya mintak Yang Berhormat teruskanlah dengan soalan yang lain. Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya takdok soalan yang lain.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak ada. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soalan nombor dualah tapi ini saya takdok notis apa semua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takdok soalan, duduk Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan yang pertama saya ditolak, soalan yang kedua –

Bilakah Projek Lebuh Raya Pantai Timur Fasa Dua dijangka siap sepenuhnya?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih kepada Wakil Rhu Rendang yang menanyakan bilakah Projek Lebuh Raya Pantai Timur Fasa Dua dijangka siap sepenuhnya? Di mana soalan ini juga berkait rapat dengan soalan yang kedua daripada Wakil Batu Burok jadi saya sekaligus menjawab soalan-soalan ini.

Status pencapaian kemajuan Lebuh Raya Pantai Timur adalah 60% iaitu setakat bulan Ogos 2009 dan dijangka akan dapat digunakan pada bulan Mei 2011. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Oleh kerana projek ini terlalu berlarutan sehingga bertukar-tukar Perdana Menteri, sampai tiga orang Perdana Menteri sehingga bertukar juga Menteri Kerja Raya dan Kerajaan Negeri Terengganu jugak bertukar-tukar, nak dikata sebab Kerajaan berbeza saya rasa tak munasabah kerana dalam masa yang begitu panjang kita bimbang takut ianya jadi satu diskriminasi atau *double standard* terhadap negeri-negeri di Pantai Timur dan Malaysia Timur yang masih menjadi amalan. Saya ingin tahu apakah pernah diatur pertemuan oleh Kerajaan dengan Menteri Kerja Raya untuk menyegerakan projek ini?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, setakat hari ini pihak Kerajaan Negeri Terengganu memang sentiasa berhubung kait dengan pihak Kementerian Jabatan Kerja Raya iaitu pihak Persekutuan di mana pemantauan-pemantauan secara bersama dan mesyuarat telah diadakan untuk memastikan semua kerja-kerja lebuh raya ini berjalan sebagaimana yang kita sasarkan tarikh yang saya sebutkan pada bulan Mei 2011 di mana kontraktor-kontraktor yang telah dilantik kita pantau dan jika ada masalah-masalah tertentu daripada kontraktor-kontraktor terlibat kita telah mengambil tindakan di mana kontraktor yang telah menyerahkan balik

kerja-kerja pelaksanaannya telah kita atasi dan ia telah berjalan seperti biasa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat tak jawab soalan tu. Saya ingin bertanya, disebut tadi kontraktor tarik diri, pasal apa kontraktor tarik diri? Yang keduanya, kos asalnya, saya difahamkan dulu RM1.8 bilion, sekarang berapa kalau ada kenaikan kos dan duit yang pakai tu duit royalti Terengganu tu banyak mana, hak kes nak buat lebuhraya ni, berapa duit Dana Khas daripada duit royalti Terengganu yang digunakan untuk buat projek lebuhraya ini?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, soalan hak mana se nak jawab ni, banyak sangat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jawab belakalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Boleh ulang semula, ulang semula.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak tanya berhubung dengan kontraktor yang tarik diri. Apa sebab dia tarik diri, adakah oleh kerana masalah-masalah kontraktor ataupun masalah harga dan sebagainya itu, satu. Yang keduanya, berhubung dengan kos pembinaan, kos asal saya difahamkan RM1.8 bilion, adakah kos itu meningkat sekarang dan banyak mana duit Dana Khas daripada royalti Terengganu yang digunakan untuk membina LPT yang kedua ini?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Biar jelas begitu, tadi tak berapa jelas, kalau jelas senang pulak nak jawab, kita jawab *style* ikut soalan.

Jadi setakat hari ini kita dapati ada satu daripada kontraktor yang telah menyerah balik kerja-kerja asal kepada Kerajaan, re-tender telahpun kita buat dan pelantikan baru kontraktor iaitu Duta Alam Construction telahpun kita gantikan dengan kos sebanyak RM28 juta untuk kerja-kerja pelaksanaan daripada baki-baki yang telah diserahkan oleh Kerajaan Negeri. Sebab-sebab kelewatan dan sebab-sebab dia menyerahkan balik itu

disebabkan sebagaimana yang saya telah maklum pada Disember 2008 dalam persidangan yang lalu yang mana masalah-masalah harga barang dan kenaikan harga ketika itu. Seterusnya ialah mengenai status kedudukan kos asal ialah sebanyak RM3.7 bilion untuk pelaksanaan Lebuh Raya LPT Kedua ini dan setakat hari ini kita tidak menerima data baru yang mengatakan pertambahan kos baru atau sebagainya. Walau bagaimanapun, kita amat yakin perubahan daripada harga asal akan berlaku disebabkan harga barang yang dihadapi oleh pihak kontraktor-kontraktor terlibat. Dan untuk soalan yang ketiga saya kira iaitu dari segi berapa banyak dana yang telah digunakan untuk menyiapkan lebuh raya ini sebagaimana persetujuan yang telah dicapai ialah setakat hari ini perjanjian kita ialah 50% daripada Kerajaan Persekutuan dan 50% lagi daripada Dana Khas Kerajaan Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat Pengkalan Berangan kita jawab sekali dengan soalan Yang Berhormat Batu Burok, beliau tidak tanya tadi dan sebenarnya soalan yang sama.

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya dah sebut tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab Batu Burok ada kemukakan dua soalan. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan yang pertama -

Sila senaraikan bangunan dan kemudahan awam serta mercu tanda yang dibina oleh Kerajaan seperti Makmal Komputer, Dewan Sekolah, Stadium, Pusat Akuatik, Lapangan Terbang, Taman Tamadun Islam dan sebagainya yang didapati rosak, bocor, mendap, runtuh dan diarah tutup di negeri ini?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dok dang nak duduk saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam yang menanyakan masalah bangunan dan kemudahan awam serta mercu tanda yang dibina oleh Kerajaan seperti Makmal Komputer, Dewan Sekolah, Stadium, Pusat Akuatik, Lapangan Terbang, Taman Tamadun Islam dan sebagainya yang didapati rosak, bocor, mendap, runtuh dan diarah tutup di negeri ini.

Pertama, ialah Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Besi gutter runtuh telah dilaksanakan dan siap pada bulan April 2007. Yang kedua, Dewan Sekolah Menengah Wakaf Tapai iaitu kekuda atapnya runtuh dilaksanakan di bawah projek PMC di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia telahpun dibaiki dan siap sepenuhnya. Dan yang ketiga, Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin Gong Badak iaitu bumbung stadium runtuh pada 2 Jun 2009, Panel Pemeriksa Bebas sedang menyiasat punca sebenar kejadian. Yang keempat, Pusat Akuatik Terengganu, kerosakan/kecacatan telah dikenal pasti dan di dalam proses pembaikan dan masih lagi di dalam kerja-kerja kontraktor. Dan yang kelima Stadium Tertutup Kompleks Sukan Gong Badak di mana kerja-kerja sedang berjalan dan tempoh edah dia ada lagi dan dalam proses pembaikan oleh kontraktor. Yang keenam, Lapangan Terbang Sultan Mahmud, dalam proses pembaikan kerosakan-kerosakan yang berlaku. Dan Taman Tamadun Islam, kerosakan-kerosakan sedang dilaksanakan oleh kontraktor yang terlibat dan tidak ditutup oleh Kerajaan dan berjalan seperti biasa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Boleh tahan jugaklah hak runtuh, hak rosak, hak bocor, hak mendap. Kalau nak dikira-kiralah senarai dan saya rasa ada lagi senarai yang tertinggal tapi kalau nak dikira senarai yang diberikan agak-agak berapa nilai kerugian dan mengapa perkara ini boleh berlaku? Kalau nak dibaiki kos baik pulih, hak telah baiki, hak sedang baiki berapakah kosnya, satu berapa anggaran nilai kerugian dan mengapa perkara ini boleh berlaku? Dan yang ketiganya, berapa kos kalau nak dibaik pulih keseluruhan apa-apa senarai yang telah disebutkan tadi?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Untuk kos yang kita anggarkan kerosakan-kerosakan ini, apa yang saya boleh maklum seperti Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, kita anggarkan kerosakan lebih kurang RM35 juta.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Minta maaf Dato' Yang Dipertua, tidak berapa jelas, berapa juta tadi Stadium yang nak dibaiki berapa?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): RM35 juta, kita anggarkan RM35 juta.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): RM35 juta, okey.

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jadi oleh kerana yang lain-lain iaitu masih lagi dalam pelaksanaan jadi kos sebenar masih lagi belum lagi dimaklum oleh pihak kontraktor yang terlibat. Untuk makluman Dewan juga kos-kos kerosakan ini adalah ditanggung oleh pihak kontraktor yang terlibat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelas): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, soalan tadi dia tak jawab lagi ada satu lagi perkara yang saya tanya, mengapa pembinaan yang melibatkan ratusan juta semua sekali ni dengan kos yang begitu tinggi boleh berlaku sana bocor, sini rosak, sini mendap, situ runtuh, mengapa perkara ini boleh berlaku? Negeri lain tak, saya malu sebagai rakyat Terengganu pergi di Parlimen, dia kata apalah Terengganu ni, macam mana boleh berlaku di Terengganu begini tidak berlaku di tempat lain. Apa pada pandangan pihak Kerajaan perkara ini boleh berlaku di negeri kita?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Hebatlah. Macam juga orang, kalau musim dia sakit kepala, sakit perut, lepas tu kita ingat setakat sakit kepala, sakit perut je, rupanya, *kaalu innallillahi wainna ilahiturjaun*, sampai masa dia. Begitu juga kita dengan pembangunan ni perbuatan manusia, apabila perbuatan manusia tidak ada yang sempurna, mesti ada yang tidak sempurna, itu sudah menjadi lumrah alam, jadi itulah keadaannya apa yang saya boleh beritahu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan, sila.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya minta maaf Dato' Yang Dipertua, soalan yang ditanya tetapi jawapannya *sub-standard*. Kita bercakap soal yang begitu serius

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): apa yang berlaku di Negeri Terengganu, sebagai contohnya Stadium Sultan Mizan. Tiap-tiap hari kapal terbang *landing*, pelancong akan melihat pertamanya jatuh/runtuhnya Stadium Sultan Mizan

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, oleh kerana soalan ini menyentuh dari segi Panel yang masih lagi dalam penyiasatan dan saya rasa tidak perlu kita bincang lebih panjang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya mintak supaya Yang Berhormat Exco kita jawab secara berhemah dan dengan bertanggungjawab dengan apa yang berlaku. Kalau kita main lepas-lepas begitu saja baik kita dok soh duduk dalam Dewan ini.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya jawab ikut soalan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak ada soalan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya baru nak pergi kepada soalan saya. Soalan saya siapa yang perlu dipertanggungjawabkan tentang apa yang berlaku ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, telah diberitahu tadi siasatan sedang dibuat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sampai bila siasatan ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak perlu dijawab Yang Berhormat ya. Saya jemput Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 ditolak, soalan nombor 2 -

Sila nyatakan apakah benar Kerajaan Negeri akan membahagi-bahagikan pakaian sekolah secara percuma kepada pelajar-pelajar di negeri ini. Siapakah pembekal dan adakah pembelian ini dibuat secara tender terbuka?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Soalan daripada Wakil Ladang ialah bertanya berkaitan: Sila nyatakan apakah benar Kerajaan Negeri akan

membahagi-bahagikan pakaian sekolah secara percuma kepada pelajar-pelajar di negeri ini? Jawapannya adalah tidak benar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ya, tambahan. Kalau tidak diberi kepada semua pelajar adakah akan diberi kepada sebahagian kepada pelajar-pelajar?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Kerajaan Negeri telah bersetuju memperuntukkan bantuan pakaian dan peralatan sekolah rendah hanya kepada pelajar-pelajar yang keluarganya berpendapatan ataupun keluarganya berpendapatan adalah RM1,200 dan ke bawah dan layak terima tidak lebih dua orang anak dalam satu keluarga. Baik, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Tak jawab lagi soalan yang berikutnya. Siapakah pembekal dan adakah pembekal ini diberi secara tender terbuka?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan pokok.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tadi yang kedua dan yang ketiga itu saya tak jawab sebab soalan yang pertama itu dinyatakan apakah benar tapi saya nyata tak benarlah. Jadi berkait dengan siapakah pembekal yang membekalkan bantuan pakaian sekolah dan peralatan sekolah rendah kepada pelajar-pelajar adalah pembekal tempatan iaitu Syarikat Hamie Enterprise dan dikecualikan daripada proses tender terbuka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak berapa jelas di belakang tu sedikit, ulang semula.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Pembekal tempatan ialah Syarikat Hamie Enterprise dan dikecualikan daripada proses tender terbuka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kalau boleh ditanya lagi berapakah nilai pembelian ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan yang ketiga Yang Berhormat ya.

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Syarikat Hamie Enterprise telah mendapat pengecualian tender daripada Perbendaharaan Negeri Terengganu bagi membekalkan set pakaian dan peralatan sekolah untuk diagihkan kepada 53,300 pelajar sekolah rendah yang berpendapatan keluarga RM1,200 dan ke bawah di seluruh Negeri Terengganu dengan jumlah keseluruhannya ialah RM7,995,000. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ada se lagi dok?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah tiga dah Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tiga tadi soalan hak asal tu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tadi hak asal takdok sebab jawapannya tidak ada.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bolehlah tambah se lagi dok?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi ihsanlah satu lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Apakah agaknye istimewa benar Hamie ini sehinggakan dikecualikan daripada tender terbuka?

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Kerajaan Negeri telah bersetuju melantik pembekal tempatan iaitu Syarikat Hamie Enterprise bagi membekalkan pakej bantuan pakaian dan peralatan sekolah rendah ini dan diberikan pengecualian tender daripada Perbendaharaan dengan alasan; yang pertama, Syarikat Hamie Enterprise menyediakan pakaian dan peralatan sekolah dengan jenama Ganu Kite dan berkualiti. Yang kedua, berdasarkan kepada perundingan harga dengan syarikat pembekal kain iaitu MySutera Sdn. Bhd. yang membekalkan pakaian sekolah berjenama Canggih, didapati Syarikat Hamie Enterprise menawarkan harga yang lebih rendah iaitu RM150 bagi setiap set pakej berbanding dengan MySutera Sdn. Bhd. iaitu RM161 bagi set pakej pelajar lelaki dan RM173.90 bagi set pakej pelajar perempuan. Di samping itu, Syarikat Hamie Enterprise memberi tambahan item iaitu dua helai anak tudung bagi set pakej pelajar perempuan berbanding dengan pembekal

lain. Kerajaan Negeri yakin kualiti pakaian dibekalkan mengikut spesifikasi di mana setelah agihan yang lebih awal di Kawasan Parlimen Kuala Terengganu tiada rungutan kecacatan kualiti dibangkitkan. Kerajaan Negeri pada awalnya telah menawarkan kepada Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) tetapi pihak YPK belum bersedia untuk menjadi pembekal bagi set pakaian tersebut. Walau bagaimanapun, di tahun hadapan Kerajaan akan cuba memastikan pihaknya bersedia menerima permintaan bekalan tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Seberang Takir, jelas kepada Dewan. Saya jemput seterusnya Wakil Sura.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Apakah perancangan dan usaha-usaha pihak Kerajaan untuk memperbaiki Rumah Petronas Fasa 2 Kertih, Kemaman, Terengganu?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri sedang merancang untuk membaiki dan menaik taraf Rumah Rantau Petronas Fasa 2 mengikut keperluan perancangan Pihak Berkuasa Tempatan apabila siap akan datang Kerajaan bercadang untuk dijual kepada orang ramai. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bilakah jangkakan siap Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, peringkat awalnya kita sedang membina pagar-pagar untuk keselamatan di kawasan berkenaan dan seterusnya kita akan membaiki rumah-rumah tersebut. Untuk pengetahuan, kita ada tiga fasa bagi projek perumahan tersebut iaitu fasa pertama seluas 7.7 hektar mempunyai 71 unit, fasa kedua 8.50 hektar mempunyai 95 unit dan fasa ketiga seluas 6.7 hektar mempunyai 126 unit ianya melibatkan ada rumah kayu dan ada rumah batu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Penjualannya adakah dibuka kepada semua rakyat atau hanya kepada Pegawai Petronas?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: InysaAllah, kita akan jual secara terbuka Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya jemput Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 -

Sila nyatakan berapa jumlah rakyat Negeri Terengganu yang telah dijangkiti 'Selsema Babi' (Influenza A-H1N1) hingga kini?

- (a) Nyatakan mengikut pecahan daerah.*
- (b) Nyatakan mengikut kategori kes sama ada import atau tempatan.*
- (c) Nyatakan berapa buah sekolah dan IPTA di negeri ini yang terpaksa ditutup akibat penularan penyakit tersebut.*

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan.

Terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal yang bertanyakan soalan; berapa jumlah rakyat Negeri Terengganu yang telah dijangkiti 'Selsema Babi' (Influenza A-H1N1) hingga kini? Meminta pecahan mengikut daerah, kategori kes sama ada import atau tempatan dan bertanyakan sekolah-sekolah dan IPTA yang ditutup akibat daripada penyakit Influenza A-H1N1.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, untuk makluman Dewan sehingga 24 Ogos 2009 iaitu semalam, bilangan kes Influenza A-H1N1 yang dicatatkan di Negeri Terengganu dan disahkan oleh pihak Kesihatan Negeri adalah sebanyak 895 kes. Mengikut pecahan daerahnya paling tinggi adalah Daerah Dungun iaitu sebanyak 180 kes, diikuti oleh Kuala Terengganu sebanyak 146 kes, Marang 145 kes, Hulu Terengganu 136 kes, Setiu 133 kes, Kemaman 99 kes dan Besut 56 kes. Daripada laporan yang diterima mengenai penularan Influenza A-H1N1 menunjukkan sebanyak 6 kes yang dilaporkan adalah kes import manakala 889 kes adalah kes tempatan. Dan sehingga semalam terdapat sebanyak 28 buah sekolah ditutup dan 12 buah Institusi Pengajian Tinggi termasuk PLKN

dan asrama di Negeri Terengganu telah ditutup akibat penyakit ini. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Sekejap Bukit Tunggal. Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan sekalian. Ini penting ya, doktor tanya doktor dan kes sedang berleluasa sekarang ini. Molek Yang Berhormat sila soalan tambahannya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Soalan tambahan saya, daripada 895 kes yang dicatatkan di Negeri Terengganu, berapa kes kematian yang dilaporkan setakat ini?

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Sehingga semalam belum ada dilaporkan kes kematian berkaitan Influenza A-H1N1 di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah buat masa ini belum ada kematian. Tapi kita melihatkan suatu perkara yang sangat membimbangkan pada masa ini di mana yang terakhir seluruh negara sudah 69 kes kematian dilaporkan dan Terengganu nampaknya kes penularan tempatan lebih banyak daripada import dan kemungkinan kes yang pertama tu kerana import dan yang tempatan dah 889 kes ini adalah suatu penularan yang sangat dahsyat, rakyat kita tidak berapa ramai, negeri kitapun kecil sahaja dan penularan penyakit ini ialah melalui udara terutamanya, *droplets* dengan izin, dan ini menyebabkan tiada siapapun yang boleh selamat daripada dijangkiti oleh penyakit H1N1 ini. Oleh itu saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan apakah langkah khusus yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengawal wabak ini daripada terus merebak khususnya untuk mengelakkan daripada berlakunya kematian yang alhamdulillah setakat ini kita belum mencatatkan sebarang kematian lagi.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Wakil daripada Bukit Tunggal. Jadi sekarang ini penyakit Influenza A-H1N1 adalah di peringkat mitigasi ianya di peringkat kita hanya membendung sahaja penyakit ini daripada memberi kesan yang buruk kepada pesakit itu sendiri dan mengurangkan risiko pengawalan di mana kita sudah tidak boleh mengelak lagi daripada berlakunya kemasukan kes di negeri kita. Jadi di peringkat Kerajaan Negeri dengan kerjasama

Jabatan Kesihatan Negeri beberapa langkah telah disyorkan untuk diambil oleh pihak individu dan masyarakat. Di antaranya, individu perlu menjarakkan sekurang-kurangnya satu meter dengan individu yang lain serta meminimumkan majlis perjumpaan. Individu dan masyarakat perlu mengamalkan etika batuk yang baik seperti memakai sapu tangan ketika batuk, menjaga kebersihan tangan dan mencuci dengan cara yang betul dan lebih kerap. Bagi kes-kes yang berkomplikasi dan berisiko tinggi perlu dirawat di hospital di mana pendekatan ini untuk memastikan impak negatif penularan pandemik dapat diminimumkan. Mereka yang bersimptom ringan serta tiada masalah kesihatan digalakkan rehat di rumah dan hanya perlu ke klinik dan hospital sekiranya didapati simptom menjadi lebih berat. Kehadiran kes ringan di klinik boleh membebaskan keupayaan klinik untuk merawat kes yang berisiko tinggi. Mereka yang bersimptom perlu memakai mask ataupun penutup mulut dan hidung termasuklah mereka yang berisiko tinggi seperti pesakit asma, obesiti, ibu mengandung, diabetes, penyakit kronik paru-paru supaya mengurangkan risiko kematian. Pihak majikan dan institusi perlu memantau kehadiran pekerja mereka termasuklah mereka yang tidak hadir bertugas kerana sakit. Kejadian kes-kes bersimptom influenza perlu dilakukan segera kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat. Dan di antara aktiviti lain ialah mengadakan Solat Hajat di semua masjid di Negeri Terengganu untuk memohon menolak bala dan bebaskan daripada penyakit influenza serta memberitahu dalam Khutbah Jumaat mengenai cara mengatasi dan bahayanya penyakit influenza kepada orang ramai. Langkah ini bertujuan untuk menghindarkan rakyat Terengganu khususnya bebas daripada ancaman Influenza A-H1N1. Jadi itulah di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Kesihatan dalam memastikan individu dan masyarakat membuat langkah-langkah pencegahan.

Bagi kes-kes yang berlaku di kawasan-kawasan institusi yang dipanggil Kes Kluster, Jabatan Kesihatan akan segera pergi menyiasat dan memastikan kesahihan kes dan sekiranya kita mengesyaki berlaku penularan *Influenza Light Illness* dengan izin, kita akan berbincang dengan kerjasama daripada Jabatan Pelajaran ataupun pengurus institusi itu untuk menutup institusi itu seberapa segera yang mungkin bagi mengelakkan penularan. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):
Soalan tambahan yang akhir.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang ketiga. Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):
Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Memandangkan kes

ini di peringkat yang agak kritikal sekarang dan tindakan yang disebutkan oleh Wakil Kuala Besut itu adalah tindakan biasa yang memang dinasihat oleh Kementerian Kesihatan yang kita dengar dalam t.v. hari-hari dan surat khabar. Cuma apa yang saya nak kemukakan di sini adalah beberapa perkara memandangkan keadaan yang sudah agak kurang terkawal kerana kalau kita kira tabiat orang kita, demam dua-tiga hari baru dia mula nak pergi ke klinik, kalau sehari-dua tu dia tahan dulu. Dan setakat yang kita ada ubat anti viralpun dia hak yang pertama saja dia boleh kesan yang terbaik lepas pada tu dia kurang berkesan. Tapi sekarang ini sudah ada pengeluaran vaksin yang boleh mencegah penyakit ini. Di Malaysia dijangkakan 20 peratus penduduk negara kita kemungkinan akan dijangkiti oleh Influenza A ini. Jadi lebih kurang 5 juta rakyat Malaysia akan terjejas. Oleh itu kerana sudah ada pengeluaran vaksin ini, adakah Kerajaan Negeri bercadang sebagai negeri pertama sebagaimana E-Book dia boleh menjadi negeri pertama memulakan E-Book dengan belanja yang agak besar, kita beli vaksin sendiri untuk kegunaan rakyat Terengganu, mungkin untuk golongan yang berisiko dahulu untuk memastikan tidak ada jangkitan baru dan boleh mengawal rakyat kita daripada dijangkiti kerana dibimbangi penyakit ini akan jadi pandemik dan akan berada dalam masyarakat sepanjang masa yang akhirnya tiada siapa lagi yang boleh mengelak daripada mendapat jangkitan ini dari masa ke semasa. Itulah soalan saya adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membeli vaksin untuk rakyat Terengganu sahaja khususnya golongan yang berisiko? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kuala Besut.

YANG BERTHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih di atas soalan tambahan itu. Setakat yang saya dimaklumkan vaksin Influenza A-H1N1 ini belum ada di pasaran lagi, yang kita ada hanya vaksin untuk *common cold* di mana vaksin inipun diragui boleh memberi *protection* sepenuhnya kepada H1N1. Dan insyaAllah, mengikut daripada Jabatan Kesihatan sekiranya vaksin ini ada di pasaran nanti mereka yang kumpulan hadapan dan mereka yang berisiko tinggi akan diberi keutamaan untuk diberikan pelalian vaksin ini nanti. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat pun ada risiko jugaklah kita sering dengan masyarakat dan orang ramai sebab itu saya bagi panjang sikit tu. Saya jemput Wakil Bukit Payong.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama saya ditolak, soalan yang kedua -

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menghadapi masalah sosial, khususnya masalah 'Mat Rempit' yang berlaku dalam negeri ini sejak akhir-akhir ini?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Bukit Payong yang bertanyakan tentang usaha-usaha Kerajaan untuk menghadapi masalah sosial khususnya masalah Mat Rempit. Dan di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi menangani masalah sosial ini adalah:

- (i) Melalui pendekatan Penguatkuasaan seperti melalui Operasi Bersepadu Mencegah Lumba Haram dan sekatan-sekatan jalan raya yang diadakan pada setiap hujung minggu terutamanya pada hari Khamis, Jumaat dan Sabtu.
- (ii) Melalui pendekatan Pembelajaran atau Program 'Community Policing' dengan izin, seperti dengan mengadakan ceramah-ceramah, pameran, kempen keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah, tempat-tempat awam dan kempen melalui media massa, cetak dan elektronik.
- (iii) Melalui pendekatan 'Engineering' dengan kerjasama daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu melakukan pengubahsuaian atau membina halangan-halangan di jalan-jalan yang dikenal pasti sebagai lokasi lumba haram.
- (iv) Melalui pendekatan 'Judiciary'/Kehakiman dengan memberi hukuman setimpal kepada pesalah-pesalah atau 'samseng jalanan' mengikut akta-akta yang telah diperuntukkan oleh Pihak Berkuasa.
- (v) Kerajaan Negeri juga melalui agensinya Majlis Sukan Negeri telah menganjurkan program 'Terengganu City Night Game' yang hanya satu-satu negeri di Malaysia ini yang mengadakan program ini pada tiap-tiap bulan di Kompleks Sukan Gong Badak dengan berbagai acara sukan khusus untuk menarik golongan-golongan muda dan belia dengan berbagai acara sukan seperti:
 - Pertandingan Bola Sepak 3 On 3
 - Minibike
 - Lawn Bowl
 - Auto Show
 - Pertandingan Motocross

- Remote Control Car
- Futsal dan Bola Sepak

Selain daripada itu, Kerajaan telah melaksanakan satu program untuk golongan remaja di Terengganu yang dikenali sebagai 'Program Bakti Remaja 2009' dengan mengenakan kursus wajib selama 3 hari 2 malam untuk golongan-golongan belia di Terengganu dengan matlamat untuk memberi kesedaran dan motivasi kepada para belia.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan tambahan. Apakah punca-punca yang dikenal pasti oleh pihak Kerajaan yang menyebabkan berlakunya pemasalahan ini?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Punca-punca berlakunya masalah Mat Rempit, Lumba Haram dan penyakit sosial ini yang pertama adalah kerana institusi keluarga iaitu komposisi keluarga yang pada hari ini menampakkan kemewahan dan ini akan menular kepada generasi-generasi baru yang dengan mudah untuk mendapat kemudahan-kemudahan yang boleh menyebabkan mereka mengadakan lumba haram dan sebagainya. Dan yang keduanya, adalah oleh kerana generasi muda pada hari ini didedahkan kepada infrastruktur seperti jalan raya yang baik dan kita perlukan kempen-kempen kepada generasi muda bermula di peringkat sekolah, di tempat-tempat awam, Pekan-Pekan budaya di seluruh negeri dan juga rondaan-rondaan berkala yang masih boleh dipertingkatkan untuk mengawal lumba-lumba haram yang berleluasa. Yang seterusnya kurang kemudahan-kemudahan ataupun litar-litar lumba yang boleh memberikan pendekatan untuk langkah-langkah pencegahan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Masalah Mat Rempit ini ada kaitan dengan persoalan-persoalan lain seperti penagihan arak, gejala sosial, pergaulan bebas. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Penguatkuasa Agama terhadap pemasalahan Mat Rempit ini?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, masalah yang dihadapi dengan Mat Rempit umpamanya, pendekatan Penguatkuasaan oleh baik daripada pihak Polis (PDRM) ataupun JPJ (Majlis Keselamatan Jalan Raya), JKR dan Badan-badan Majlis Agama dan sebagainya memerlukan satu pendekatan bersepadu. Operasi-operasi yang dijalankan bukan sahaja bersama-sama dengan Badan-badan Penguatkuasaan, tetapi juga melalui agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan NGO untuk membanteras masalah sosial ini. Walaupun demikian, penularan masalah ini daripada masa ke semasa

tidaklah boleh dipersalahkan kepada Agensi-agensi Penguatkuasaan semata-mata kerana kesedaran ibu bapa juga yang perlu menasihati, yang perlu memberi bimbingan kepada anak-anak mereka yang rata-rata pada hari ini kita lihat bahawa masalah yang dihadapi berubah daripada semasa ke semasa. Umpamanya, kalau kita lihat 'samseng jalanan', di mana-mana negeripun 'samseng jalanan' ini kita lihat menjadi satu masalah, tidaklah selesai masalah ini hanya diberikan pertanggungjawaban kepada PDRM atau JPJ semata-mata tanpa kesedaran komuniti ataupun masyarakat setempat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ketiga, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Berdasarkan kepada penjelasan yang diberi oleh Wakil Teluk Pasu, saya ingin tahu apakah langkah-langkah awal yang telah diatur oleh pihak Kerajaan untuk memberi kesedaran kepada para ibu bapa dan apakah jenis-jenis perundingan, pertemuan yang diadakan untuk membincangkan perkara ini? Dan apakah Wakil Teluk Pasu pada malam-malam Jumaat biasakah turun ke jalan-jalan di Kuala Terengganu inilah, di Kuala Terengganu yang hebatnya ialah di Jalan Kuala Berang dan sebahagian daripada Jalan Kuala Terengganu - Manir - Jeram. Sekian.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, salah satu pendekatan adalah 'Community Policing' ataupun pendekatan Pembelajaran dan pemimpin-pemimpin masyarakat, Wakil-wakil Rakyat selalu mengadakan siri-siri ceramah di peringkat sekolah rendah hingga ke Insititusi Pengajian Tinggi dan Jabatan Kerajaan. Juga bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Jalan Raya kita adakan *road block* ataupun sekatan jalan raya dan mengadakan kempen dari masa ke semasa untuk memberikan kesedaran kepada penduduk-penduduk setempat untuk bersama-sama mencegah masalah ini. Kita juga mengadakan ceramah-ceramah di tempat-tempat awam dan Pekan-Pekan Budaya yang diadakan di tiap-tiap daerah. Mengadakan rondaan berskala di kawasan-kawasan yang sering dijadikan litar lumba haram untuk pendekatan pencegahan. Juga mengadakan hebahan di media masa iaitu dengan mengadakan peruntukan Slot Bersama RTM Dan PDRM setiap hari Rabu jam 11.30 pagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada sedikit masa lagi, saya ingatkan pihak Kerajaan supaya bersedia

dengan soalan (pusingan) kedua. Yang pertamanya daripada Bukit Tunggal. Silakan, soalan kedua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya yang kedua ada jugak Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ikut daripada bawah pulak Yang Berhormat. Tadi daripada atas, saya bagi adil.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya nombor 2 -

Apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi kesesakan jambatan-jambatan Manir, Buloh Gading dan Bukit Kuang?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Pihak Kerajaan memandang serius kesesakan yang berlaku di jambatan-jambatan sebagaimana yang disebutkan iaitu di Manir, Buloh Gading dan juga Bukit Kuang. Bagi Jambatan Manir dan Buloh Gading cadangan menaik taraf telah dirancang dan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK 10). Manakala bagi Jambatan Bukit Kuang, akan ditender pada akhir tahun ini iaitu pada bulan Disember 2009 nanti. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan. Dalam Bajet Tambahan itu ada dinyatakan untuk buat jambatan atas muara Sungai Terengganu daripada Losong mungkin ke Pulau Sekati dan naik ke Teluk Pasu. Adakah dengan pertambahan satu lagi jambatan di sini, bagi saya saya nampak seolah-olah akan menyebabkan semakin sesak di Jambatan Buloh Gading ni kerana kita sudah ada dua jalan masuk daripada Manir dan juga Pulau Sekati sebab projek Buloh Gading belum ada dalam bajet lagi, yang Pulau Sekati sudah ada, jadi takut yang itu siap dulu, yang ini tidak ada lagi jadi dia akan *jammed* lagi teruk di situ.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Memang kita akui bahawa kesesakan di Jambatan Manir, Buloh Gading dan jugak akibat di Kampung Jeram Tok Kong. InsyaAllah pada tahun ini setelah Bajet kita diluluskan, projek di Jambatan Jeram Tok Kong kita akan laksanakan dan untuk Manir dan Buloh Gading sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Kita jemput Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 2 -

Sila nyatakan perbelanjaan di bawah peruntukan Dana Khas dari Wang Royalti Petroleum Terengganu yang telah digunakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dari tempoh tahun 2000 sehingga tahun 2009. Bilakah ianya akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan berapakah jumlahnya?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebanyak RM771,334,000 telah dibelanjakan daripada Dana Khas oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad di antara 2001 hingga 2008. Jumlah ini telah diambil kira untuk dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan setelah Perjanjian Pengembalian Royalti ditandatangani. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan yang diberikan di Parlimen, jumlah yang saya dimaklumkan ialah RM873.4 juta untuk seluruh negara tetapi Terengganu telahpun diberikan peruntukan RM102.1 juta, maknanya angka Yang Amat Berhormat sebutkan tadi ialah RM771 juta itu ialah hak negeri-negeri lain. Adakah dalam kita nak menuntut balik hak kita oleh kerana syarikat ini dia buat rumah, Rumah Mesra Rakyat dan dia dapat pulangan balik, adakah oleh kerana dibuat di Terengganu maka dihapus kira begitu? Jadi saya nak mintak pandangan Kerajaan mengapa dia pakai duit kita RM874 juta tapi bila kita nak tuntutan balik hanya RM771 juta sahaja.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang benar RM102.1 juta dibelanja untuk Negeri Terengganu dan ini adalah merupakan sebahagian daripada rundingan yang kita jalankan supaya perkara ini dimasukkan balik menjadikan RM800 juta. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat ada lagi? Batu Burok, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya nak mendapat

penjelasan lanjut tentang jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat. Kenyataan pada waktu itu Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak menyatakan untuk Royalti 2007 – 2008 yang diberikan jumlah royalti ialah RM408.6 juta, yang saya mintak penjelasan adalah dan apa yang disebut di sini ialah RM408.6 juta itu setelah ditolak segala kos yang dilaksanakan dan jugak segala bentuk pinjaman yang diberikan. Jadi itulah yang saya nak mintak penjelasan apa kaitannya dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad ini, apakah dari segi keuntungan dan sebagainya tidak diambil kira dalam pemberian balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, RM408.6 juta itu tidak terlibat dengan SPNB. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menegaskan yang ini adalah hasil kerja-kerja khianat pimpinan UMNO Terengganu. Apa yang berlaku Dato' Yang Dipertua, jadi kita rugi, berunding dalam keadaan kita rugi, Airport duit kita orang lain yang dapat hasil, jadi masalah sekarang ini

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat soalnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi soalnya saya mintak penegasan dari segi perundingannya supaya oleh kerana kita pernah buat satu Usul

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat semua orang reti belaka, rundingan belum diputuskan lagi dan masih dalam rundingan. Jadi Yang Berhormat tanya soalan yang lebih daripada itu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, pasal berkait dengan soalan ini dan nampak atas darat kering takdok pasal-pasal RM102 juta kita ini hilang begitu saja kesnya rumah buat di Terengganu tapi orang lain yang dapat hasil. Dan persoalannya sekarang ini saya nak tanya Yang Amat Berhormat di mana nak dapat borang untuk rumah inipun, duit kita, kita sendiri nak tolong bantu rakyat miskin yang perlukan rumah nak dapat borangpun tak ada, Rumah Mesra Rakyat ini. Kalau boleh diperjelaskan, siapa yang agihkan borang untuk dapat rumah ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi SPNB pengagihan borang dikeluarkan oleh SPNB sendiri dan pemohon perlu berhubung dengan Syarikat Perumahan Negara di Kuala Lumpur. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian alhamdulillah pada pagi ini dalam tempoh satu jam kita telah menyelesaikan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ada satu cadangan Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu, Perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin memohon izin untuk mencadangkan satu Usul Di Bawah Fasal 30, supaya Persidangan Dewan ditangguhkan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan. Perkaranya ialah status terkini Royalti Terengganu. Dato' Yang Dipertua, saya nak beri penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Biar saya baca dulu sikit. Lepas tu atas Dato' Yang Dipertua, saya akan serah kertas ini sama ada Dato' nak terima ataupun tidak.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jawapan rasmi di Parlimen menyatakan jumlah bayaran royalti yang sepatutnya dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Terengganu daripada tahun 2000 hingga Jun, 2009 ialah sebanyak RM15.18 bilion. Tadi Yang Amat Berhormat sebut tadi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam sekejap. Adakah sebutan Usulnya macam tu? Yang dibaca tadi tu ataupun penerangannya dulu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, sebutan Usul ni, saya nak sentuh sikit, sikit aje, pendek aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebutan terus kepada Usul dan serah kepada Setiausaha Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, okey, okey. Jadi bayaran royalti ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walaupun dijanjikan akan dibayar balik dan dikembalikan dalam bentuk asal seperti mana dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 (Petroleum Development Act 1974). Dalam perjanjian asal dengan Petronas yang ditandatangani pada 22 Mac 1975 tetapi masih sehingga sekarang tidak ditunaikan sehingga ke hari ini. Begitu juga dengan perbelanjaan di bawah peruntukan Dana Khas dari Wang Royalti Petroleum Terengganu yang dibelanjakan oleh Kementerian-Kementerian, Agensi-agensi Kerajaan Pusat, Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Syarikat Perumahan Negara (SPNB) seperti mana tadi yang disebutkan untuk tempoh yang sama telah mencecah lebih daripada RM8.31 bilion dan sehingga kini juga masih tidak dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Ini angka jawapan rasmi di Parlimen.

Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan Dewan Undangan Negeri Terengganu yang mulia ini dapat membahaskan isu ini dan seterusnya mengambil ketetapan mendesak Petronas dan Kerajaan Pusat mengembalikan semula bayaran Royalti Petroleum ini mengikut perjanjian asal. Dan juga bayaran balik perbelanjaan peruntukan Dana Khas yang digunakan dengan kadar segera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

[Bentara Dewan mengambil Kertas Usul daripada Y.B. Wakil Wakaf Mempelam dan menyerahkan kepada Yang Dipertua Dewan].

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, izinkan saya menghabiskan ayat saya yang tak sempat tadi, *dok dang-dang* Wakaf Mempelam ni. Saya merasa bersyukur kerana kesemua soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dalam Soalan Lisan pada hari ini yang tidak ditolak telahpun dijawab dan dalam keadaan itu juga soalan-soalan tambahan telah dijawab dengan sempurna oleh pihak Kerajaan apabila ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jadi saya ucap terima kasih kepada semua yang memberi kerjasama.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita menerima sebentar tadi sebagaimana Usul yang dibaca oleh Wakil Wakaf Mempelam Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu dan Usulnya sebagaimana yang dibaca oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Dan mengambil kira apa yang dibaca oleh Yang Berhormat juga apa yang diserahkan kepada saya dan perkara ini juga apabila mengikut Fasal 30, kesegeraan kepada perbincangan ataupun perbahasan Usul ini adalah memerlukan kepada kepentingan orang ramai, perkara-perkara yang kesegeraan juga diperlukan untuk perkara-perkara yang dibawah peruntukan ini saya nampak jelas sebagaimana beberapa kali Soalan-soalan Lisan yang ditanyakan dan telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa isu ini masih dalam perundingan dan perundingan itu sedang berjalan. Saya percaya kita semua faham dan dengan kuasa Yang Dipertua saya merasakan kepentingan kepada orang ramai itu tetap ada tetapi kesegeraannya tidaklah diperlukan dan saya menolak Usul ini untuk dibincang atau dibahas secara khusus di dalam Persidangan pada pagi ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita teruskan dan sepatutnya dalam sidang biasa kita di luar bulan Ramadan pada ketika ini kita tangguhkan untuk istirehat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tapi oleh kerana bulan ini bulan Ramadan, bulan puasa maka saya mengambil kesempatan ini untuk meneruskan sidang dan kita berharap Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk juga Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati sekalian sekiranya ada kemudaratan bolehlah bangun keluar tapi janganlah minum air ataupun makan kecuali Wakil Bandar untuk ke bilik air dan sebagainya. Jadi kita teruskan sidang kita ini dengan urusan seterusnya.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Usul Tambahan Peruntukan Yang Pertama Untuk Rancangan Kemajuan Negeri Bagi Tahun 2009

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi Tahun 2009 bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:-

JADUAL		
MAKSUD	TAJUK	TAMBAHAN (RM)
<i>P. 02</i>	<i>Pejabat Setiausaha Kerajaan</i>	<i>250,214,000.00</i>
<i>P. 10</i>	<i>Pengarah Kerja Raya Negeri</i>	<i>600,000.00</i>
<i>P. 19</i>	<i>Pengarah Tanah dan Galian</i>	<i>30,000,000.00</i>
	JUMLAH	280,814,000.00

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul yang telah dibentangkan tadi telah mendapat sokongan. Jadi saya sekarang saya buka dengan segala hormatnya untuk perbincangan, jika ada sesiapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, saya persilakan. Sila Yang Berhormat Wakil Manir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, hadirin-hadirat sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh Pertama-tamanya saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan untuk membenarkan saya memberi sedikit pandangan kepada Usul yang dibawa oleh Wakil Seberang Takir. Usul ini dikemukakan untuk melaksanakan projek-projek dalam 3P - P02, P10 dan P19. Yang paling banyak ialah RM250 juta dalam P02, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Saya ingin mengemukakan beberapa soalan untuk mendapat pentafsiran dan ulasan daripada pihak Kerajaan Negeri berkaitan dengan peruntukan dalam P02. Pertama sekali, saya ingin tahu pihak Kerajaan dalam keadaan yang mungkin Kerajaan sekarang ini ada harapan untuk mendapat Wang Royalti sama ada diberi mengikut atau berdasar kepada royalti ataupun berdasarkan kepada dana atau lain-lain. Bagi pandangan saya yang paling mustahak untuk Kerajaan Negeri selesaikan ialah masalah perumahan. Masalah perumahan hari ini memang keperluan dan permintaan rakyat adalah besar dan kalau Kerajaan ingin mengambil kesempatan semasa ada wang ini ialah satu perkhidmatan yang besar jika Kerajaan dapat menyelesaikan masalah perumahan ini. Dalam P02 ini tidak banyak yang diperuntukkan untuk perumahan yang mampu dimilik oleh rakyat. Jadi oleh sebab itu saya nampak tidak ada suatu tanda yang serius daripada Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini dalam waktu yang terdekat. Sebab kalau kita selesaikan masalah ini mengikut seperti biasa dalam Bajet, Bajet itu diagih-agihkan, memang *ece* itu perlu tetapi yang mana lebih perlu supaya apa yang diperlu hari ini tidak perlu lagi pada tahun hadapan atau beberapa tahun yang akan datang. Mungkin tahun depan atau tahun berikutnya kita tidak payah lagi memasukkan satu peruntukan untuk menyelesaikan masalah perumahan rakyat sebab tahun ini jugak tahun depan peruntukan yang ada pada kita, kita dapat menyelesaikan masalah perumahan rakyat. Jadi saya tengok di sini tidak berapa banyaklah RKR Hulu Terengganu RM3 juta aje yang ditambah. Saya tak tahulah Yang Dipertua Dewan tidak mengambil kesempatan untuk buat balik projek perumahan ini lebih banyak ke kawasanya. Dan projek perumahan ini kita tidak boleh pakai macam SPNB (Syarikat Perumahan Negara) sebab dia jual balik kepada rakyat dengan kaedah-kaedah yang tertentu. Kalau projek ini dijalankan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri boleh membuat suatu pendekatan yang lain untuk meringankan beban rakyat Negeri Terengganu yang benar-benar memerlukan rumah pada masa ini. Itulah pandangan saya yang pertama.

Yang keduanya ialah saya tengok dalam Anggaran Belanjawan Tambahan P02 juga banyak nak buat jambatan. Jambatan daripada Bukit Losong – Pulau Sekati, daripada Jeram ke Jeram Tok Kong. Perkara-perkara ini

bukan kita kata tidak mustahak, bukan tidak penting tetapi persoalan sayanya, kenapa peruntukan ini daripada Kerajaan Negeri saja sedangkan perkara yang berkaitan dengan jalan ini sepatutnya di bawah tanggungjawab dan tugas Kerajaan Persekutuan. Kalau kita buat jalan cantik, molekpun akhirnya cukai jalan dipungut oleh Kerajaan Persekutuan juga, Kerajaan Negeri tidak dapat apa-apa kecuali pulangan balik yang disyaratkan dalam Perlembagaan saja, keuntungannya dapat kepada Kerajaan Persekutuan tetapi kita yang belanja. Begitu juga tadi sebagaimana yang diterangkan oleh Wakil Pengkalan Berangan, pembinaan lebuh raya yang baru yang sedang dibina itupun 50-50, Kerajaan Negeri 50%, Kerajaan Persekutuan 50%. Apa yang 50-50? Apakah Kerajaan Persekutuan sudah tidak mampu untuk menunaikan tanggungjawab dia sebagai sebuah Kerajaan Persekutuan yang berdasarkan kepada perjanjian di mana kita tidak dapat hasil daripada lebuh raya ini, kita tidak dapat kerana hasilnya dapat kepada Kerajaan Persekutuan tapi yang belanjanya kita. Apakah ini disebabkan oleh kemurahan hati Kerajaan Negeri Terengganu kerana membalas jasa Kerajaan Persekutuan yang telah menyimpan begitu lama hasil royalti kita di peringkat Persekutuan dan hantar kepada kita, jadi untuk balas budi baik dia maka kita belanja separuh, dia belanja separuh. Ini suatu perkara juga yang perlu difikir sebab ini menyebabkan perbelanjaan yang rata-rata tidak sedikitlah RM250 juta dalam P02 sahaja. Jadi kalau Kerajaan boleh mengambil perhatian dalam perkara-perkara ini saya rasa masalah yang dihadapi oleh rakyat negeri ini mungkin dapat diselesaikan lebih awal. Masalah perumahan ini saya rasa yang saya sebut tadi ada hubungkait jugak dengan masalah sosial di kalangan anak-anak mungkin anak-anak ramai, tak sedap duduk di rumah mungkin kawasan yang tidak sesuai, bilik tidak cukup dalam rumah. Jadi itupun satu benda Kerajaan kena fikirkan, buat rumah bilik kotak saja, anak-anak tidak boleh duduk, mak dengan ayah saja boleh duduk dalam bilik. Jadi takdok tempat untuk tidur akhirnya mereka bersiar-siar di jalan-jalan raya. Itupun menyusahkan pihak Polislah. Saya tengok malam-malam Jumaat Polis cukup susah sebab buat ronda, buat *road block* tak jadi apa dia buat tak tahu aje. Ini adalah suatu perkara yang perlu difikir supaya perancangan perumahan akan datang sepatutnya ada peruntukan bilik-bilik yang boleh menampung anak-anak mereka sama ada lelaki ataupun perempuan. Jadi biarlah ada bilik, kalau boleh jangan bagi anak-anak lelaki dan perempuan duduk sekali, tidur sekali. Ini satu perkara yang tidak membuahkan kebaikan kepada keluarga itu sendiri. Inilah beberapa pandangan saya kerana peruntukan yang begitu banyak tetapi penumpuan tidak ada.

Dan ada jugak saya tengok projek-projek yang perlu disegerakan tapi lambat dilaksanakan peruntukannya. Sepatutnya pembinaan itu boleh disegerakan tetapi kenapa lambat dilaksanakan, kontraktornya tak betulkah

atau siapa yang tak betul ke dan kalaulah kontraktor itu tak betul, bersalah tak mampu, siapa yang memilih/melantik kontraktor itu siapa? Ini jugak suatu perkara yang saya rasa kena diteliti oleh pihak Kerajaan. Ini pandangan awal saya, sekian Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Manir. Ada lagi Yang Berhormat yang ingin berucap? Ladang, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Dewan, Pegawai-pegawai yang hadir juga Pemerhati. Saya mohon juga untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Usul ini terutamanya tentang Tambahan Peruntukan di bawah P02 khususnya berkenaan dengan Kemudahan Prasarana Pembangunan Bandar Dan Luar Bandar. Saya diberitahu bahawa kedudukan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu ini dari segi tarafnya atau dari segi keselesaan hidup di bandar ini adalah di bawah atau disebut sebagai kalau dibuat rating tu, rating yang agak ke bawah, dilaporkan begitu. Apakah benar atau tidak bolehlah pihak Majlis Bandaraya *confirm* sendiri. Dan tambahan yang diperlukan untuk kemudahan prasarana ini adalah lebih kurang RM18.5 juta. Saya memohon agar Majlis Bandaraya mengambil inisiatif dengan cepat untuk menyelesaikan masalah banjir, kita dan hampir bulan dua belas ini pulak, mungkin banjir akan melanda lagi. Tentang pembinaan longkang-longkang yang masih tidak teratur dan menjadi tempat pembiakan nyamuk terutamanya di dalam bandar di sekitar Air Jernih. Dalam lawatan saya ke kawasan berkenaan memang ada sungutan bahawa aliran airnya tidak ke mana dia terhenti di satu tempat yang tidak ada aliran terus menerus. Dan keadaannya memang agak teruk, akan menjadi tempat pembiakan nyamuk dan ada kawasan-kawasan di tengah bandar yang masih semak samun yang dibiarkan begitu seperti bukan dalam bandar. Keadaan ini agak menyedihkan dan memang ada sungutan supaya perkara-perkara ini diatasi segera oleh penduduk-penduduk berkenaan. Satu lagi adalah tentang tambunan tanah ataupun menambun tanah di kawasan bandar yang menyebabkan aliran terhenti terutamanya seperti di kawasan sebelah sini, di kawasan Ladang yang bila hujan aje akan melimpah sebab ada kawasan ditambun tanah tinggi dan melimpah masuk ke rumah-rumah orang berdekatan di situ. Inipun perlu diperhatikan juga sebab ini dalam bandar dan kesannya agak ketara kepada penduduk-penduduk berkenaan dan mereka datang ke rumah bersungut dan saya cuba untuk menghubungi pihak Majlis Bandaraya dengan segera melalui telefon dan mereka bertindak tapi agak lambat. Jadi saya mohon sangatlah supaya perkara-perkara ini diberi perhatian segera untuk mengelak berlaku lagi perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti banjir pada tahun lepas. Satu lagi tentang Majlis

Bandaraya, saya mendapat tahu bahawa ada pegawai-pegawai yang selepas Pilihan Raya yang lepas sudah tidak diberi tugas, tugasnya diambil balik dan diletakkan di dalam satu bilik khusus, Wallahuwa'alam mengapa begitu mungkin dapat dijelaskan mengapa berlaku seperti itu? Dan ada pegawai-pegawai ini yang pada mulanya menerima Anugerah Cemerlang, tiba-tiba selepas Pilihan Raya dimasukkan dalam tempat yang khusus dan tidak diberikan kerja apa-apa, 'peti sejuk' ke atau apa-apa ke, panggillah apa-apa tetapi tidak diberi kerja. Saya tidak tahu apakah ini motif politik atau memang kehendak pentadbiran.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kena sebut betul-betul.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya betul.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bilik peti sejuk ke apa?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itu yang takmboh sebut tu, kawan saya kata peti sejuk tapi bilik sejuklah kot.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dan sedikit tentang peruntukan di bawah (nombor projek) 3923 - Pembangunan Pelancongan Tasik Kenyir. Kalau tidak silap saya Kenyir ini asalnya di bawah tanggungjawab Federal, di bawah KETENGAH. Apakah KETENGAH tidak lagi memberikan peruntukan atau Federal tidak memberi peruntukan yang khusus untuk tujuan Pembangunan Pelancongan Tasik Kenyir ini sehingga negeri terpaksa menambahkan peruntukan untuk membina pelancongan di Tasik Kenyir ini. Atau apakah kita merasakan bahawa apa yang dibuat oleh Federal itu tidak cukup ataupun apakah Kenyir itu sudah dikeluarkan daripada tanggungjawab Federal dan diambil alih oleh Negeri sepenuhnya. Itu beberapa perkara yang perlu kepada jawapan Dato' Yang Dipertua dan setakat ini itu sahaja dululah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang. Ada lagi Yang Berhormat? Sila Bukit Tunggal.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan saudara Pemerhati yang dikasihi sekalian. Terlebih

dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas tentang Bajet Tambahan yang dikemukakan oleh Wakil Seberang Takir sebentar tadi. Apa yang saya nak tumpukan di sini ialah tentang maksud P02 iaitu Projek 04907 iaitu Pembinaan Jambatan Di Atas Sungai Terengganu di Pulau Sekati, Manir, Terengganu. Pertamanya, saya bagi pihak rakyat mengucapkan terima kasihlah kepada Kerajaan kerana ada rancangan untuk membina jambatan bagi kemudahan penduduk-penduduk di Pulau Sekati yang sudah sekian lama tertinggal. Dulunya saya duk ingat ke nak bangunkan Pulau Sekati dulu sebab di Pulau Sekati ini ramai orang tiba-tiba Pulau Wan Man tempat takdok orang dibangunkan dulu tapi nak buat macam mana walau bagaimanapun dua-dua itupun kawasan saya jugak. Tapi apa yang saya masih teringat lagilah semasa bekas Menteri Kerja Raya dulu yang sekarang sudah tidak jadi Menteri Kerja Raya (Wakil Sungai Siput) yang pada ketika itu pernah membuat satu kenyataan akhbar bahawa jambatan ini akan dibina di bawah Kerajaan Pusat dan telahpun dinyatakan di dalam akhbar dengan harganya sekali. Jadi saya tidak tahu kenapa tiba-tiba timbul di sini Kerajaan Negeri mintak tambahan RM1.5 juta untuk sebahagian daripada harga projek yang dianggarkan RM110 juta itu. Jadi adakah sekarang ini Kerajaan Pusat telah melepaskan semua tanggungjawab mereka terhadap Terengganu ini kepada Kerajaan Negeri kerana memandangkan Terengganu ini 'Kuwait Malaysia', negeri yang kaya raya, banyak benar duit kita. Jadi semua projek-projek pembangunan di Terengganu akan dibuat sendirilah sedangkan rakyat di negeri ini yang merempat masih ramai lagi. Saya tengok di Pulau Duyong di kawasan saya itu, saya dah sebut rumah di Pulau Duyong Kecil rumahnya tersesak-sesak, tidak ada pembelaan untuk rakyat. Ini apa semua ni? Kita diberi tanggungjawab, beri menanggung beban yang begitu besar yang bernilai RM110 juta yang sepatutnya seperti Wakil Manir sebut ditanggung oleh Pusat. Dan nampak pulak seolah-olah Kerajaan Negeri takdok perancangan langsung, entah apa rundingan Wallahuwa'alam sayapun tak tahu. Dalam Bajet yang penuh tak disebutpun nak buat pembinaan jambatan di Pulau Sekati tiba-tiba mintak RM1.5 juta untuk bayaran awal yang mungkin untuk consultancy, saya ingat mungkin untuk bayaran kepada Juru Perunding dulu. Jadi di sini beberapa perkara yang bagi rakyat ini kita melihat bahawa Kerajaan perlu kalaulah berunding awal nak serah kepada Kerajaan Negeri, bolehlah Kerajaan Negeri mengambil tindakan lebih awal untuk masukkan ke dalam Bajet Negeri, Bajet asal dia bukan mari dengan tiba-tiba di hujung tahun, kita bentang Bajet Tambahan dengan jumlah yang agak besar jugak, mungkin tahun depan mintak RM110 juta pulak. Walau bagaimanapun, mungkin sekarang dalam proses kajian saya rasa RM1.5 juta ini, saya mintak satu perkara daripada pihak Kerajaan bila buat jambatan di Pulau Sekati ini yang penduduknya mungkin padat, tidak ada tanah untuk dipindahkan

lagi dah bila buat jambatan sudah tentu melibatkan perpindahan terhadap penduduk-penduduk di sini. Oleh itu bajet yang dikemukakan RM110 juta itu telah dimasukkan kos perpindahan penduduk-penduduk yang terlibat. Sama ada tempat baru disediakan untuk memindahkan mereka ke tempat yang lebih selesa, mungkin mereka bersetuju untuk berpindah tapi biarlah tempat itu tidak jauh daripada Bandar Kuala Terengganu ini. Harap-harapnya bajet itu ada dimasukkan kalau tidak nanti timbul masalah dan kena mintak bajet baru pulak untuk perpindahan ini dan akhirnya dibayar pampasan untuk rumah saja, tanah tidak beri dan diminta untuk cari tempat di mana-mana dan ini akan menyusahkan penduduk tempatan. Yang kedua, saya melihat di sini masalah yang timbul ialah kita duk bincang masalah kesesakan di Jambatan Buloh Gading, Jambatan Manir tiba-tiba nampaknya Projek Jeram dulu yang naik. Jeram dah dapat RM20 juta untuk projek daripada Jeram ke Jeram Tok Kong sedangkan bagi saya di situ bukan keutamaan sekarang. Keutamaannya sekarang ialah bagaimana nak melebarkan Jambatan Manir ataupun membina jambatan. Begitu jugak dengan Buloh Gading sedangkan kedua-duanya itu belum ada lagi dalam Bajet yang dibentangkan mungkin di tahun akan datang tapi duit daripada mana Wallahuwa'alam lagi tapi nampak yang Jeram sudah mula mungkin ada suatu muslihat di situ. Itu kita lihat sendirilah apa maksud yang disebut di situ kerana saya duk ingatlah Jambatan Jeram ni dijanji masa Pilihan Raya Kecil Teluk Pasu tahun Yang Berhormat Manir berlawan semasa itu oleh bekas Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu yang telah meninggal dunia tapi pada ketika itu apa sebab Wallahuwa'alam entah apa matlamat dia baru hari ini nak dilaksanakan. Itu adalah suatu benda yang perlu dilihat jugaklah akan perancangan-perancangan politik ini. Banyak projek yang dibuat atas kepentingan kerana isu politik bukan atas kepentingan rakyat yang memerlukan pembangunan yang sebenarnya. Oleh itu, saya mohon supaya dilihat benar-benar keperluan rakyat setempat, masalah semasa, inilah patut diselesaikan dulu bukan kerana masalah politik yang kita nak menaikkan nama seseorang itu. Saya rasa sekadar itulah sajalah, kalau saya berucap panjang lagi kohor panas bulan puasa ini. Wallahuwa'alam. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Tunggul. Sila Batu Burok.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Yang Amat Bert hormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya cuma ingin menyentuh tentang Peruntukan Tambahan yang disebut atau diluluskan dalam Dewan ini lebih RM280 juta cuma saya ingin memperingatkan Dewan ini bahawa kita telahpun berbincang dan berbahas panjang di Dewan ini bagi meluluskan Bajet 2009 lepas di mana Bajet Negeri Terengganu untuk peringatan kembali kita semua lebih daripada RM1.7 bilion yang kita luluskan adalah dengan izin, *the second highest in Malaysia*. Tetapi dari segi *proportionate*-nya dari segi isi penduduk dan pendapatan perkapita penduduk rakyat Negeri Terengganu ini adalah agak terkebelakang. Jadi saya agak terkejut jugak bila kita membuat tambahan-tambahan yang begitu banyak kalau kita tambah lagi ini bermakna Terengganu kemungkinan besar mempunyai bajet yang paling tinggi dalam Malaysia antara negeri-negeri yang ada dalam Semenanjung dan Sabah serta Sarawak. Jadi ini Dato' Yang Dipertua ialah suatu yang perlu kita lihat secara serius kerana kita di Dewan ini kita membincang dan meluluskan bajet ini untuk kepentingan rakyat. Bajet atau perbelanjaan yang kita ingin luluskan ini adalah untuk memberikan kebaikan kepada rakyat, memberikan perlindungan kepada rakyat. Jadi seharusnya ianya bersifat telus, mantap dan berjiwa rakyat. Ada beberapa perkara yang ada di dalam peruntukan ataupun yang ingin diluluskan ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Manir terutamanya dari segi peruntukan Perumahan Rakyat. Ini sepatutnya menjadi keutamaan utama, *priority* yang utama bagi Negeri Terengganu untuk kita selesaikan masalah Perumahan Rakyat. Tidak ada sebab kita tidak boleh menyelesaikan masalah Perumahan Rakyat di Negeri Terengganu. Kita tahu Negeri Terengganu negeri yang kaya, mempunyai royalti minyak yang begitu banyak, sekarang ini pulak royalti minyak dipergantungkan pulak kepada TIA dan TIA bawa kepada satu Malaysia dan pelbagai perkara yang perlu kepada penjelasan rakyat Negeri Terengganu apabila lebih daripada RM10 bilion dan RM5 bilion daripada royalti minyak Negeri Terengganu sekarang ini digadaikan kepada bank dalam konteks bond yang diisukan walaupun telahpun ada perubahan-perubahan yang diserahkan kepada Kerajaan Pusat tetapi saya beranggapan bahawa perlu kepada penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri tentang apa yang berlaku ini kerana di kalangan mereka-mereka yang berada, di kalangan *bankers* dengan izin, di kalangan mereka-mereka yang membuat analisa dari segi perkembangan-perkembangan ekonomi negara mereka amat terkejut dengan apa yang berlaku, sebuah negeri yang begitu kecil, Terengganu begitu berani untuk mengeluarkan satu bond lebih daripada RM10 bilion di bawah Kerajaan Negeri, di bawah TIA bersama dengan Kerajaan Pusat walaupun seperti yang sebut ini perlu kepada penjelasan-penjelasan di Dewan ini bukan di kalangan beberapa kalangan Ahli Exco Kerajaan Negeri tetapi penjelasan kepada rakyat Terengganu juga perlu dibuat kerana ianya mempunyai kaitan dengan sumber kewangan Negeri Terengganu ini sendiri.

Dato' Yang Dipertua, dari segi Bajet Tambahan yang diluluskan ataupun yang diminta untuk diluluskan di Dewan ini, saya ingin menegaskan sekali lagi tentang keperluan supaya kita meningkatkan dari segi kemudahan-kemudahan asas kepada rakyat di Negeri Terengganu ini sendiri. Kemudahan asas seperti yang saya sebutkan, perumahan perlu diselesaikan, kemudahan asas dari segi pemberian biasiswa kepada rakyat Negeri Terengganu bukan pinjaman tetapi biasiswa kepada anak-anak di Negeri Terengganu ini perlu diberi keutamaan. Begitu juga kemudahan-kemudahan yang menjadi keperluan utama kepada rakyat Negeri Terengganu perlu kita berikan keutamaan dalam kita meluluskan Bajet ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Saya buka lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya ada lagi yang ingin berucap? Tidak ada lagi, ya. Saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini dibawa oleh Yang Berhormat Seberang Takir tetapi banyak yang diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat empat orang tadi termasuk Batu Burok yang menyentuh dan memerlukan Yang Amat Berhormat untuk menjawab terutamanya yang terbaru yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Burok yang saya rasa mungkin ada betul dan tak betulnya dan sebelum dibahaskan di dalam Dewan kita ini, saya ingat Yang Amat Berhormat adakah memerlukan untuk memberi jawapan? Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati sekalian. Tambahan Peruntukan ini sebagaimana kita tahu adalah dibenarkan dalam peruntukan undang-undang yang sedia ada dan dilakukan oleh mana-mana Kerajaanpun sebelum ini dan selepas ini. Yang pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Manir dan Yang Berhormat Batu Burok yang prihatin tentang masalah Perumahan Rakyat di Negeri Terengganu. Dan apatah lagi Kerajaan Negeri, kita lebih prihatin dan sebab itulah kita mempunyai perancangan sejak dulu lagi, kita telah menetapkan sasaran untuk membina kira-kira 10,000 unit Rumah Kos Rendah Mampu Milik untuk keperluan rakyat termasuk juga penswastaan, termasuk juga Syarikat Perumahan Negara yang membina Rumah Mampu Milik dan termasuk pengagihan atap untuk membaiki rumah untuk rakyat miskin. Ini merupakan antara langkah-langkah keprihatinan Kerajaan yang memerintah bagi memastikan rakyat mendapat pembelaan sewajarnya. Justeru itu, bagi memastikan Projek Perumahan Rakyat ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin dan dengan jumlah yang besar sasaran sebagaimana dikatakan tadi, Kerajaan Negeri pada tahun ini dijangka akan membina kira-kira hampir 5,000 unit

Rumah Murah Kos Rendah bagi seluruh rakyat di Terengganu. Sebab itulah di samping jumlah peruntukan yang begitu besar yang telah kita sediakan dan Bajet pada tahun ini kita perlu tambahan sebanyak RM17 juta lagi untuk tambahan tiga projek yang disebut tadi kerana ini memerlukan pembayaran apabila projek-projek dilaksanakan, apabila Jabatan Kerja Raya telahpun mengubahsuaikan dari segi peraturan pembayaran, dulu projek-projek yang boleh saja masuk tapak, bina pejabat dan barang-barang disampaikan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Jadi Yang Amat Berhormat menjelaskan bahawa dalam perancangan ialah 10,000 buah rumah. Apakah Kerajaan mempunyai data yang menunjukkan bahawa berapa keluarga rakyat Negeri Terengganu yang memang sekarang ini tidak ada rumah dan perlu kepada rumah yang seperti ini?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kajian telah dibuat oleh UPEN dan kita mempunyai statistiknya. Dan sebab itulah dari segi pengagihan kita ada beberapa perkara yang disebutkan tadi. Pertama, mereka yang perlu Rumah Kos Rendah. Kedua, mereka yang memerlukan tanah dan kita agihkan tanah. Yang ketiga, mereka dah ada rumah tapi perlu diperbaiki rumah mereka. Sebab itu sebagaimana yang saya katakan tadi Yang Berhormat Yang Dipertua, sekarang ini JKR telah menetapkan bahawa 25% sebagai bayaran permulaan hendaklah dibayar kepada kontraktor apabila kontraktor masuk tapak, dulu 15% sebab itu kos pembayaran permulaan meningkat dan kita perlukan Peruntukan Tambahan yang besar ini bagi menampung kekurangan projek-projek yang saya sebutkan tadi. Sebab itu saya nak perjelaskan sekali lagi bahawa Kerajaan ada beberapa agensi tertentu yang menggambarkan bahawa keprihatinan Kerajaan bagi membela nasib rakyat. Kita ada SEDC yang buat rumah, di peringkat Pusat kita ada Syarikat Perumahan Negara untuk membuat rumah-rumah bagi mereka yang berkelayakan membuat pinjaman dan rumah ini diberi subsidi. Begitu juga Kerajaan Negeri ada skim, yang pertama Skim Rumah Kos Rendah yang disebutkan tadi yang kita ingin membina lebih atau hampir 5,000 unit pada tahun ini. Yang kedua, SPNB oleh Kerajaan Pusat. Yang ketiga, Pembaikan Rumah PPRT dan juga Bina Baru Rumah PPRT. Dan yang keempat, Skim Pengagihan Atap Rumah bagi memperbaiki atap-atap rumah yang bocor. Skim-skim ini menggambarkan kepada rakyat inilah sebuah Kerajaan yang prihatin tentang keperluan perumahan untuk rakyat di samping pengagihan tapak-tapak rumah yang kita dari masa ke semasa meluluskannya. Apa yang kita namakan pendemokrasian pengagihan tanah kepada rakyat yang mana bagi mereka yang layak untuk mendapat tapak rumah kita bagi tapak rumah Dato' Yang Dipertua.

Seterusnya, mengenai pembinaan jambatan yang dibangkitkan oleh Wakil Manir dan juga oleh Wakil Bukit Tinggi. Disebut tadi bahawa dulu semasa Allahyarham Tun Ghaffar melancarkan projek ini untuk buat jambatan dan setelah beliau meninggal dan berlalunya beberapa Pilihan Raya ianya masih belum dibuat. Inilah janji Kerajaan, apabila kita berjanji kita akan buat tapi kadangkala ada masalah-masalah tertentu dari segi pengambilan balik tanah, dari segi alignment jalan dan keperluan semasa. Dulu kita merancang untuk membina jalan ini dua lorong tetapi apabila keadaan rakyat semakin bertambah baik, kehidupan rakyat semakin selesa, rakyat semakin senang bukan semakin susah sebab itu kereta semakin banyak, kalau rakyat semakin susah tak payah buat jambatan sampai empat lorong, tak payah ditambah jambatan-jambatan lain. Berasaskan keperluan semasa inilah kita merancang pembinaan jambatan ini empat lorong, Jambatan Pulau Sekati, Jambatan di Jeram Tok Kong termasuk pelebaran jambatan yang kita pohon dari pihak Kerajaan Pusat dalam RMK-10 iaitu Jambatan Manir dan Buloh Gading untuk dijadikan empat lorong. Jadi sebenarnya kita mendahului sebagaimana disebutkan oleh Wakil daripada Bukit Tinggi tadi. Kita sedar masalah ini, kita mempunyai masa depan, kita mempunyai perancangan sebab itu kita buat Jambatan Kuala Terengganu dulu, bila kita buat Jambatan Sultan Mahmud, Pembangkanglah pada ketika itu membangkitkan soal pembaziran kerana buat jambatan tetapi dia lalu jambatan itu jugak. Lening marah pulak, kata kecil pulak dah jambatan tu. Sebab itu kita perlu buat banyak jambatan, kalau di Korea ada 17 buah jambatan, di Han River ada 17, kita baru ada dua-tiga. Jadi jangan bisinglah soal pembaziran dan sebagainya kerana kita merancang untuk masa depan dan sebab itulah kita masukkan ke dalam Bajet kita kerana dulu semasa Kerajaan Pusat lulus dua lorong, kita nak jadikan empat lorong. Jadi sebab itu ketika itu peruntukan itu telah dipindah balik ke tempat lain dan kita terpaksa menggunakan peruntukan kita RM1.5 juta ini untuk membuat kajian dan sebagainya dan kita mintak supaya lepas ini rundingan akan dibuat dengan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pusat akan *reimburse* atau beri bayaran balik ke atas perbelanjaan yang kita telah keluarkan.

Di samping itu, saya juga ingin menyebut bahawa projek-projek infrastruktur dalam bandar sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Wakil Ladang tadi. Kita yakin bahawa kita semakin baik. Dari segi perancangan bandar dan bandar kita dari masa ke semasa sebab kita sedar bahawa longkang menjadi masalah yang serius kepada mana-mana Perbandaran bukan sahaja di Terengganu bahkan termasuk di luar Terengganu. Sebab itu suatu ketika dulu saya mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan Pusat kerana kita sedar bahawa jalan ada Geran Jalan tetapi longkang tidak ada Geran Longkang. Sedangkan orang beranggapan selama ini banjir setahun sekali tetapi bila banjir setahun

sekali inilah timbul banyak masalah kepada kita kerana punca longkanglah menyebabkan penyakit dan sebagainya, kita sedar akan masalah ini. Oleh kerana itulah kita meminta supaya Kerajaan Pusat memikirkan supaya suatu bentuk Geran Longkang disediakan pada masa depan walaupun tidak ada dalam Perlembagaan supaya difikirkan, dikaji kembali tentang pemberian kepada PBT ini. Namun kita sedar akan masalah ini dan Kerajaan dari masa ke semasa membuat kajian sebab itu kita ada DC 9, DC 8 di Terengganu ini tentang pembinaan sistem perparitan di Bandar Kuala Terengganu. Oleh kerana kita ada masalah dari segi kewangan dan sebagainya kita terpaksa membuatnya secara peringkat demi peringkat. Dan justeru itu bagi memastikan longkang dalam bandar lebih selesa kita telahpun membuat arahan longkang yang dibina dalam bandar ini mesti bersaiz sekurang-kurangnya 3 kaki tidak ada lagi 'V' Shape yang ada 'U' Shape kerana susah nak *maintain* dan sebagainya. Ini telah menjadi dasar Kerajaan Negeri sejak beberapa tahun yang lalu. Yang kedua, kita telah menyediakan peruntukan tahunan, biasanya peruntukan ini dibelanjakan bulan Oktober bagi mempersiapkan diri kita daripada masalah banjir, longkang-longkang dibersihkan, parit tanah dibersihkan dan sebagainya, semua PBT kita agihkan peruntukan ini. Sebab itulah kita lihat dan alhamdulillah sejak beberapa tahun yang lalu masalah banjir di Bandar kurang berlaku kecuali apa yang berlaku di Pusu Tiga memang kita akui bahawa kawasan tersebut memang adalah merupakan kawasan tadahan (catchment area) yang tidak sesuai untuk pembangunan perumahan. Oleh kerana atas dasar permintaan maka pihak swasta membinanya dan permintaannya tinggi mereka membeli ketika itu mereka tidak fikir soal banjir yang perlu hanya untuk dapatkan rumah saja tapi bila dapat rumah tenggelam dalam banjir barulah timbul masalah. Dan Kerajaan telahpun merangka program tertentu bagi mengatasi masalah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh mengenai sikap penduduk bandar ini sendiri. Jika longkang-longkang kita tersumbat walaupun setengah tempatnya sudah sempurna tapi sikap penduduk bandar sendiri yang tidak prihatin tentang kebersihan malah mencampakkan apa-apa saja yang sekarang ini adalah budaya plastik, botol plastik, bekas plastik, semua plastik dicampakkan di merata-rata tempat bila musim hujan maka plastik-plastik ini akan mengalir ke longkang-longkang menyebabkan longkang tersumbat dan sebagainya. Sebab itu dalam keadaan yang sama saya/Kerajaan meminta supaya rakyat dalam bandar khususnya memberikan keprihatinan mereka tentang kebersihan di kawasan persekitaran mereka. Jangan kita hanya sekadar menyalahkan orang lain, menyalahkan Kerajaan bila masalah banjir berlaku tanpa

menyalahkan diri kita sendiri kerana ini adalah perbuatan kita sendiri, tangan-tangan kita sendiri yang menyebabkan kita menghadapi masalah ketika ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menyentuh mengenai Projek Pelancongan Tasik Kenyir. Yang Berhormat Wakil Ladang harus ingat, Kenyir adalah hak Kerajaan Negeri Terengganu. KETENGAH diletakkan di bawah Kerajaan Pusat untuk menguruskan pembangunan kawasan tertentu sahaja dan tanggungjawab utama adalah Kerajaan Negeri. Dan kita sedar bahawa lebih daripada 30 tahun Tasik Kenyir telahpun berada di bumi Terengganu. Kita hanya berbangga menyebut kepada para pelancong, kepada orang luar, kita mempunyai tasik buatan manusia yang terbesar di Asia Tenggara dengan 340 buah pulau di dalamnya dan water bodynya sendiri lebih besar daripada Singapura tetapi dari segi penghasilannya tidak ada. Kita kerugian yang sepatutnya kita eksploitasikan tasik yang begitu indah ini untuk mendatangkan pendapatan kepada rakyat Terengganu. Sebab itu saya sebut kadangkala kita tidak tahu bagaimana untuk membuat wang sedangkan peluang terhidang di hadapan kita. Kita tengok bagaimana orang Thailand yang ada seekor anak gajah aje yang berumur 5 tahun, dia datang ke Malaysia main harmonika, bukan pandai sangat main lagu tu tetapi kita suka tengok dan kita bayar RM10. Dengan seekor anak gajah dia boleh hidup dan mencari makan tetapi kita dengan tasik yang begitu besar kita hanya bangga dengan keindahan dan kecantikannya kita lihat saja, kita tidak membuat sebarang program untuk mendapatkan hasil. Oleh sebab itulah, Kerajaan Negeri membangunkan Tasik Kenyir ini apa yang kita sebut sebagai Island Hoping ini untuk menarik para pelancong menggunakannya, kita ada pakej-pakej tertentu kerana kita sedar hari ini kalau kita datang seorang atau satu keluarga di Tasik Kenyir hanya satu malam kita akan balik. Kita boleh sebagai seorang pemancing, seorang jungle trekking tapi kalau dibawa isteri ke manakah dia akan pergi, anak-anak kita di mana dia nak pergi? Sebab itulah kita merancang untuk membina pulau-pulau ini dengan aktiviti-aktiviti tertentu. Kita ada Pulau Burung, kita ada Pulau Rama-Rama, kita ada Taman Orkid yang saya tahu 90% lebih wanita akan suka bunga orkid ini, semua ini sedang dalam pembinaan. Kita juga ada Santuari Kelah yang perlu kita buka mulai tahun hadapan yang akan memberi pendapatan kepada kita di mana setiap orang yang datang akan membayar wang masuk dan sebagainya. Begitu juga kita ada Taman Herba yang hari ini orang datang dia beri rasa herba percuma tapi kita tidak jual herba itu sedangkan orang Mas Cotek ini berebut nak beli, Kacip Fatimah berebut orang nak beli. Apatah lagi kalau orang lelaki kalau disebut ubat-ubatan yang mendatangkan faedah kepada dia berebut mereka nak beli. Jadi kita perlu mengeksploitasikan herba-herba yang ada di negeri/pulau-pulau kita untuk dijual dan dijadikan produk keluaran kita dan sebagainya.

Di samping itu, kita juga ada Taman Tropika yang kita minta MARDI membangunkannya termasuklah tanaman-tanaman buah-buahan Nadir yang hampir pupus dan hari ini generasi sekarang sudah tidak kenal buah 'krekut' macam mana dan macam-macam buah-buah yang pelik-pelik lagi. Kita merasakan ini merupakan sumber pendapatan kepada kita semua sebab itulah saya yakin dan percaya bahawa dengan pembangunan Tasik Kenyir yang kita rancangkan ini ianya akan memberikan pulangan lumayan kepada rakyat Negeri Terengganu dan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu juga. Saya melihat bahawa segala perancangan dan tambahan peruntukan yang kita kemukakan pada sidang kali ini adalah demi kepentingan rakyat sebab kita sedar bukan sahaja sebagaimana dinyatakan oleh Pembangkang supaya apa-apa juga peruntukan yang kita buat, apa juga perancangan yang kita buat hendaklah kepada rakyat. Apatah lagi Kerajaan yang memerintah sudah tentu kita berhasrat untuk meneruskan Kerajaan kita ini disokong oleh rakyat. Jadi sebagai sebuah parti yang dipilih oleh rakyat kita mengharapkan rakyat untuk memberi sokongan sebab itu apa-apa juga perancangan kita adalah 'Untuk Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan' kita demi kesejahteraan rakyat. Sekian sahaja Dato' Yang Dipertua. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Pembawa Usul ini ialah Wakil Seberang Takir. Saya ingat Yang Amat Berhormat sudah menjawab panjang lebar jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telah mendengar perbincangan dan juga jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta maaf ada sikit lagi tambahan. Ada berlaku sedikit kekeliruan oleh Wakil dari Batu Burok tadi mengenai TIA. Jadi saya perlu jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa muktamadnya TIA tidak ada kena mengena dengan Kerajaan Negeri Terengganu dan persoalan mengenai RM5 bilion tidak timbul sama sekali kerana semuanya telah diselesaikan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat tak payah lagi Yang Berhormat. Perkara itu tidak timbul sama sekali dan kita kena rujuk kepada perkara yang benar sebelum kita berucap di Dewan kita ini. Jadi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan dan ulasan telah dibuat, sekarang saya buka kepada undian –

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2009

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2009 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD- MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua, saya mohon untuk membuat sedikit pindaan pada Kertas Dewan 9/2009 di Lampiran B, B.04 Pejabat Perbendaharaan Negeri, tujuan tambahan dikehendaki di lampiran tersebut hendaklah dibaca "RM25,000,000.00".

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun

2009 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan 2009 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap dengan segala hormatnya saya mempersilakan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, para pegawai, para Pemerhati yang saya hormati sekalian. Saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua Dewan kerana memberikan saya peluang untuk mengemukakan beberapa pandangan dan juga mengemukakan beberapa soalan yang saya rasa perlu diketahui dalam perkara Perbekalan Tambahan yang dipohon dalam Dewan ini. Sebelum saya memberikan beberapa pandangan atau persoalan Yang Dipertua, cuma yang saya duk nampak pagi ini agak sejuk sikit, kawan-kawan saya yang selama ini buat soalan tidak buat soalan, bercakappun tidak semacam 'protes senyap' aje.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bulan puasa Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nak kata puasapun orang lainpun puasa jugak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua termasuk kawan saya DUN Bandar, dia senyum kepada saya, dia beritahu saya diapun puasa jugak pagi ni tak makan apa-apa.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan ucapan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Balik sana tu dia puasa ikut aturan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila saya lihat Enakmen yang dikemukakan ini untuk mengemukakan Bajet Tambahan, saya meneliti bajet yang telah dikemukakan tahun lepas untuk tahun 2009 ini dan bajet untuk tahun 2009 ini yang dikemukakan pada akhir sidang Bajet tahun lepas ialah antara yang tertinggi yang berjumlah RM1.799 bilion. Yang tinggi sekali saya tengok di seluruh negara ialah Negeri Sabah peruntukan Bajet dia RM2.77 bilion. Tapi yang aroninya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, paling tinggi Sabah, nombor duanya Terengganu tapi rakyat miskin paling ramai, kadar kemiskinannya ialah Sabah dan Terengganu. Inilah suatu benda yang kita nak bincang secara serius, *there must be something wrong somewhere* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hari ini kita bincang lagi Bajet Tambahan. Bajet tinggi tetapi jawapan di Parlimen jelas mengatakan kadar kemiskinan tertinggi di Sabah, nombor dua, Terengganu, itu rasmi. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tambahan yang dikemukakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2009 ini yang dipohon sebanyak RM80,453,300 bila dicampur dengan Bajet yang telah kita luluskan untuk tahun ini yang telah kita bahas tahun lepas ia menjangkau RM1.88 bilion. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada beberapa perkara yang saya nak sebut dalam beberapa butiran yang dikemukakan. Yang pertama, ialah berhubung dengan permohonan Tambahan Peruntukan Bekalan B.04 – Pejabat Perbendaharaan Negeri, Pemberian Kepada Agensi-agensi Kerajaan Dan Pihak Berkuasa Tempatan. Peruntukan Dalam Anggaran yang telah diluluskan RM200 juta, tambahan yang dikehendaki RM25 juta dan dinyatakan di sini tambahan peruntukan ini amat diperlukan bagi tujuan pengeluaran caruman dan pemberian kepada Agensi-agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri. Saya kalau boleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memohon pihak Kerajaan memberikan sedikit penjelasan, memperincikan pasal ini terlampau umum agensi mana dan Pihak Berkuasa Tempatan yang mana yang memerlukan peruntukan tambahan ini dan belanjanya untuk apa. Kerana kitapun sampai sekarang masih tertanya-tanya PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) berapa buah PBT di Terengganu ini yang sudah boleh berdikari, yang mampu menjanakan pendapatan sendiri dan berapa buah lagi PBT yang terus menerus memerlukan caruman/pemberian daripada Kerajaan Negeri sehingga peruntukan tambahan ini diperlukan.

Yang kedua Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, timbul lagi dalam B.32 – Pemberian Dalam Negeri, Program Electronic Book (E-Book). Peruntukan yang telah diberikan RM8 juta, tambahan yang dikehendaki RM10 juta tetapi disyorkan hanya RM7 juta dan tambahan ini diperlukan adalah bagi melaksanakan pembelian komputer untuk Program E-Book. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pihak Kementerian Pelajaran masih mengkaji

keberkesanan dan menafaat pelaksanaan Program E-Book ini. Terengganu negeri yang terawal, saya cuma tak tahu sama ada kita sendiri buat kajian ataupun tidak berhubung dengan penggunaan E-Book ini oleh kerana kosnya terlalu tinggi dan belum lagi dikira *maintenance*, baik pulih dan sebagainya. Dan masalah-masalah yang mungkin timbul, baru-baru ini saya dengar dan diakui sendiri oleh beberapa pihak yang mengatakan pelajar-pelajar kita ini, maklum sajalah boleh E-Book komputer ini, dia *download* macam-macam dalam tu jadi dia duk bawa benda tu dia belajar ke, dia tengok benda lain ke, jadi benda-benda macam ni sejauh mana kita boleh kawal? Jadi kita duk beri peruntukan, yang positif saya memang tak nafi tapi ini saya nak tahu sejauh mana pihak Kerajaan nak tambah lagi peruntukan tapi kajian yang dibuat, keberkesanannya kerana kalau ianya memberikan banyak positif kita tak ada masalah tapi baru dicuba macam-macam masalah telahpun timbul.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada satu-dua perkara lagi yang saya nak sentuh berhubung dengan Pemberian Dalam Negeri, Aktiviti Pembangunan Usahawan. Peruntukan yang dianggarkan RM2 juta, tambahan yang dikehendaki RM4,813.3 juta. Tambahan Peruntukan ini diperlukan bagi membiayai Program T-Shoppe dan pembelian serta renovasi Lot SDSI di Melaka. Lot SDSI ni, tolong perbetulkan saya kalau saya silap, Satu Daerah Satu Industri kalau tak silap saya tapi di Melaka. Jadi kita pertikaikan, kita yang keluar duit tapi untuk memperbaiki lot ini di Melaka. Jadi apa rasionalnya kita mengeluarkan perbelanjaan untuk buat pembelian dan renovasi lot ini di Melaka. Yang keduanya ialah berhubung dengan T-Shoppe yang baru-baru ini dibuka oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya difahamkan yang dirasmikan di Gong Kapas. Cumanya saya mendapat maklumat sewa saja dah RM7,000.00 sebulan. Saya sebutkan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kita bukannya masalah nak mempertikaikan tapi apa yang berlakunya ialah polisi kita di mana Kerajaan terlibat dengan perniagaan yang berlawanan dengan rakyat. Kita sepatutnya memberikan panduan, pertolongan untuk rakyat terus menjalankan aktiviti-aktiviti mereka tapi ini tidak, Kerajaan secara langsung sendiri terlibat. Pengalaman kita Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingat lagi Yayasan Pembangunan Keluarga satu ketika dulu, dia ada Kedai Keluarga dan bila kami diberi kesempatan untuk memerintah saya menjadi Pengerusi kepada syarikat itu dan kita dapati banyak masalah, tempat itu untuk orang-orang tertentu waktu pilihan raya pergi ambil barang tak bayar, mereka tidak ada *proper* sistem, tak tahu barang masuk, barang keluar, pakai begitu aje dan duk mintak tambahan duit, tambahan duit peruntukan, cekpun tendang, ini berlaku. Akhirnya, kedai itu ditutup.

Seterusnya, saya jugak ingat beberapa perkara yang berhubung dengan kes penglibatan Kerajaan secara langsung dengan perniagaan. Di mana rakyat ini tak mampu nak bersaing dengan Kerajaan. Sebagai contoh pernah Babena dulu dia ada kedai hardware dia tetapi rugi banyak dan banyak masalah, akhirnya MBO, bila MBO akhirnya untung oleh kerana mungkin kakitangan, mungkinlah, kalau tak betul tolong perbetulkan saya. Bila Babena tu hak Kerajaan kalau tak cukup duit dia mintak saja tambahan peruntukan untuk terus nak tampung tetapi masalahnya sekarang ini dia akan terus berlaku kerugian dan berlawanan dengan rakyat. Itu adalah beberapa contoh yang saya harap kalau boleh kita kaji secara serius kalau ia menjadi satu polisi untuk Kerajaan terlibat secara langsung termasuk bukan kedai runcit berlawanan dengan rakyat. Jadi ini suatu benda yang saya rasa bukanlah suatu perkara yang boleh memberi menafaat bila kita tengok perkara-perkara yang lepas. Macam dulu Suterasemai, Permint Bahan Bina duk buat bata berlawanan dengan syarikat-syarikat bata yang akhir akan timbul banyak masalah.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan peruntukan tambahan Pemberian Dalam Negeri – Pengangkutan Awam daripada RM200,000 mintak RM2.8 juta. Tambahan ini diperlukan untuk tujuan membiayai keperluan bantuan peningkatan imej bas henti-henti Negeri Terengganu dan Program Bas Cas Ligas. Bila dikatakan peningkatan imej, saya kawatir dan saya bimbang, baiki imej, meningkatkan imej tetapi tidak semestinya membaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan. Mungkin dicat baru bas, teksipun dibuat begitu dicat baru dan nampak *standardlah* sikit tapi dari segi perkhidmatan belum tentu. Masalah perkhidmatan pengangkutan awam di Terengganu ini teruk dan sampai sekarang tak boleh selesai. Ini suatu benda yang kita rasa kena diberi perhatian termasuklah perkhidmatan Bas Cas Ligas ini. Saya tak tahulah bas ini satu ketika dulu ada masalah dengan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Awam atau apa saya lupa dah. Tapi adakah sekarang ini telah diselesaikan masalah itu dan perkhidmatannya masih percuma sampai sekarang atau macam mana? Jadi ini saya nak mintak sedikit penjelasan daripada pihak Kerajaan pasal ada jugak yang sebut bas itu masih ada lagi nak diagihkan ke mana Wallahuwa'alam. Jugak selain daripada bas perkhidmatan dalam bandar ini jugak bas antara daerah yang masih tidak memberikan perkhidmatan yang baik.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua berhubung dengan peruntukan tambahan yang diperlukan untuk membiayai Program Bantuan Kepada Remaja Terengganu. Yang ini saya sendiri memang tertanya-tanyalah apa jenis dan bentuk program kepada remaja ni? Apa modul dan latihan yang digunakan ataupun sekadar nak beri duit aje daripada RM7 juta mintak tambah RM6 juta dan katanya tengah duk bagi duitlah.

Berapa jumlah seorang remaja duk dapat saya tak tahulah. Saya timbulkan perkara ini kadang-kadang ada remaja yang mari jumpa, dia kata cukup bermasalah dia dapat tempat belajar di Timur Tengah, belajar agama, pergi ke Yayasan tak dapat bantuan, pergi ke MAIDAM pun tak dapat bantuan. Jadi remaja orang yang semacam inilah yang patut kita bantu nak mengaji agama, dah mendapat tempat tapi agensi yang ada ni dengan duit yang banyak tak diberikan bantuan yang sepatutnya kepada mereka, dihadkan peluang dan jugak bantuan Kerajaan kepada remaja-remaja yang saya fikirkan perlu dibantu. Jadi itulah saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, beberapa perkara secara sepintas lalu yang saya nak sentuh. Saya ucap terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap? Manir sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang dihormati dan yang dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekali lagi saya mengambil kesempatan untuk mengemukakan pandangan atau meminta penjelasan daripada pihak Kerajaan atas Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2009. Dalam pembentangan tadi saya nampak ada dua Kepala iaitu B.04 dan B.32. Semuanya dan kebanyakannya telah disentuh oleh saudara saya dari Wakaf Mempelam. B.04 ini kalau tak salah saya sebanyak RM25 juta untuk memberi caruman kepada Agensi-agensi Kerajaan, Badan-badan Berkanun. Memanglah menjadi persoalan Badan-badan Berkanun tu apa? Yang hendak diberi tu kepada Yayasan Terengganu ke, Yayasan Islam Terengganu ke, Yayasan Pembangunan Keluarga ke atau apa jenis Yayasan lagi ataupun kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan (PBT) ataupun Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Ini merupakan Agensi-agensi Kerajaan dan juga Badan-badan Berkanun, setakat ini sebagaimana yang disebut oleh saudara saya tadi kita belum tahu lagi mana dia Badan-badan Berkanun yang masih tidak mampu menyara diri. Yayasan Islampun lama dah, Yayasan Terengganupun lama dah, Majlis Daerah Marang kira baru sikit dan Majlis Daerah Setiu. Mana dia Badan-badan Berkanun yang tidak mampu untuk menyara diri dan kalau tidak mampu itu atas sebab apa? Apakah mereka masih tidak mampu memungut hasil yang sepadan dengan perbelanjaan. Jadi kalau ini berlaku Badan-badan Berkanun ini masih lemah, maka inilah suatu perkara yang perlu disemak oleh Kerajaan sebab-sebab apa yang dia tidak mampu itu. Itu suatu perkara yang besar perlu kita lihatlah. Saya duk tengok tapi Badan Berkanun jugak umpamanya Tabung Amanah Warisan yang pada masa dulu semasa ada royalti sebahagian besar RM60

juta ataupun berapa peratus itu dibagi kepada Tabung Warisan sebagai caruman daripada Kerajaan Negeri. Tabung Warisan ini menubuh anak-anak syarikat dia, di antara anak syarikatnya ialah PTB Land dan sebagainya. Tapi apakah masih Badan-badan Berkanun seperti ini masih lemah, masih tidak mampu menampung perbelanjaan sendiri, masih tidak dapat mengurus diri sendiri. Jadi kalau Badan-badan Berkanun ini belum dapat mengurus diri sendiri maka ada suatu perkara yang mesti difikir oleh Kerajaan untuk membebaskan badan-badan ini daripada terus bergantung kepada Kerajaan. Macam anakpun umur 30 tahun dah tapi mintak pitih dengan ayah lagi, macam mana boleh berlaku demikian, di mana silapnya, kecacatannya anak itu yang menyebabkan dia terencat macam orang terencat akal untuk membina dan mengurus diri sendiri.

Yang keduanya ialah ini senjata Kerajaanlah dalam B.32. B.32 ini banyak walau ada Kepala-kepala dia tetapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dalam B.32 ini Pelbagai Perkhidmatan yang terbanyak yang saya nampak di situ ialah RM27 juta ataupun tolong perbetulkan kalau saya tak ingat tadi. RM27 juta ini Bantuan Am. Apa yang nak dibantu? Itu suatu perkara yang perlu kita tengok. Kerajaan nak belanja hangus begitu aje, nak beri duit poket aje? Hari Raya bahagi sikit RM200 – RM300, musim lain bahagi pulak, itu duit poket hangus aje. Dan ini suatu peruntukan yang tidak kecil, peruntukan yang besar juga dan untuk kalau kita nak mengatasi kemiskinan dan keperluan rakyat mungkin tidak dapat kita atasi dengan melalui jumlah yang kita bagi mungkin RM300 setahun yang belanjanya katalah orang miskin maka semakin ramai orang miskin setiap tahun semakin banyaklah peruntukan. Inipun saya rasa Kerajaan lebih prihatin daripada kitalah, kita ini Pembangkang setakat memberi pandangan saja ataupun Kerajaan belanja untuk senjata dia, nak buat baik kepada rakyat supaya rakyat sokong dia, itu satu hal jugaklah. Dan saya bimbang dalam RM6 juta untuk program remaja tadi yang kita bincang tadi, masalah sosial, masalah remaja, masalah Mat Rempit dan sebagainya bagai nak gila. Jadi apakah satu peruntukan yang menasabah kita peruntukan untuk menyelesaikan masalah remaja kita, masalah belia kita pada masa akan datang dengan hanya tidaklah RM6 juta yang diperlukan tu nak bagi apa? Mungkin kalau bagipun RM200 seorang, panggil kursus kepada budak-budak yang tak boleh mengundi lagi, masuk umur 21 tahun panggil dia kursus beri RM200 seorang, dia ambil nama buat kenalan, lepas tu kursus-kursus lepas tu suruh daftarlah dia kata kalau boleh mengundi tu dah boleh RM200 ni maknanya undi Barisanlah sebab Barisan yang beri pitih. Bukan pitih Barisan, pitih rakyat juga tapi tukang beri saja. Oleh yang demikian, macam mana program yang dibuat ni, saya tak berapa jelas, orang tertanya-tanya. Orang selalu berkata: "Dia tu pergi kursus baru-baru ini boleh RM200, dia suruh Daftar Pemilih dia suruh mengundi dia." Itu hak dialah, saya bukan marah, bukan dengki tapi tak boleh

menyelesaikan dengan menggunakan wang sejumlah itu tetapi bukan untuk menafaat sebenarnya kepada para belia yang berkenaan. Para belia tentunya perlu kepada satu masa depan yang lebih cerah, lebih terjamin dan peruntukan-peruntukan kewangan yang sepatutnya yang digunakan untuk belia ini adalah untuk menjamin masa depan mereka, kedudukan aqidah mereka selamat, sosial mereka selamat dan lain-lainnya selamat pada masa akan datang ini. Itulah, saya sekadar bertanya saja bukan menuduh, jangan silap, bukan tuduh hanya sekadar bertanya sebab memanglah B.32 ini memang bebaslah, senang Menteri Besar nak pergi ke mana-manapun senang, boleh RM2,000 peruntukan boleh diberi. Menteri Besar bagus, dermawan, pada hal pitih di bawah B.32, boleh juga dibuat Bantuan Khas dan sebagainya. Jadi benda-benda yang seperti ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, harus kita ambil kira untuk melihat anak Terengganu, rakyat Terengganu pada masa akan datang lebih maju, lebih berperanan di dalam menyelamatkan negara. Umpamanya kita menghadapi masalah dadah, bagaimana nak pulih, nak menyelamatkan masalah dadah di kalangan muda-muda ini, yang menjadi masalahnya kita pelik jugak kerana yang terlibat dengan dadah ialah orang Melayu, orang Islam yang ramainya, Wakil Bandarpun sukalah. Kebetulan H1N1pun orang Melayu juga yang kena, pasal apa dia mari ke orang Melayu tu, dia mari dari mana? Bukannya kita dengki ke Wakil Bandar tapi Wakil Bandar selesa duduklah, H1N1 takdok kat dia, dadah takdok kat dia dan sebagainya. Walaupun dia seorang sahaja Wakil Rakyat bukan Melayu tapi boleh jaga bangsa dia daripada terjebak daripada gejala yang tidak baik ini. Tapi Wakil Rakyat kita ini ramai juga, semasa kita dulu kita buat cara kita, kita buat pemulihan dan sebagainya tetapi masa itu tidak panjang. Jadi oleh sebab itu saya rasa apa yang saya pernah cadangkan dalam Dewan ini supaya Bantuan Am itu pada masa yang akan datang tidaklah diperuntukkan sebegitu banyak apabila kita berjaya membebaskan orang-orang miskin itu daripada kemiskinan. Projek-projek yang bersifat mendapat hasil yang berterusan yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk orang-orang miskin ini mereka akan mendapat hasilnya sama ada Kerajaan bercakap nak buat kebun kelapa sawit, nak buat bangunan-bangunan yang tersergam indah daripada duit Kerajaan dan hasil mahsul dibahagi dan diperuntukkan kepada orang-orang miskin dan berbagai-bagai lagi, kalau itu boleh dilakukan maka perbelanjaan kita tidak berulang. Sekarang sudah bulan berapa? Ini sudah 25 haribulan tapi kalau nak belanja lagi mungkin boleh belanja. Jadi Kerajaan ni memanglah Demokrasi Berparlimen begitu sifatnya, dia belanja dulu lepas tu dia bawa dalam Dewan sebab dia tahu dalam Dewan ini dia majoriti dia akan diluluskan. Dan mungkin tak cukup lagi, bila sampai bulan dua belas ni satu lagi perbelanjaan yang lebih besar dibuat kemudian dalam waktu yang sama di samping Bajet dibentangkan lagi Rang Undang-Undang atau Enakmen Perbekalan Tambahan ini. Itu satu peringatan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

semoga peringatan ini diambil iktibar ataupun diolah oleh pihak Kerajaan dengan kemahuan dan kehendak Kerajaan sendiri. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Manir. Ada lagi Yang Berhormat? Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Wakil-wakil Rakyat, Pegawai-pegawai dan Pemerhati-pemerhati yang turut hadir pada hari ini. Saya mohon untuk mengambil bahagian sama dalam membicarakan tentang soal tambahan peruntukan di bawah Kepala B ini. Saya nak menyambung beberapa perkara yang telah disebut oleh sahabat saya tadi. Pertamanya tentang E-Book. Saya pernah mengajukan pertanyaan ini pada sesi yang lepas. Apakah Kerajaan telah membuat kajian menyeluruh tentang E-Book ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghalang daripada berlakunya *download* perkara-perkara yang tidak diinginkan oleh pelajar-pelajar yang dibantu oleh abang dan kakak ataupun orang lain yang tolong membantu untuk *download* berbagai perkara. Dan isu kedua, Kerajaan juga pernah menyatakan bahawa kilang untuk mengeluarkan E-Book ini akan dibina di Gong Badak oleh Intel, apakah pembinaan ini akan diteruskan ataupun bagaimana statusnya sekarang kerana saya difahamkan E-Book ini masih dibeli daripada Negeri China.

Menyentuh tentang T-Shoppe sudah dibuat dan Kerajaan bercadang untuk mewujudkan T-Shoppe ini di semua daerah saya difahamkan begitu dan disebutkan bahawa Kerajaan selepas ini akan membina T-Mall pula untuk membantu memasarkan barang-barangan yang dikeluarkan oleh penduduk-penduduk Negeri Terengganu, dari orang kampung. Nak buat apa buatlah tetapi perlu dibuat kajian supaya tidak berlaku lagi apa yang telah berlaku selama ini. Biarlah benar-benar sama ada T-Shoppe ke, T-Mall itu benar-benar diperlukan setelah dibuat kajian menyeluruh supaya janganlah jadi semacam TIA yang disebut tadi yang cadangnya hendak diwujudkan TIA dan setelah disedari ianya tidak ekonomik dan viable TIA itu diadakan. Buatlah dulu, kaji dengan mantap supaya kita jangan dikecam oleh orang-orang selepas daripada kita.

Tentang Bantuan Pakaian Sekolah, saya juga nak menyambung sikit tentang perbincangan tentang tender tadi. Kerajaan menyebutkan bahawa tender ini adalah dibuat secara *negotiated tender* atau diberi langsung kepada seorang usahawan enterprise saja saya fikir yang masih kecil skillnya tetapi diberi tender jutaan ringgit. Apakah Kerajaan sekarang ini mengambil

sikap untuk mewujudkan *negotiated tender* ini kerana kita sedia maklum ramai telah memberitahu bahawa *negotiated tender* ini adalah salah satu cara ataupun akan membawa kepada tuduhan-tuduhan kepada rasuah. Elok kalau dibuat secara telus saja dan ini boleh dilakukan oleh Kerajaan kalau mahu. Berkenaan dengan Majlis-majlis atau PBT ini saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Majlis Perbandaran Kemaman yang diberi tanggungjawab untuk membina Bandar Baru Kijal. Saya difahamkan bahawa Lembaga Tabung Amanah Warisan ada memberi pinjam kepada Majlis Perbandaran Kemaman untuk tujuan pembinaan ini. Saya ingin bertanya apa perlunya dipinjam daripada Tabung ini kalau sebenarnya ia benar, mengapa tidak dimasukkan ke dalam Bajet saja? Seterusnya ialah tentang Bantuan Am yang telah dibanyak disebut tadi dan berkaitan dengan itu juga Kerajaan dulu menyatakan bahawa kita ingin merakyatkan pembangunan dan pentadbiran. Saya masih berjumpa ataupun ini satu perkara yang saya nak sebut tentang JKKK ini yang juga merupakan pentadbiran bawahan di akar umbi yang kadang-kadang memberi masalah kepada 'perakytan' pentadbiran ini. Ada kes di mana saya menandatangani, mengesahkan satu borang bantuan biasa saja daripada Yayasan Terengganu untuk pergi ke IPTA dan setelah dicop dan ditandatangani oleh ADUN Ladang ini bila dibawa ke JKKK dia kata: "Tak boleh ni, tak boleh pakai". Hak ADUN Pas Kerajaan tak boleh terima dia kata. Lepas tu dia beri borang lain pulak kepada student itu untuk isi sebab dok boleh pakai hak Pas ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takut dalam mahkamah tak selesai lagi Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Selesai lama dahkan nak pilihan raya pulak dah. Jadi tak tahu kenapa masih berlaku begitulah mungkin tak faham ke ataupun mungkin maklumat tak sampai sehingga tandatangan Wakil Rakyat daripada kalangan Pembangkang ini tidak diterima. Dia beri borang lain pulak suruh sains, saya ingat dia (student) pergi ambil kat lain Wakil Bandar ke apa saya tak tahu, dok laku hak Ladang. Saya mintak tolong Yang Amat Berhormat supaya melihat masalah ini walaupun kecil tapi membantu kepada hasrat Kerajaan sendiri untuk merakyatkan pentadbiran ini. Saya fikir itu sahaja perbincangan saya untuk pagi ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian. Wallahuwa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Ladang. Ada peluang lagi saya buka. Sila Batu Burok.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya terus kepada butiran yang dibentangkan kepada Dewan ini yang perlu kepada penjelasan sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain perlu diperincikan oleh pihak Kerajaan dalam peruntukan yang dipohon ini. Yang pertamanya, ialah peruntukan dalam konteks E-Book yang disebut yang mana saya ingin merujuk kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 12hb Januari yang menyatakan bahawa Kilang Komputer Riba akan dibina di Kawasan Perindustrian Gong Badak bernilai RM8.5 juta dan dijangka siap pada bulan Mac maknanya dah siaplah sepatutnya kalau ikut kenyataan yang dikeluarkan pada 12hb Januari oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi peruntukan tambahan yang disyorkan sebanyak RM7 juta ini adalah suatu jumlah yang bukan sedikit kerana Yang Amat Berhormat jugak telahpun membuat kenyataan bahawa tiap-tiap tahun Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM30 juta setiap tahun, ini kenyataan rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebanyak RM30 juta akan diperuntukkan bagi E-Book ini sendiri. Jadi dengan tambahan RM7 juta ini apakah ini tambahan pulak daripada RM30 juta yang diperuntukkan setiap tahun. Jadi ini jugak perlu kepada perincian dan penjelasan lanjut daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan jugak Exco Kerajaan Negeri Terengganu.

Yang keduanya, adalah dalam konteks peruntukan bagi bayaran yang berkaitan dengan Bantuan Pakaian Pelajar-Pelajar. Ini jugak perlu kepada penjelasan kerana peruntukan yang begitu besar yang dimintak tambahan yang disyorkan lebih daripada RM4.5 juta.

Yang ketiganya, ialah sebagaimana yang telah disebutkan jugak dari segi bantuan kepada golongan belia, golongan remaja di mana tambahannya ialah RM6 juta. Ini perlu diperincikan bentuk bantuan yang akan diberikan ataupun yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri dalam konteks belia yang ada di Negeri Terengganu ini sendiri kerana kebimbangan saya kalau ianya tidak diurus tadbir dengan baik oleh Kerajaan Negeri ia akan membawa kepada padah yang berat kepada Kerajaan Negeri sebagaimana yang saya sebutkan diawal tadi dari segi TIA sendiri dengan izin, *shrouded with a lot of mystery* di mana kalau kita berbincang dengan *Bankers* dan juga mereka-mereka yang faham tentang ekonomi mungkin ramai yang tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku tentang TIA ini sendiri tetapi Kerajaan perlu bertanggungjawab, Yang Amat Berhormat Menteri Besar perlu bertanggungjawab kerana ianya melibatkan jumlah wang yang besar. Walaupun telah kembali kepada Kerajaan Pusat tetapi anggaran yang dibuat *for the first three months* (tiga bulan pertama) pembayaran balik bunga ataupun *interest rates* dianggarkan lebih RM200 juta setiap tahun.

Jadi siapa yang bertanggungjawab tentang persoalan ini walaupun dengan mudah kita jawab sekarang ini telah diambil alih oleh SATU Malaysia (Eye Malaysia Development Berhad) tetapi Yang Amat Berhormat adalah sebahagian daripada mereka yang meluluskan projek yang begitu besar tanpa pengetahuan rakyat Negeri Terengganu di mana melibatkan lebih daripada RM5 bilion wang royalti minyak yang diletakkan dalam pasaran Bond dan ianya (wang royalti) digunakan sebagai cagaran kepada pasaran Bond yang ada ini sendiri. Jadi persoalan-persoalan ini adalah persoalan yang perlu kepada jawapan, rakyat nak tahu daripada bank mana yang dipinjam, siapa yang bertanggungjawab, siapa yang menguruskannya, *rate of return*, siapa pengurusnya dan banyak perkara yang perlu kepada penjelasan sebagaimana yang kita duk bincang untuk meluluskan dari segi projek belianya, Program-program E-Book dan sebagainya yang perlu kepada penjelasan yang lanjut. Saya menyebut ini Yang Amat Berhormat kerana sekarang ini *in the market* dengan izin, banyak yang diperkatakan bahawa Yang Amat Berhormat jugak mempunyai ramai kroni, melindungi kroni-kroni. Bila timbul persoalan-persoalan yang melibatkan Negeri Terengganu, Yang Amat Berhormat begitu mudah menyalahkan Menteri Besar yang lalu dalam konteks apa yang berlaku. Yang Amat Berhormat sebagai Ketua Kerajaan Negeri Terengganu perlu bertanggungjawab, *be a gentleman* dengan izin, bertanggungjawab dengan apa yang berlaku kalau ada penyelewengan, ada rasuah di kalangan orang-orang kanan yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat sendiri perlu ambil tanggungjawab segera untuk kita menunjukkan sebuah Kerajaan yang telus dalam mentadbir Negeri Terengganu ini sendiri. Jadi inilah antara perkara-perkara yang saya perlukan penjelasan lanjut kerana Program E-Book ini jugak timbul persoalan orang-orang yang dianggap sebagai rapat dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri dalam konteks mendapat projek-projek dan kontrak ini. Begitu juga dalam konteks TIA ini sendiri kita nak kepada penjelasan yang lanjut. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Wakil Bukit Tunggal, saya ingat perkara-perkara yang sama diulang saya ingat tak perlu lagilah. Yang Berhormat sila.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya akan mengambil masa sekejap saja cuma apa yang saya mahu mungkin telah disebut tapi dalam bentuk lain. Pemberian Dalam Negeri – Bantuan Remaja (42000). Jadi jumlahnya agak besar RM23 juta keseluruhannya, yang asasnya RM17 juta dicampur RM6 juta lagi menjadikan RM23 juta. Jadi kita tidak tahu apakah fokus Kerajaan Negeri sekarang. Adakah dia hendak menjadikan negara ini negara

kebajikan, setiap yang tidak bekerja hendak diberi pencen seumur hidup kerana bila kita tengok yang tua pulak memerlukan RM2.7 juta, RM25 juta yang asal ditambah RM27.2 juta lagi. Jadi adakah kita nak membiarkan anak-anak muda kita sentiasa berharap kepada Kerajaan setiap masa. Nak mendidik rakyat supaya mintak bantuan, nak benda minta, nak benda minta saja, tak ada usaha nak bekerja, sedangkan kita tengok di bawah Usahawan hanya RM6.8 juta yang asal bagi RM2 juta tambah RM4.8 juta. Jadi usaha untuk bagi peluang pekerjaan untuk cari rezeki secara titik peluh sedikit sahaja peruntukannya, yang duk beri *cashnya* banyak, akhirnya beli *handphone* tak cukup kredit mintak dengan mak bapak yang menyebabkan dapat beli *handphone* kerana dapat RM300, RM200 beli *handphone* di kedai lepas itu kredit tiap-tiap bulan bapak yang kena tanggung. Ini membebankan ibu bapa, ini satu konsep polisi yang sangat salah bagi saya kerana beri *cash* kepada remaja-remaja yang menyebabkan mereka bergantung dan menyusahkan ibu bapa. Wallahuwa'alam. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Tunggal. Ada lagi Yang Berhormat? Jika tidak ada, kita jemput Wakil Kerajaan untuk menggulung. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Cukai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan para Pemerhati. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya ingin merujuk kepada beberapa soalan yang dibangkitkan berkaitan dengan T-Shoppe, T-Mall dan juga berkaitan dengan SADSI yang telah dibangkitkan tadi oleh Wakil-wakil daripada Batu Burok, Wakaf Mempelam dan jugak Bukit Tunggal.

Yang sebenarnya, T-Shoppe ini adalah satu pendekatan baru yang kita ambil bukannya dengan tujuan untuk kita mengadakan bisnes ataupun perniagaan untuk berlawan dengan rakyat tapi sebenarnya ialah untuk membantu rakyat. Sebab kita lihat pada hari ini rakyat kita yang terlibat dalam IKS ini khususnya di kampung-kampung tidak ada outlet, tidak ada tempat untuk mereka menjual barangan mereka. Jadi dengan kita wujudkan T-Shoppe ini sekurang-kurangnya kita sudah ada satu ruang ataupun outlet untuk kita mengumpulkan barangan mereka ini dan kita jual kepada masyarakat umum seterusnya. Kalau kita lihat pada masa ini semua barangan daripada kampung (IKS) ini mereka hanya dapat menjual apabila kita ada *road show* dan sebagainya itulah ruang untuk mereka menjual. Tetapi apabila kita wujudkan T-Shoppe ini, sekarang kita ada satu pusat yang sistematik yang kita boleh jual barangan rakyat kita dan masyarakat kita, itu yang pertama. Yang kedua, di samping itu untuk mengukuhkan lagi pengagihan ataupun penjualan barangan ini kita

juga akan wujudkan apa yang dipanggil Pusat Pengumpulan Produk. Pusat Pengumpulan Produk ini seterusnya akan mengumpulkan barangan daripada kampung-kampung ini dan kita akan membantu mereka membuat pelabelan ataupun *packaging* sendiri ataupun kita boleh *package* untuk mereka dan mereka boleh jual dengan lebih mahal barangan mereka dan ini akan menguntungkan mereka secara langsung. Jadi ini adalah pendekatan kita yang kita guna selari dengan hala tuju kita untuk membantu IKS-IKS di peringkat bawah di peringkat kampung ini. Seterusnya, saya merujuk kepada T-Shoppe yang dikatakan mahal tadi. Yang sebenarnya kita telah membuat kajian, walaupun sewa di Bukit Besar itu dikatakan agak mahal RM7,000 tapi oleh kerana tempat itu strategik kita telah lihat satu haripun sudah melebihi RM1,000 dia punya pendapatan *gross sale* dia. Dan kita telah buat kajian pulangan adalah dalam tempoh dua tahun, kos kita adalah lebih kurang RM250,000.00 untuk mewujudkan sebuah T-Shoppe itu dan secara jangka panjangnya dia akan boleh bantu IKS wujud secara berterusan di Negeri Terengganu kita ini. Secara tak langsung akan meningkatkan lagi pendapatan orang-orang kampung kita.

Yang kedua, adalah berkaitan SADSI di Melaka. Sebenarnya adalah satu program kita untuk mengadakan rangkaian T-Shoppe kita ini di seluruh negara sebab kita tahu kalau kita wujudkan di Terengganu sahaja pasaran produk kita hanyalah dalam Terengganu tapi kalau kita buka rangkaian kita ini di luar Terengganu sampai ke negeri-negeri lain insyaAllah produk kita ini boleh disampaikan di seluruh Malaysia. Kita juga nak wujudkan di Lembah Klang, di Johor, di Melaka dan di seluruh Malaysia. InsyaAllah, kita akan buka lebih kurang 90 buah T-Shoppe ini di seluruh negara dan dengan sendirinya boleh memperkembangkan produk/hasil Negeri Terengganu kita ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa itu sahajalah kepada soalan-soalan yang dibangkitkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Cukai. Sila Teluk Pasu.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam, Manir dan Bukit Tunggal yang menyentuh tentang Bantuan Bakti Remaja. Pada tahun ini adalah tahun yang pertama iaitu sebanyak 20% daripada jumlah keseluruhan penerima Bakti Remaja yang kita wajibkan menghadiri kursus. Yang menghadiri kursus ini kita berikan sebanyak RM500. Menjawab soalan Wakil Bukit Tunggal, kalau dulu kita berikan sebagai '*One-off*' tanpa memberi kursus yang cukup maka ada yang *complaint* menyatakan bahawa kenapa kita beri ikan kita tidak beri pancing. Jadi banyaklah persoalan-persoalan

yang dibincangkan tentang remaja ini. Dan pada tahun ini modul yang kita gunakan pada pandangan Kerajaan adalah modul untuk jati diri yang baik, umpamanya modul patriotism remaja, semangat cintakan negara, kerohanian, kenegaraan, kepimpinan, kerjasama, ketaatan kepada ketua dan pemimpin. Ini adalah tanggungjawab kitalah kalau kita hanya pandai *complaint* bila ada tangkapan, bila ada kes-kes dadah meningkat dan sebagainya kita salahkan kepada Kerajaan dan tidak ada ikhtiar. Maka kita yakin dengan ikhtiar ini dengan memberikan pendedahan kepada kursus ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha kita dan apa yang diberikan itu sebanyak RM500 bukanlah beri *cash* begitu, untuk makluman Wakil Bukit Tinggi ada juga yang tidak mahu menghadiri kursus dua malam tiga hari ini kerana kursus yang kita berikan adalah kursus 'X-Commando' seperti kem yang kita gunakan adalah Kem Team Mate Merang iaitu seorang bekas komando yang melatih anak-anak muda kita untuk membina jati diri yang kuat. Kalau Yang Berhormat Bukit Tinggi hendak cuba bolehlah kita pergi iaitu dua hari tiga malam bagi satu pakej nak rasa bagaimana serangan hendap daripada laut dilatih oleh komando, bagaimana bermain bola api di waktu malam dan saya nampak bahawa modul ini adalah modul yang amat baik. Terima kasih saya ucapkan kepada Wakil-wakil yang bertanya dan saya harapkan benar bahawa hasil daripada kursus ini akan menampakkan kejayaan walaupun tidak hari ini tetapi dalam tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Teluk Pasu. Seberang Takir, sila.

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Berkait dengan soalan dan juga kemusykilan yang dikemukakan oleh Wakil Wakaf Mempelam, Wakil Ladang dan juga Wakil Batu Burok berkait dengan *Electronic Book* atau E-Book. Jadi yang sebenarnya E-Book ini yang telah diagihkan kepada pelajar-pelajar kita sebahagian besar kita telah agihkan dan sebahagiannya kita belum lagi. Memang baru-baru ini kita ada mendapat makluman ada beberapa orang pelajar iaitu kes ini adalah merupakan kes yang terpencil kerana maklumat yang diberi itu sebenarnya tidak berapa tepat dan pelajar yang terlibatpun tak ramai hanya ada empat orang sahaja dan kes itu adalah kesan tindakan daripada abang yang telah memasukkan ataupun telah *download* perkara-perkara yang tak berapa baiklah. Walau bagaimanapun, sekarang E-Book kita telah dilengkapi sebagai satu program yang dinamakan sebagai Anti-Prono dan telah kita masukkan dalam setiap E-Books dengan menggunakan tenaga EIO kita ataupun Pegawai Komputer yang sekarang ini sudah berada di sekolah-sekolah. Program ini adalah program pencegahan di mana pelajar-pelajar sudah tidak lagi boleh *download*

perkara-perkara yang tidak elok atau tidak baik yang diambil ataupun yang diaccess daripada internet dan sebagainya. Selain daripada itu, peruntukan yang kita perlukan tambahan peruntukan itu adalah dari segi kita nak menjalankan program ini atau yang dinamakan dengan izin, *Virtual Class* ataupun Kelas Maya. Di mana ada beberapa perkara lagi ataupun peralatan-peralatan yang perlu kita tambah bagi memastikan perjalanan kelas ini kita dapat jalankan dengan sebaik-baiknya. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa kita telah dikunjungi beberapa kali oleh pihak Kementerian Pelajaran berkait dengan penggunaan ini dan mereka amat berminat sebenarnya untuk mengikuti apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Terengganu tapi kerana implikasi kewangan yang agak besar jadi mereka masih menunggu dan melihat perkembangan dan juga melihat apa yang boleh Kementerian buat. Mereka merasakan bahawa program ini amat berjaya kerana hari ini kalau kita lihat pelajar-pelajar kita pada hari ini dah *advance* dengan izin dah ataupun sudah menampakkan kematangan dan juga menampakkan peningkatan dari segi kefahaman tentang penggunaan komputer. Malah saya difahamkan juga oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang sendiripun berminat untuk mendapatkan Electronic Book daripada Terengganu tapi katanya dari segi kesan implikasi kewanganlah. Kerajaan Negeri kitapun memang berhasrat untuk pada tahun hadapan untuk menambahkan lagi dari segi pemberian ataupun bekalan E-Book ini kerana kita melihat dari segi Kilang Pemasangan Komputer yang telah kita bina di Gong Badak itu, ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Wakil Ladang bahawa kilang kita itu telahpun siap dan beroperasi. Yang sebenarnya, memang kita masih lagi mendapatkan bekalan komputer kita daripada syarikat utama kerana kilang yang kita ada ialah Kilang Pemasangan dengan izin, *Assemble Factory* yang mana perkakasan yang kita beli itu dipasang di kilang kita. Kita tak mampu nak membina satu kilang untuk nak buat 100% kerana difahamkan untuk kita membina sebuah kilang 100% pemasangannya memerlukan belanja yang sangat besarlah yang melibatkan ratusan juta. Sedangkan kilang yang kita bina di Gong Badak ini melibatkan dengan peralatan hanyalah berjumlah RM8.5 juta sahaja dan kerana kemampuan kilang kita ini insyaAllah, pada tahun hadapan kita rasa kita ada kemampuan untuk memasang dengan lebih banyak lagi dan kemungkinan kita akan dapat membekalkan komputer ataupun Electronic Book ini bukan hanya untuk Terengganu tetapi mungkin juga untuk di luar-luar kerana Terengganu sudah mendapat hak untuk membekalkan E-Book di peringkat Asia Tenggara. Kita difahamkan sudah ada beberapa buah negeri yang sudah menunjukkan minat untuk mendapatkan E-Book daripada Negeri Terengganu. InsyaAllah, saya juga difahamkan melihat kepada soalan untuk besokpun nampaknya ada beberapa soalan lagi

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan Yang Berhormat nak bagi?

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Mohon penjelasan, ringkas saja.

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa penjelasan ini tak perlulah kerana ada dua soalan lagi untuk besok tentang E-Book ini saya rasa kita akan jawab untuk esoklah. Jadi saya rasa saya tak perlu terang terperinci takut kalau terang terperinci esok tak ada soalan dah. Jadi saya rasa itu saja. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Yang Amat Berhormat sila.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin membuat penjelasan dan membetulkan beberapa perkara. Pertama, dua orang Wakil Rakyat iaitu daripada Batu Burok dan Wakaf Mempelam menyatakan bahawa Terengganu negeri yang kedua dari segi Bajet yang terbesar, saya nak perbetulkan. Negeri pertama yang paling besar bentang Bajet ialah Sarawak iaitu RM4.3 bilion, diikuti oleh Sabah dan yang ketiga Terengganu, itulah kedudukan sebenar.

Yang kedua, saya ingin membuat sedikit pembetulan tentang tanggapan yang dibuat dari segi negatifnya kerana kita suka melihat perkara negatif. Pertama melibatkan E-Book sebagaimana yang dikatakan tadi dan memanglah sebagai negeri pertama yang memperkenalkan E-Book ini dan kalau kita tanya kepada guru-guru mereka yang terlibat secara langsung dalam Program E-Book ini hampir keseluruhan mereka berpuas hati dengan perjalanan, penggunaan E-Book ini sendiri, faedah yang diperolehi oleh para pelajar itu sendiri dalam memperkenalkan program komputer ini ke peringkat rakyat keseluruhannya. Cuma sebagaimana disebutkan tadi ada kes terpencil, ada tiga-empat kes tersebut yang tidak bertanggungjawab kita nak jadikannya sebagai isu, jadi ini tak betul. Di Malaysia hari ini ada 30 juta handphone dan oleh kerana ada orang yang menggunakan handphone ini untuk *download* benda-benda yang tak baik adakah Kerajaan nak haramkan penggunaan handphone? Kita tak boleh lari daripada teknologi, kita berada di zaman globalisasi, dunia tanpa sempadan bukan di zaman batu. Jadi kita perlu menerima teknologi ini seadanya dan kita perlu memberi kesedaran kepada rakyat tentang teknologi ini dan sebab itulah Kerajaan sendiri mengambil langkah-langkah

tertentu sebagaimana disebut oleh Wakil Seberang Takir di mana kita adakan sistem-sistem tertentu yang telah dikenal pasti untuk memperkukuhkan Program E-Book ini supaya tidak ada perkara-perkara yang tidak baik dilakukan. Begitu juga kita sedar daripada awal lagi dari segi pembelajarannya, mungkin guru mengajar matematik tetapi para pelajar dia tengok benda lain sebab itu kita dah ada satu sistem yang kita bangukan bersama dengan Intel untuk diperkenalkan ini yang menyebabkan kos-kos tambahan yang perlu kita lakukan di mana guru boleh mengawal semasa dalam kelas, di mana kalau guru tutup komputer yang lain-lain turut juga akan tertutup, ini yang dilakukan. Sebab itu saya katakan dengan teknologi ini kadang-kadang macam kitalah biasalah contohnya antara perompak dengan Polis, perompak memang dia lebih advance begitu juga kita tengok dulu semasa pengeboman dalam kapal terbang, bila digunakan bom-bom tertentu Polis dapat kesan dengan memasang alat pencegahan di airport dan sebagainya, diapun pakai bom plastik pulak, kita kesan ikut ni, dia guna cara lain pulak.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan termasuk C4 ke, hak bunuh Altantuya tu, termasuk jugak?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Hak tu saya takmboh komenlah Dato' Yang Dipertua. Itu bukan kerja kita. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di samping itu saya merasa agak dukacitalah kalau Wakil Batu Burok boleh membuat andaian-andaian yang tidak tepat lagipun dalam puasa ni, menimbulkan syak wasangka dan sebagainya. Saya rasa dalam Dewan ini dia seorang aje ada PhD tapi kalau PhD itu kita gunakan sebaik mungkin alhamdulillah. Sebab itu saya sebut awal-awal lagi tadi TIA sudah selesai, segala tanggungjawab telah diambil oleh Kerajaan Pusat. Hasil perundingan kita, perbincangan kita, apa yang berlaku tak timbul lagi tapi seolah-olah nak ulang balik main filem tu le nak wujudkan sentimen dan sebagainya begitu juga cuba melaga-lagakan saya dengan bekas Yang Berhormat Menteri Besar yang terdahulu, kroni dan sebagainya. Saya sebut di sini

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): [Bangun]

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat saya takmboh beri laluan lagi, saya nak jawab dahulu, tak apa, takdok masalah kalau saya takmboh beri laluan tapi saya nak jawab dulu. Sebab saya katakan tadi E-Book bukan kita beri kepada sesiapa, syarikat yang mengurusnya ialah TOP IT merupakan Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang tuan-tuan boleh pergi check di mana-manapun E-Book ini, komputer

yang sama dijual berapa harganya dan berapa dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada TOP IT. Kalau TOP IT ada untung bermakna Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang untung. Dan kita telah diberi hak oleh Intel untuk memasang sistem ini ke seluruh Asia Tenggara dan hak kita dengan Dewan Bahasa Dan Pustaka. Sebab itu tiga buah negeri telah menunjukkan minat Sarawak, Melaka dan Pulau Pinang dan selepas pada ini kita akan adakan perbincangan cara mana untuk membekalkan E-Book ini ke negeri-negeri berkenaan di samping untuk mengurangkan kos mereka, ini yang kita lakukan. Jadi saya percaya, kita bersikap bertanggungjawab, telus dan sebagainya sebab itu kita tidak melindungi sesiapa sebagaimana yang dikatakan kroni dan sebagainya, kalau kita salah silakan SPRN ialah Badan Bebas. Jangan bila kena ke kita, kita marah, bila kena ke orang kita suka, macam-macam alasan dikemukakan. Jadi kita kena bersikap telus, kalau kita rasa orang kena, kita kenapun okey tak apa, tak perlu dibimbangkan sebab itu saya sebut saya telah mengalaminya selama 3 tahun disiasat oleh BPR, saya tidak ada masalah, kenapa kita takut.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Amat Berhormat, saya tak tuduh Yang Amat Berhormat tetapi saya sebut tentang isu TIA ini isu yang besar walaupun Yang Amat Berhormat menyebut dari segi *Escape Zonenya* telahpun kembali kepada One Malaysia Development Berhad tetapi menjadi perbincangan hangat di kalangan bankers, di kalangan pengkaji-pengkaji ekonomi, bagaimana ini boleh berlaku, bagaimana di peringkat awal Kerajaan Negeri di bawah Yang Amat Berhormat boleh memberikan kelulusan sehinggakan RM5 bilion dan *ditie* pulak dengan izin, kepada royalti minyak. Ini menjadikan persoalan-persoalan dan timbul sekarang ini persoalan-persoalan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang tidak selesai, diperkatakan di kalangan *'market talk'* orang kata dengan izin

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat, saya nak sebut

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak ingatkan Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): tetapi ini yang berlaku. Apabila timbul persoalan yang tidak diperjelaskan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kalau penjelasan, biar penjelasan jangan dibangkit isu baru.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, saya mintak penjelasan sebab isu TIA yang sekarang ini dikatakan telah selesai rakyat tak tahu *what really happen* dengan izin, apa sebenarnya yang berlaku, siapa yang bertanggungjawab, macam mana Exco boleh luluskan di peringkat awal

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, ya, okey Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat. Isu itu saya tak benar lagi untuk penjelasan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ini kelulusan Exco, Yang Amat Berhormat meluluskan di peringkat awal sebelum ianya kembali kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi itu yang saya mintak penjelasan tentang apa yang berlaku ini bukan tuduhan. Minta maaf Yang Amat Berhormat bukan tuduhan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah sebut tadi kitapun ada berbincang, kita ada Penasihat Undang-Undang Negeri, berbagai-bagai perkara kita buat dan ada perkara-perkara yang barangkali saya tak boleh sebut di sini. Sebab itu saya katakan perkara ini telah selesai dan tak timbul sama sekali dan kalau Yang Berhormat ingin mendapat penjelasan lanjut datang berjumpa saya, saya boleh ceritakan tapi perkara ini telahpun selesai dan tidak timbul persoalan lagi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Itu rakyat nak tahu tu. Apa sebalik yang dikatakan selesai tu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Tak apalah yang selesai tu selesailah, tak ada masalah dah, tidak ada liabiliti yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri *even* satu senpun, maknanya selesai. Sebab itu saya katakan tadi perkara ini sudah diselesaikan, tak ada masalah sebab itu saya katakan tadi kalau Yang Berhormat masih tak berpuas hati datang jumpa saya, saya boleh ceritakan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Isu dia bukan saya puas hati tak puas hati, isu dia isu duit Kerajaan Negeri Terengganu dan rakyat nak tahu apa yang sebenarnya berlaku?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Sebab itu saya katakan tadi benda ini sudah selesai dan tidak melibatkan *a single cent* daripada Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Boleh tak Yang Amat Berhormat sebutkan sikit bagaimana Yang Amat Berhormat di peringkat awal boleh meluluskan peruntukan ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Sebab itu saya katakan ada perkara-perkara yang tidak boleh kita keluarkan semua sekali.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ini di Dewan yang mulia sepatutnya Yang Amat Berhormat menjelaskan dan Ahli-ahli Dewan berhak mengetahuinya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Tak, ada benda-benda yang tidak boleh kita keluarkan, Yang Berhormat kena faham. Jadi sebab itu saya katakan tadi bahawa kita menerima perkara ini adalah sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kita telah pastikan. Sebab itu saya sebut tadi bahawa ada perkara-perkara seperti contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat yang menyebut mengenai keperluan kewangan bagi PBT. Saya nak beritahu bahawa kita di Terengganu ini kalau nak kira dari segi PBT yang berdikari sepenuhnya, tidak ada. Yang hanya berdikari dari segi pengurusan hanya ada dua iaitu Kemaman dan Dungun tapi dari segi projeknya masih lagi bergantung kepada Kerajaan Negeri sebab kadar pembayaran Cukai Pintu Negeri Terengganu hanya 40% bukan sebagaimana di Lembah Klang, di Selangor, di Shah Alam, MPPJ dia dapat 95% ke atas Cukai Pintu setahun atas kesedaran rakyat dia bayar Cukai Pintu tapi kita tak bayar RM12, RM15 pun tak bayar, servis nak servis kelas pertama sebab itu kita tidak ada kewangan. Kalau PBT mogok saya rasa seminggu kerana tak ada duit nak bayar gaji, tak kutip sampah saya tak tahulah apa nak jadi di Terengganu ini. Sebab itu Kerajaan terpaksa berikan peruntukan-peruntukan ini kepada PBT kita untuk meneruskan program kita. Sebagai contoh Setiu, Setiu hanya kutip hasil Cukai Pintu RM65,000 setahun, nak bayar gaji Yang Dipertua seorangpun dokrok tetapi kita terpaksa tanggung untuk teruskan perkhidmatan. Sebab itu kita berikan bantuan-bantuan kewangan ini kepada PBT-PBT kita.

Yang seterusnya, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ladang tadi mengenai pinjaman Tabung Amanah Warisan Negeri kepada Majlis Perbandaran Kemaman. Perkara ini memang betul sebab kita melihat kalau yang lain sebagaimana Wakil Ladang kata dimasukkan dalam Bajet itu bagi yang tidak ada punca kewangan. Oleh kerana kita tahu Kemaman ini ada duit sedikit sebab itu kita beri dalam bentuk pinjaman, dia boleh bayar balik dan duit ini boleh digunakan sebab itu kita beri pinjam dan tidak beri masuk dalam Bajet dia perancangan yang besar ini, itu yang kita lakukan. Kalau macam Kuala Berang kita beri 100%lah sebab itu

dulu kita ada konsep Perancangan Pembangunan PBT iaitu kita bahagikan kepada tiga; Kerajaan Federal, Kerajaan Negeri dan PBT bagi membangunkan sesuatu projek. Oleh kerana Kemaman dia ada duit sikit kita beri dia peluang 60% untuk bina bangunan duit dia dan 30% daripada Kerajaan Negeri dan 10% daripada Kerajaan Pusat. Bagi Setiu kalau projeknya RM100,000, 60% daripada Kerajaan Negeri, 30% daripada Kerajaan Persekutuan dan 10% daripada PBT Setiu sendiri. Dia keluar RM10,000 saja kalau projek RM100,000 kalau buat projek perumahan atau perkedaian. Inilah formula yang kita buat sejak dulu lagi Dato' Yang Dipertua. Jadi saya mintaklah supaya perkara-perkara yang disebutkan tadi kita juga akan memberi perhatian dan kita sedang menambahbaikkan program-program dan juga memberi pemerhatian. Dan saya menerima teguran-teguran daripada Pembangkang ini dengan hati yang terbuka cuma saya kata tadilah, saya juga minta maaf dan saya berharap tidak berlaku tohmahan-tohmahan yang tidak seharusnya kita keluarkan. Bagi yang betul, saya beritahu betul dan salah kita kata salah walaupun Kerajaan yang lakukan. Jadi ini yang hendak kita lakukan dan kita sama-sama untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada Negeri Terengganu. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada sikit ni, saya duk tertunggu-tunggu hak Cas Ligas tu, dia cas ligas ke dok lagi lening. Hak tu tertinggal se, pengangkutan awam kerana ianya jugak melibatkan peruntukan tambahan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana kita masih lagi memberi perkhidmatan kepada penduduk Bandar Kuala Terengganu, kalau dulu ada dua buah bas sekarang dah ada enam buah bas, jadi kita perlukan peruntukan untuk menguruskan bas ini dan sekarang ini kita masih lagi memberi perkhidmatan secara percuma kepada penduduk-penduduk Bandar Kuala Terengganu sebab itu kita perlukan peruntukan ini Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Perkhidmatan percuma Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Begitu jugak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perkara yang dalam Bekalan Tambahan ini tak termasuk TIA Yang Berhormat Batu Burok, jadi '*market talk*' tu tak boleh dibawa ke sini. Walau bagaimanapun, saya harap Ahli Yang Berhormat Batu Burok bertemu, menulis secara terus kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan tidak dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telah selesai perbahasan dan penggulungan, sekarang saya buka kepada undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2009 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2009 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2009 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan Tambahan 2009.**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, demikianlah sidang Dewan kita pada hari pertama ini pada 25 Ogos 2009 dan sebelum kita beredar dengan Tangguhan saya ingin memetik perkara yang sangat penting yang boleh kita pungut daripada sidang kita pada hari ini iaitu apa yang disebut oleh Wakil Kuala Besut sebentar tadi iaitu cara-cara untuk kita mengatasi dan juga memastikan wabak Influenza A ataupun H1N1 (Selsema Babi) ini tidak merebak ke negeri kita yang kita kasihi ini. Jadi selain daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mintak Pegawai-pegawai Daerah yang hadir khususnya Dungun, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu yang barangkali sedar tak sedar kesemua daerah kita mengalami 895 kes sekarang ini. Bagi mengelakkan bentuk-bentuk penyebaran apa jua saya percaya perlu kalau dikawal dalam Majlis Tindakan Daerah atau sebagainya kita (Dewan) berharap ia akan dikawal segera. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang batuk dan bersin kena jaga, etika kena ada, tangan dicuci selalu.

Dan akhirnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita tangguhkan sidang pada hari ini kepada pukul 9.30 pagi esok 26 Ogos 2009 dan sebelum kita beredar marilah sama-sama kita sudahi majlis kita pada pagi ini dengan bacaan Surah Al-'Asr. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

**Persidangan
Pada Hari Rabu, 26 Ogos 2009**



**Hari RABU,
26 OGOS 2009**

KANDUNGAN

- | | | |
|----|---|------------|
| 1. | Nama Ahli-ahli | [Muka 75] |
| 2. | Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
- Soalan-soalan Lisan | [Muka 79] |
| 3. | Rang Undang-Undang: | |
| | (i) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang
Melayu (Pindaan) 2009 | [Muka 109] |
| | (ii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang
Melayu (Pindaan) (No. 2) 2009 | [Muka 114] |
| 4. | Tungguhan | [Muka 120] |
| 5. | Lampiran
[Soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis] | [Muka 121] |

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG
BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, saudara-saudari yang dihormati sekalian. Mesyuarat kita pada hari ini disambung semula. Sebelum kita mulakan Persidangan Dewan kita ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita memulakan dengan Soalan-soalan Lisan, sukacita saya nak memaklumkan sedikit iaitu apa yang saya nak beritahu pada kelmarin, sidang kita pada kali ini ialah sidang yang sempena Sambutan 50 Tahun Dewan Undangan Negeri Terengganu ataupun Jubli Emas Dewan Undangan Negeri Terengganu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian diberi keistimewaan insyaAllah untuk menulis dengan bentuk harapan ataupun apa juga yang difikirkan berfaedah kepada generasi akan datang dan tulisan ini akan disimpan dalam satu bentuk 'Time Capsule' insyaAllah akan tersimpan rapi dan dibuka pada 50 tahun akan datang iaitu 27 Julai 2059. Jadi pada hari ini insyaAllah, agenda ataupun urusan mesyuarat kita sebelum Tangguhan, Pembantu Bentara akan memungut daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kesemua tulisan-tulisan ini dan disimpan terus ke dalam kapsul yang telah disediakan. Saya berharap kesemua Ahli Yang Berhormat telah bersedia dan memberi kerjasama kepada acara ataupun urusan ini, insyaAllah.

Urusan pertama kita pada pagi ini ialah notis kepada Soalan-soalan Lisan. Dengan segala hormatnya saya memulakan dengan menjemput Yang Berhormat Manir untuk soalan yang pertama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Berapakah jumlah projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2004 hingga 2008 dan nyatakan projek yang telah siap dilaksanakan dan yang masih dalam pelaksanaan?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Jumlah projek-projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2004 hingga 2008 adalah sebagaimana berikut:-

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah Projek</u>
2004	328
2005	66
2006	683
2007	666
2008	667
JUMLAH	<u>2810</u>

Jumlah projek yang telah siap dilaksanakan adalah sebanyak 2,749 sementara sebanyak 61 projek lagi masih belum siap dan dalam proses pelaksanaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Apakah jenis-jenis projek yang masih dalam pelaksanaan yang 61 itu?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Yang dimaksudkan projek yang masih lagi dalam perancangan ialah projek-projek yang dikaji semula dan dalam proses merekabentuk. Terdapat dalam lebih kurang 30 projek yang masih lagi dalam peringkat rekabentuk dan penyelesaian masalah-masalah tanah yang kita jangka akan terlibat dengan pelaksanaannya nanti.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, baru dalam rekabentuk yang 30 tu?

YANG BERTHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, dia Parti Kerajaan Barisan Nasional ini memang dia kalau nak buat sesuatu perkara ini dia merancang dengan *detail* supaya matlamat utama dapat dirasai dan dinikmati oleh rakyat jelata. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, kita tahu rancang tu tapi rancangpun bukan mestinya molek belaka dok? Hak yang rancangpun macam stadium tu runtuh. Ada lagi hak rancang banyak yang dekat Kuala Ibai tu masuk airpun ada tapi yang saya tanya hak baru rekabentuk tu lulus dah berapa tahun dah dari tahun 2004 hingga sekarang dah berapa tahun dah tapi masih dalam rekabentuk lagi.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, *azamta fatawakkal anallah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Mulia Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 2.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan nombor 2 Yang Amat Berhormat.

Berapakah jumlah royalti minyak yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2004 – 2008 dan senaraikan jumlah wang royalti minyak yang digunakan bagi menampung projek Kerajaan Persekutuan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai dan para Pemerhati sekalian. Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2004 – 2008 hanya sekali menerima royalti iaitu pada bulan Mac 2000 iaitu kira-kira RM400 juta dan selepas itu tiada lagi royalti yang diterima melainkan Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soalan yang selanjutnya tidak lagi dijawab tu iaitu senaraikan jumlah wang royalti yang digunakan

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sehingga akhir 2008 jumlah Dana Khas yang sepatutnya diterima ialah sebanyak RM14,890,654,145, yang dibayar terus kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM7,164,577,081, melalui Kementerian dan agensi RM7,654,021,064 dan melalui Syarikat Perumahan Negara RM102,056,000 menjadikan jumlahnya RM14,890,654,145, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum Dato' Yang Dipertua, Dato' Menteri Besar, soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Oleh kerana perkara ini membabitkan mahkamah, dalam masa yang sama adanya perundingan, bolehkah Yang Berhormat menyatakan sejauh manakah proses mahkamah yang telah berlangsung dan perundingan yang dilakukan untuk menghasilkan semula dan supaya apa yang termaktub dalam perjanjian dan Akta Petroleum dilaksanakan dan kembali hak kepada negeri ini?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebagaimana saya sebutkan dalam jawapan saya semalam bahawa kita masih meneruskan rundingan dan ada beberapa perkara yang kita belum muktamadkan dan sebab itulah proses penarikan balik kes ini masih belum berlaku dan kita membuat keputusan penarikan ini hanya dapat kita tarik setelah segala rundingan ini selesai. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat soalan tambahan kedua, sila.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya ingin kembali kepada jawapan pertama Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa kita hanya menerima sekali sahaja dari 2004 – 2008 dan sebahagian besar wang royalti itu digunakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk beberapa projek yang telah Yang Amat Berhormat senaraikan. Yang pertamanya, rasional mereka menggunakan wang royalti kita untuk projek-projek Persekutuan. Dan yang keduanya, penyelesaian yang disebut belum ada penyelesaian tetapi wang royalti ini telahpun digunakan sebagai sebahagian daripada unjuran perjanjian penubuhan TIA yang saya sebutkan kelmarin sebagai sebahagian daripada perjanjian yang disebutkan antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan RM5 bilion pinjaman yang dijadikan sebagai sebahagian daripada Bon. Jadi ini saya tidak faham, Yang Amat Berhormat mengatakan tidak selesai tapi perjanjian dibuat antara Kerajaan Negeri Terengganu untuk menjadikan sebahagian daripada wang royalti ini untuk mendapatkan RM5 bilion sebagai Bon itu, jadi mintak penjelasan di Dewan yang mulia ini?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya sebut TIA tidak berbangkit sama sekali dan boleh Yang Berhormat kemukakan kepada saya bahawa ada perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan TIA untuk menyerahkan RM5 bilion itu?

Jadi ini merupakan andaian, Kerajaan Negeri tidak pernah mengadakan apa-apa perjanjian

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dengan izin boleh saya celah? Ianya telahpun diluluskan oleh Exco, saya difahamkan pihak Exco di bawah Yang Amat Berhormat yang meluluskan, yang memberikan kebenaran kepada Kerajaan Negeri Terengganu dalam program TIA ini sendiri. Walaupun dikatakan tidak berbangkit tetapi ini merupakan satu isu yang sekarang ini walaupun diambil alih oleh pihak Pusat tetapi ini merupakan satu isu yang besar yang perlu diperjelaskan.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Sebab itu saya sebut tadi, tidak pernah Exco meluluskan untuk mengeluarkan Bon, ini mesti kita kena faham, tidak pernah. Dan kita tidak pernah tengok suratpun menyatakan bahawa Exco berbincang mengatakan bahawa dapat RM5 bilion Bon ini dan sebagainya ini memang tidak ada. Sebab itu saya kata andaian dan saya juga nak beritahu tadi bahawa kita menerima dalam bentuk royalti pada bulan Mac 2000 semasa pemerintahan Pas sebanyak RM400 juta, kemudian tidak ada lagi royalti dan seterusnya diserahkan dalam bentuk Dana Khas Kerajaan Persekutuan dan disalurkan kepada projek-projek Negeri Terengganu menerusi Kementerian dan Agensi sebagaimana jumlah yang disebutkan tadi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan ke Yang Berhormat? Yang ketiga ya.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam duduk dulu. Sebenarnya Yang Berhormat, soalan berkenaan royalti minyak kalau dibahaskan panjang, soal Dana Khas telah dijawab tadi. Jadi isu yang sama jugak dengan hari kelmarin saya ingat tak perlulah Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ingin nak penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Oleh kerana ia berbangkit soal Usul saya semalam yang ditolak. Berhubung isu royalti ini ia ada dua perkara. Yang pertama, soal yang

telah dijanjikan untuk dibayar balik dalam bentuk asal iaitu bulan 3 dan bulan 9, apa jaminan Kerajaan dari segi perundingan yang dijalankan sekarang ini kita akan dapat balik dalam bulan 9 ini, itu satu. Yang keduanya ialah duit kita yang telah digunakan yang mencecah lebih daripada RM8.31 bilion, hak tu mungkin kita sedang berunding saya difahamkan begitu. Pasal buat airport guna duit kita, buat lebuh raya guna duit kita, macam mana Pusat guna duit Negeri, itu sedang kita berunding untuk dapat balik jumlah itu. Jadi persoalannya sekarang ini berhubung kes royalti ini sejauh mana pasal saya dengar pitih kalau dang boleh ke orang payah nak boleh balik, itu anggapan tetapi rakyat nak tahu boleh ke dok bulan 9 ini dalam bentuk asal royalti yang sepatut dibayar? Terima kasih.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah saya kata dalam rundingan, dia ada hubungkait antara pembayaran balik dengan jumlahnya dan juga penarikan balik ini, ia ada hubung kait. Biasalah bila ada rundingan ada *give and take*, ada perkara-perkara yang boleh kita *give* tapi tak semestinya bila kita *give* boleh ambil semua atau kita akan dapat semua dan kita akan hilang semua. Sebab itu kita katakan tadi bahawa rundingan sedang berjalan, kalau nak terima apa yang dia orang hendak kita sain lama dah sebab ada benda yang kita tidak boleh terimalah tu sebab itu kita tak sain, mudah aje. Walaupun tangan-kaki kita diikat kita tak boleh sain, dengan mulutpun kita boleh sain, bubuh pen di mulut tapi sebab kita takmboh sainlah tu sebab tu jadi begitu sebab tu *drag* benda tu berpanjangan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Satu lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya beri satu lagi.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya nak rujuk balik kenyataan rasmi daripada Perdana Menteri tentang royalti minyak ini, Yang Amat Berhormat kata tidak ada kaitan dengan TIA. Ini kenyataan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kuala Terengganu pada 13 Disember, dia menyatakan dengan jelas: "TIA akan menguruskan pelaburan wang royalti minyak Negeri Terengganu. Dan dia menyatakan bahawa cek royalti minyak berjumlah RM408.6 juta diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 13 Disember tahun lepas. Dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan royalti berkenaan adalah

akaun 2007 – 2008 setelah ditolak segala kos pembangunan yang telah dilaksanakan di Negeri Terengganu". Jadi ia bercanggah dengan apa yang Yang Amat Berhormat menyatakan dengan kenyataan rasmi daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyatakan royalti minyak ini ada kaitan dengan TIA ini sendiri. Mintak izin penjelasan.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semasa penyerahan RM400 juta lebih itu adalah baki yang belum dijelaskan, itu yang saya tuntut semasa rundingan dulu, itu yang pertama. Yang kedua, ketika itu TIA tidak berbangkit lagi, tak timbul sama sekali, saya tak tahu surat khabar mana dan kita tak boleh terima surat khabar tu *yekokse* atau daripada internet apa semua sekali.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup, cukup Yang Berhormat. Sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sayapun faham dan saya rasa semua orangpun faham isu yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat tadi adalah isu sekarang yang dibangkitkan oleh Batu Burok mungkin dahulu. Jadi kita pakai yang jawapan sekarang Yang Berhormat ya, sebagai sidang kita yang rasmi. Jadi saya jemput untuk soalan yang seterusnya daripada Yang Berhormat Rhu Rendang.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama

Sila nyatakan jumlah biasiswa atau pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pelajar-pelajar anak Terengganu yang menuntut di institusi dalam dan luar negeri dalam jurusan agama untuk sesi pengajian baru?

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Jawapan bagi soalan yang ditanya oleh Wakil Rhu Rendang, jumlah biasiswa atau pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pelajar-pelajar anak Terengganu yang menuntut dalam jurusan agama di institusi dalam dan luar negeri adalah seperti berikut:-

Luar Negeri:		
Mesir	-	17 orang.
Jordan	-	10 orang.
Jumlah	-	27 orang
Dalam Negeri	-	9 orang.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Bolehkah Yang Berhormat menyatakan syarat-syarat dan pertimbangan yang diambil untuk meluluskan biasiswa dan pinjaman-pinjaman itu kerana kelihatan ramai di antara mereka yang tercicir untuk mendapatkannya?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih. Syaratnya seperti biasalah sebagaimana pelajar-pelajar sedia maklum. Cuma saya nak maklumkan di sini mengikut kepada permohonan disebabkan kita melihat dari segi permohonan untuk tahun ini yang terbaru ini jumlah permohonan ada 44 orang yang mohon untuk mengikut Pengajian Islam di Mesir, yang layak 42 orang, yang tidak layak 2 orang dan apabila Ujian Bertulis diadakan pada 11.5.2009, daripada 42 orang itu yang layak yang hadir untuk Ujian Bertulis ialah seramai 33 orang dan yang hadir temu duga pada 12 dan 13.5.2009 seramai 33 orang, yang tidak hadir 11 orang dan jumlah daripada 33 orang itu 25 orang yang layak dan telah kita tawarkan tetapi yang menerima tawaran hanyalah 17 orang, jadi yang menolak tawaran ialah 8 orang. Jadi kebanyakan pelajar-pelajar kita di Mesir dan juga di Jordan ini kebanyakan dia menolak tawaran kita kerana kebanyakannya memilih daripada Bantuan MAIDAM kerana katanya Bantuan MAIDAM tak payah bayar, biasiswa atau pinjaman Yayasan Terengganu ini kena bayar. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Pelajar-pelajar yang ditemu duga itu kebanyakannya dia membawa kelayakan apa, Sijil SPM ke, STAM ke?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dia kebanyakannya ialah STAM.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah Kerajaan Negeri Terengganu masih tidak meyakini kebolehan pelajar-pelajar yang memiliki Sijil STAM yang difahamkan dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga dia perlu kepada satu ataupun dua proses temu duga itu?

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Seperti biasalah sebab dia bukan hanya Pengajian Islam saja kita adakan temu duga, yang mengikut Pengajian Perubatan dan juga Pergigianpun sama juga dan ke mana-manapun pergi ke luar negeri baik yang diuruskan oleh JPA ataupun MARApun seperti biasa mesti menghadiri temu duga kerana kita nak memastikan supaya pelajar-pelajar yang kita hantar ini betul-betul berkualiti. Jadi untuk makluman Wakil Manir sebenarnya kita melihat masalah pelajar-pelajar kita kebanyakannya yang mengikut Pengajian Islam ini ia lebih berminat untuk mendapatkan bantuan daripada MAIDAM berbanding daripada yang ditawarkan kerana Yayasan Terengganu ini menawarkan pinjaman atau biasiswa ini yang boleh diubah kalau dia mendapat keputusan Mumtaz ataupun Jayed Jidan maka dia akan diubah menjadi biasiswa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Banyak dah Yang Berhormat sepatutnya yang kedua dan yang ketiga tadi patutnya gabung dah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau kita gabung sekaligus takut dia tak ingat, jadi saya buat ecer-ecerlah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat nak tanya lagi tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nak tanyalah ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau saya tak beri?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau Yang Dipertua tak beri nak buat guana dia berkuasa dalam Dewan ini, kita nak buat apa kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya berilah. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Alhamdulillah. Saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua membicarakan tentang calon-calon yang membuat permohonan kepada Yayasan Terengganu sebab apa calon-calon membuat permohonan kepada Yayasan Terengganu ini maknanya dia bersedia menerima pembiayaan daripada Yayasan Terengganu sebab dia tahu keistimewaan Yayasan Terengganu ini dan sayapun tahu. Zaman kita dahulu yang dapat Mumtaz ini bukan dia tak bayar langsung atau jadi biasiswa, yang dapat Jayed Jidan dia bayar 25% saja, Jayed bayar 50% dan Makbul bayar 75% yang baki 25% lagi dia tak bayar. Sebab itu mereka berani pinjam daripada Yayasan sebab Yayasan mungkin banyak sikit bantuan dia daripada MAIDAM, duduk di sana bolehlah beli buku banyak sikit. Tapi masalahnya calon-calon yang buat permohonan ini tentunya ada Sijil yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia jadi yang mintaknya 44 orang saja bukannya banyak sangat kos perbelanjaannya, Yayasan Terengganupun banyak duit. Jadi kenapa sampai perlu ditapis sebegitu kalau sekiranya pemegang-pemegang Sijil STAM itu memang ramai yang tidak layak maka sepatutnya kita membuat satu *complaint* kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana mengeluarkan Sijil kepada orang-orang yang tidak layak.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Wakil Manir. Kebanyakannya yang layak ini layak atas bar sahaja itupun ramai jadi sebab itu kita terpaksa melihat balik. Jadi yang sebenarnya kalau kita melihat dari segi jumlah permohonan itupun seperti permohonan untuk mengikut Pengajian Islam di Jordan yang mohon untuk ke Jordan tu dan yang hadir untuk temu duga ialah 14 orang dan yang kita tawarkan 10 orang cuma 4 orang saja yang gagal. Tapi walau bagaimanapun yang gagal ini tidak ada masalah sebab kebanyakannya yang kita lihat hari ini walaupun permohonan untuk mengikut pengajian di Mesir ini 44 orang tetapi yang kita dapat maklumat yang perginya lebih daripada itu termasuk juga berasaskan kepada perbelanjaan sendiri. Sebenarnya kita dapat melihat trend sekarang ini kebanyakan pelajar-pelajar kita yang ingin mengikuti Pengajian Islam di Mesir dan di Jordan ini nampaknya mereka ini lebih berminat untuk mendapat bantuan MAIDAM kerana bantuan MAIDAM sebanyak RM5,000 setahun tetapi Yayasan Terengganu RM6,500 setahun bezanya RM1,500 saja dan Yayasan Terengganu ini kalau dia tak layak dapat Mumtaz maka dia kena bayar tapi yang MAIDAM ini dia boleh ke tidakpun tetap dia tak perlu bayar. Jadi kerana itulah saya nampak bahawa trend hari ini lebih berminat untuk mendapatkan bantuan daripada MAIDAM. Baik, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Jelas jawabannya tu. Sila Yang Berhormat yang seterusnya Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama

Berapakah jumlah pelajar yang telah berdaftar untuk tingkatan enam di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin Batu Burok diarah berhenti dan kelas telah ditutup dan mengapakah ianya berlaku dan di manakah pelajar-pelajar tersebut ditempatkan pada masa sekarang?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam. Hari ini parah sikit kena jawab bab pendidikan ni walau bagaimanapun saya ucap terima kasih. Jadi berkait soalan yang ditanya oleh Wakil Wakaf Mempelam, tidak ada pelajar yang didaftar di Tingkatan 6 Sekolah Menengah (Atas) Sultan Zainal Abidin Batu Burok, Kuala Terengganu kerana sekolah tersebut tidak ada kelas tingkatan 6 sejak tahun 2007. Ketiadaan kelas tingkatan 6 ini bertujuan untuk memberi tumpuan kepada kelas aliran Thanawi ataupun STAM. Baik, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Pihak Pejabat Pelajaran telahpun membuka kelas dan telahpun daftar tetapi oleh kerana alasan pihak jabatan dan oleh kerana Pengetua itu kedudukan gaji dia itu DG52 di sekolah yang ada tingkatan 6 dan saya hairan macam mana Exco berkenaan mengatakan tak ada, sedangkan ada pelajar daftar dah sebulan dan ini yang menyebabkan mak-ayah mereka bersungut. Dah bayar yuran pendaftaran sebulan dah duduk di situ lalu disuruh berhenti. Jadi itulah sebabnya saya nak tanya pelajar yang telah daftar selama sebulan tu dan macam mana boleh timbul kecelaruan bila pendaftaran itu dibuat oleh Pejabat Pelajaran tetapi diarah tutup oleh Pejabat Agama semacam tidak ada penyelarasan. Kedudukan yang ada sekarang ini pengurusan sekolah agama yang diserahkan kepada SABT ini siapa yang bertanggungjawab dari segi pengurusan Pejabat Agama ke, Pejabat Pelajaran yang menimbulkan perkara-perkara sebegini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam. Saya sendiripun sebenarnya hairan juga bila kita nak serah kepada Kerajaan Pusat

Pembangkok tak berapa setuju tapi sekarang dia suruh kita mintak ikut pulak Kementerian Pelajaran, saya ucap terima kasihlah. Sebenarnya terdapat 11 orang pelajar yang berminat untuk belajar di tingkatan 6 sekolah berkenaan. Walau bagaimanapun, kebetulan apabila ditawarkan oleh Kementerian pada masa tersebut kita melihat terlampau tergesa-gesa kita mengadakan kelas tingkatan 6 pada masa itu dan lebih-lebih lagi kita melihatkan kekurangan guru yang layak untuk mengajar kelas tingkatan 6 dan kerana itu pihak Jabatan Agama mintak tangguh, bukan kata takmboh buat dan kita insyaAllah pada masa akan datang mungkin kita akan melihat dulu beberapa sudut tentang keperluan dan juga kemampuan dari segi persediaan kita di sekolah itu untuk kita buka kelas tingkatan 6 kerana maklumlah kelas tingkatan 6 ini format barunya melibatkan kepada kenaikan pangkat guru-guru dan sebagainya sebab itu kita kalau boleh kita nak beri keutamaan kenaikan pangkat ini kepada guru-guru yang sedia ada di sekolah itu. Tapi kalau kita tergesa-gesa buka maka kemungkinan besar peluang itu akan dapat diberikan kepada guru-guru dari sekolah lain. Jadi kerana itulah kita mohon ditangguhkan dulu untuk kita melihat atau mengkaji beberapa sudut, insyaAllah kalau tidak ada aral mungkin tahun depan kita akan buka kelas tingkatan 6 di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin. Daripada 11 orang yang berminat untuk menyambung di tingkatan 6 ini, 5 orang telah ditempatkan di Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malik Kuala Terengganu, 2 orang ditempatkan di MARPA Kemaman, 1 orang ditempatkan di Sekolah Menengah Agama Durian Guling, Marang dan 3 orang ditempatkan di kelas aliran STAM Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu. Jadi maknanya 11 orang itu masih meneruskan pengajiannya seperti biasa. Baik, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, itulah tadi kata takdok pada awalnya tadi lepas tu kata ada pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Dewan dengar tadi kata "tiada tingkatan 6".

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yalah, memang daftar dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan tadi lain Yang Berhormat, saya ingat kita

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Baik, baik, tak apalah saya takmboh ulas bab tu, takmboh berbalah. Dato' Yang Dipertua, kita semua tahulah berhubung dengan Sekolah Agama dan agama itu sendiri duduk di bawah kalau ikut list dalam Perlembagaan Negara ada list Persekutuan, ada list Negeri dan agama ini di bawah Negeri di bawah naungan Tuanku Sultan. Jadi sekarang ini Terengganu adalah satu-satu negeri dalam negara kita yang takdok Sekolah Agama di bawah Negeri, kita adalah satu-satunya Negeri yang tidak ada Sekolah Agama di bawah Kerajaan Negeri. Jadi adakah Kerajaan berhasrat kerana permintaan untuk Sekolah Agama ini, tingkatan 6 ke, apa jugak memang tinggi, tak cukup tempat, yang dah ada sebelum serah ke SABK itupun memang kita sampai tolak dan memilih pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang baik. Jadi adakah Kerajaan berhasrat untuk nak adakan semula Sekolah-sekolah Agama Menengah, Sekolah-sekolah Agama Rendah macam negeri-negeri lain macam Selangorlah, Kelantan dan negeri-negeri lain. Jadi itu saya rasa dengan duit Kerajaan yang banyak memikirkan hak nak serah tu satu hal tapi adakah pada masa akan datang perancangan untuk nak mewujudkan semula Sekolah Agama di bawah Kerajaan Negeri sama ada Sekolah Agama Rendah dan Sekolah Agama Menengah seperti negeri-negeri lain?

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa Wakil Wakaf Mempelam tak berapa faham dengan konsep SABK sebenarnya. Sebenarnya Kerajaan Negeri tidak pernah menyerah Sekolah Menengah Agama Negeri, kita hanya menandatangani MoU (Kesefahaman) dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mendapatkan bantuan di mana bantuan gaji guru sekarang tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan sudah berlaku penjimatan kepada Kerajaan Negeri setiap tahun mulai tahun 2006 sebanyak RM29 juta setahun. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya ingat jelas Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Disebut tadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan Mou dengan Kementerian, sekarang Sekolah Agama sudah duduk di bawah SABK, terma-terma sampai sekarang kita tidak dimaklumkan tentang perjanjian dan dikatakan guru serah kepada Kementerian tapi sekolah masih hak Negeri, pengurusan sekolah sekarang ini maknanya diuruskan oleh Kementerian dan tak lagi di bawah tanggungjawab Negeri, maknanya begitu? Saya tak berapa jelas berhubung dengan perkara itu.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dia tidak begitu, sebenarnya dia ada kebbaikannya kita buat Mou (Kesefahaman) dengan Kementerian di mana guru-guru sahaja duduk di bawah Kementerian. Dari segi pengurusan sekolah, dari segi pembangunan dan sebagainya masih lagi di bawah Jabatan Agama Negeri. Jadi dari segi bajet/peruntukan untuk pengurusan sekolah dan sebagainya termasuk infra pembangunan dan sebagainya adalah secara bersamalah. Maknanya pihak Kerajaan Negeripun masih terus memberi bantuan dan Sekolah Agamapun masih lagi di bawah Kerajaan Negeri. Tetapi yang kita beritahu tadi ialah dengan adanya konsep kesefahaman yang kita buat tadi ramai cikgu-cikgu kita yang sebelum ini tidak dimasukkan ataupun dalam keadaan kontrak dan sebagainya, alhamdulillah telah ditetapkan dan mereka kena mengikuti kursus-kursus yang telah ditetapkan. Dengan tidak secara langsung kita telah dapat mempertingkatkan kemampuan guru-guru di Sekolah Agama kita dengan harapan kita supaya Sekolah-sekolah Agama di Negeri Terengganu akan setanding dengan Sekolah-sekolah Agama yang duduk di bawah Kementerian Pelajaran. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Manir, duduk dulu. Saya ingat sudah lebih daripada patut-patut yang kita beri ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya baru se aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri lebih dah, duduk dulu Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingat dah jadi sembang dalam Dewan kita ini dan saya nak memperingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam isu soalan yang dibangkitkan tadi barangkali soalan tambahan maksud saya mungkin ada dari Jabatan Agama dan orang-orang tertentu yang tidak puas hati melaporkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum bawa ke Dewan ini perlulah rujuk secara rasmi kepada Kerajaan, jangan jadikan Dewan ini untuk kita bersembang dan perkara-perkara yang dibawa oleh perasaan tak puas hati semata-mata. Jadi saya harap faham dan saya jemput Yang Berhormat Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, saya ingat nak beri saya tanya tadi ke Yang Berhormat Yang Dipertua tak reti, tak faham ke dok ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tak faham ke saya cakap dah lebih dah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok, takut Yang Berhormat Yang Dipertua tidak faham hak kita nak tanya kita dok tahulah, kalau tahu nak tanya buat apa lagi, nak mintak penjelasan macam mana ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Manir duduk, duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh nak dudukpun tetapi Yang Berhormat Dato' kena betullah dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat kena duduk dulu baru saya jawab. Yang Berhormat baru masuk satni, kita mengikuti soalan dan jawapan yang diberi oleh Kerajaan kepada Wakil Wakaf Mempelam, saya duduk di atas inipun faham, jadi kalau Yang Berhormat tak faham

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya nampak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tak faham sebab soalan memang kita kalau tanya hak orang tahu dah dia tak tanya itu nak main-main, ini kita tidak tahu itu yang nak mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, baik Yang Berhormat, Wakil Manir ini payah nak faham. Saya jemput Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Macam Wakil itu jugak, eh ... bukan, ingat Wakil Telemong? (Dalam gelak)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi kita ketawakan Wakil Manir ni ajelah, dia jadi macam tukang karut pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, tukang karutpun tak apa tapi jawablah dengan betul, saya mintak jawab dengan betul. Kita tanya hak dok tahu, hak tahu tanya apa lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya ini Yang Dipertua Dewan, saya bukan nak berbahas dengan Yang Berhormat. Saya mengatur sidang Dewan ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya bukan nak berbahas tetapi cakap biarlah betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya cakap betul, Yang Berhormat sebelum bertanya ke Dewan ini saya kata tadi biarlah sempurna.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin beri penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak mintak Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam untuk jelas. Sila duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Seolah-olah dalam gambaran Dato' Yang Dipertua, soalan yang saya kemukakan ini seolah-olah macam nak mempersendakan, seolah-olah ada orang tak berpuas hati saya terpaksa bertanya, itu bukan persoalan tetapi ini masalah rakyat. Bila ibu bapa menyatakan dia pergi daftar lepas tu terpaksa tukar sekolah jadi bukan soal ada cikgu tak puas hati, ada orang tak puas hati tak boleh dituduh begitu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sila duduk. Saya menasihatkan Dewan dan semua Ahli sekalian supaya berjimat dari segi masa kerana setengah-setengah masa kita khususkan. Sila Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

Berapakah E-Book yang telah diagihkan kepada pelajar setakat ini. Syarikat manakah yang membekalkan E-Book ini dan apakah pembelian ini dibuat secara tender terbuka?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat Kerajaan.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Wakil Ladang. Berderet soalan kepada

saya hari ini nampaknya. Jadi soalan yang dikemukakan oleh Wakil Ladang ini sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Wakil Batu Burok, jadi saya jawab sekaligus.

Sehingga 21 Julai 2009 sejumlah 12,882 E-Book telah diagihkan kepada pelajar-pelajar di 213 buah sekolah rendah dan pembekal E-Book kita ialah Syarikat TOP-IT Industries Sdn. Bhd. sebuah syarikat GLC Kerajaan Negeri di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga dan perolehan dibuat adalah secara pembelian terus. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan Yang Berhormat? Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh diketahui berapakah harga satu laptop yang dibekalkan ini?

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi E-Book yang telah dibekalkan dan dijual oleh TOP-IT kepada Kerajaan Negeri nilainya ialah RM999 bagi sebuah di mana dalam E-Book itu terkandung atau harganya termasuk internet dan juga digital text book dan termasuk semua sekalilah. Saya difahamkan juga dengan E-Book yang sama tanpa dimasukkan program harganya lebih kurang RM1,400 di pasaran biasa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan kedua. Sila. Saya bagi Batu Burok dulu.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Speaker. Soalan tambahan saya ialah kilang yang dibina di kawasan Perindustrian Gong Badak mempunyai nilai asalnya RM8.5 juta dan semalam kita berbincang tambahan RM7 juta bermakna ia menjadi lebih RM15 juta *just to set-up* dengan izin, untuk menubuhkan kilang ini sahaja RM15 juta Kerajaan Negeri membelanjakan. Apa rasional untuk Kerajaan Negeri buat kilang lebih daripada RM15 juta di Gong Badak ini. Dan yang keduanya Yang Berhormat menyatakan bahawa nilai satu komputer itu RM999 tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar membuat kenyataan nilai dia RM1,300 jadi yang mana yang betul saya tak tahulah dan Kerajaan Negeri pulak terpaksa berbelanja ataupun peruntukan yang diperuntukkan RM30 juta setahun bagi projek ini, ini satu jumlah yang besar. Mintak penjelasan.

YANG BERTHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik. Saya nak perbetulkan balik, kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu RM1,300 itu ialah harga pasaran di luar bukannya harga yang ditawarkan oleh TOP-IT. TOP-IT menjual kepada Kerajaan Negeri dengan nilai RM999 tapi kalau pihak Pembangkang nak belipun boleh, khabor aje kita boleh tolong belikan RM999. Jadi yang sebenarnya ada salah faham di situ, yang kita mintak peruntukan tambahan kelmarin sebanyak RM7 juta itu bukan untuk kilang itu, kilang kita siap dah dengan kos RM8.5 juta itu sudah siap dah, cukup dah, tak perlu ada tambahan lagi dan kilang ini berkapasiti penuh pengeluaran sebanyak 10,000 sebulan dan kita sudah beroperasi di mana kewujudan kilang ini telah membuka peluang pekerjaan kepada tidak kurang 25 orang anak tempatan yang sekarang sudah bekerja di kilang tersebut. Kita mintak tambahan sebanyak RM7 juta itu yang pertama sekali ialah kerana kita sekarang mintak untuk tambahan RM7 juta lagi kerana tak cukup lagi bekal sebab sekarang ini pelajar di tahun 5 kita berjumlah 23,000 orang, sekarang kita baru sahaja dapat bekalan sebanyak 12,882 orang jadi ada sebahagian lagi yang belum terima dan satu lagi sebahagiannya juga kita nak bekalkan kepada guru-guru kerana guru-guru yang mengelolakan kelas inipun perlu dibekalkan dengan komputer yang kita akan beri juga sepertimana kita beri kepada pelajar. Jadi timbul masalahlah pelajar ada, cikgu takdok, jadi ini menyusahkan. Oleh sebab itu, kita akan beri juga kepada cikgu ini tetapi bukan menjadi hak dialah selaku sebagai pinjaman untuk memudahkan pembelajaran dan pengajaran di dalam sekolah. Di samping itu juga yang sebenarnya tambahan peruntukan juga sepertimana yang telah disebut oleh Pembangkang sebelum ini menyatakan isu-isu yang kita dengar baru-baru ini ada pelajar-pelajar kita yang menyalahgunakan. Jadi inilah antara yang kita terpaksa mintak tambahan kerana untuk kita masukkan sistem baru yang kita namakan 'Anti-Prono'. Selain daripada itu, kita juga nak mengadakan Kelas Maya di mana ciri-ciri Kelas Maya ini ialah pengurusan bilik darjah seperti kedatangan para pelajar, bekerja berkumpulan dan markah boleh dilaksanakan. Kemudian menyediakan kemudahan Pop Kuiz, peperiksaan secara talian dan mudah dikendalikan oleh guru dan kita juga nak menyediakan pentas bagi guru dalam memperkayakan pembelajaran secara 'Satu Untuk Satu e-Learning' atau pembelajaran secara interaktif. Dan di samping itu juga adalah untuk kita menyediakan Program Skor A. Jadi ini semua yang kita maksudkan ialah termasuk dalam proses P&P (Pengajaran dan Pembelajaran) untuk kita laksanakan dalam E-Book. Saya juga nak maklumkan kita baru saja menerima makluman daripada Intel di mana pihak Intel memaklumkan kepada kita di mana di dalam mesyuarat dalam Intel 'Work Ahead Program' bersama wakil daripada Malaysia dan United States, satu Usul telah diluluskan bagi menjalankan satu kajian kes terhadap Projek E-Book di Terengganu dan hasil kajian tersebut akan

dijadikan bahan rujukan bagi semua pihak termasuk mana-mana negara yang berminat mengikut jejak langkah Terengganu. Kajian tersebut bertemakan Program Inovatif Mempromosikan Pendidikan Dan Menjana Peluang Ekonomi Di Malaysia selaras dengan hasrat dan matlamat Kerajaan Negeri. Malah ini merupakan satu insentif printis yang pertama seumpamanya di dunia. Kajian ini dijangka akan dilakukan dalam bulan September 2009 yang akan datang dan ia akan dijalankan oleh sebuah firma profesional antarabangsa yang telah dilantik oleh Intel.

Jadi inilah sebenarnya untuk makluman pihak Pembangkang Wakil daripada yang bertanya tadi bahawa E-Book kita ini memang kita dapati duduk dalam landasan yang betul. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Agak-agaknya berapakah kos yang dijangkakan untuk maintenance E-Book ini pada setiap tahun?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Setakat hari ini, biasalah sementara dia ada warranty yang diberi oleh TOP-IT selama setahun. Jadi selain daripada itu, untuk makluman kalau ada rosak dan sebagainya sebab kilang pemasangannya ada di sini kita tak ada masalah dan sekarang ini kita telah menempatkan pegawai-pegawai (Executive Information Officer), pegawai-pegawai yang mahir yang telah mengikuti kursus dan dihantar ke setiap sekolah. Jadi dia orang inilah sekarang ini yang akan menjalankan kerja-kerja dari segi maintenance dan sebagainya. Jadi sekiranya ada masalah dan sebagainya dia akan rujuk kepada TOP-IT di mana pegawai-pegawai kita yang termasuk baru-baru ini kita telah menghantar seramai 15 orang daripada Jurutera TOP-IT untuk mengikuti kursus bersama dengan pembekal secara percuma. Jadi ini secara langsung telah memberikan satu lagi menafaat kepada anak-anak Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Nyatakan kadar dan jumlah penerima Dana Bakti Remaja Terengganu 2009 mengikut pecahan daerah?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tentang kadar dan jumlah penerima Dana Bakti Remaja mengikut pecahan. Kadarnya adalah:

Kursus 1 hari RM200.00
 Kursus 3 hari 2 malam RM500.00

Pecahannya adalah seperti berikut:

Daerah	Jumlah Penerima Bagi Setiap Daerah
Besut	11,194
Setiu	10,317
Kuala Terengganu/Kuala Nerus	19,452
Marang	11,647
Hulu Terengganu	11,434
Dungun	10,541
Kemaman	13,396
Jumlah Keseluruhan	87,981

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Apakah kriteria-kriteria yang melayakkan remaja untuk menerima Dana Bakti ini?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Sebagaimana yang tercatat di dalam borang Bakti Remaja yang diedarkan kepada para belia.

1. Peserta mestilah berumur antara 21 - 40 tahun (dilahirkan pada tahun 1969 hingga 1988).
2. Berstatus bujang (belum berkahwin) dan sebatang kara. Jadi maknanya tak kahwin sampai ke sudahpun dapatlah.

3. Berpendapatan tetap bulanan tidak melebihi RM1,200 sebulan.
4. Hendaklah menjadi ahli dalam salah satu badan sukarela dalam Negeri Terengganu.
5. Pernah melibatkan diri dalam aktiviti sukarela kepada JKKK, Agensi Kerajaan Negeri dan juga badan sukarela.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Berdasarkan kepada kriteria yang diberikan itu mengapa masih ada yang tercicir daripada menerima Dana Bakti ini?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Daripada setiap tahun memang ada yang tercicir, pertama sekali yang tercicir kerana tidak mendapat maklumat ataupun yang kedua, yang tercicir itu juga tidak ada minat untuk mendapatkan bantuan ini kerana diberitahu bahawa ada kursus-kursus tertentu yang perlu dihadiri.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat. Terima kasih. Saya jemput Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua soalan saya nombor 1 -

Berapa banyakkah hasil padi yang telah dihasilkan dari projek Pertanian Kampung Mak Jintan, Setiu, Terengganu setahun? Berapakah kadar hasil setiap hektar?

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama Wakil Bukit Tunggal bertanya tentang hasil padi di kawasan Mak Jintan, Setiu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa setakat ini belum lagi ada hasil yang dikeluarkan di kawasan Mak Jintan, Setiu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, projek ini memang kita kira satu projek yang mustahak untuk membekalkan makanan kepada rakyat Terengganu sebab itu kita kena beri keutamaan. Jadi saya ingin tahu apakah masalah sebenar yang menyebabkan projek yang sudah begitu lama diuaruarkannya ini tidak berjaya sehingga hari ini?

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan kepada rakyat. Yang sebenarnya kawasan Mak Jintan, Setiu ini merupakan kawasan yang melibatkan kawasan tanaman baru dan juga kawasan yang terbiar. Untuk pengetahuan Yang Berhormat projek ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 14.6.2008 yang mana Kerajaan Negeri berusaha untuk membangunkannya secara berfasa. Pada tahun ini kawasan yang telah dimajukan ialah melibatkan 77 hektar dengan bilangan peserta 81 orang yang dimulakan pada 11 Jun 2009. Walau bagaimanapun, hasilnya belum diperolehi lagi dan insyaAllah dijangka akan dituai pada bulan 9 nanti iaitu 7hb September insyaAllah akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sasaran kita di kawasan berkenaan adalah 3.4 hektar. Untuk pengetahuan Dewan juga bahawa fasa yang kedua melibatkan 750 hektar dan kerja-kerja penyediaan infrastruktur sedang giat dijalankan sekarang dan dijangka siap sepenuhnya pada 31 Julai 2011 yang menelan belanja sebanyak RM46 juta keseluruhannya dan ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Mungkin saya silap dengar, ada disebut kawasan pertama tadi 3.4 hektar untuk projek padi ini. 3.4 hektar ataupun silap sebut kot?

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): 3.4 tan per hektar.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Itu baru jelas sikitlah. Jadi walaupun dikatakan baru tapi kiranya padi ini boleh menghasilkan satu pulangan yang cepatlah dia bukan macam tanam getah ataupun kelapa sawit. Ada yang tanam 5 kali dua tahun, ada yang dua kali setahun, jadi nampaknya hasilnya begitu lewatlah dikeluarkan. Adakah masalah-masalah lain ataupun pemilihan tempat ini tidak sesuai ataupun masalah pengairan yang terlibat di kawasan Mak Jintan ini?

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Tanam tu memang cepat tapi untuk tanam padi ini kita kena menyediakan infrastruktur yang secukupnya, apatah lagi kalau nak mendapatkan hasil yang lebih dan juga mendapat hasil yang lebih baik daripada biasa kita perlu mengikut kemudahan-kemudahan infrastruktur yang secukupnya kepada petani-petani kita. InsyaAllah, keprihatinan Yang Berhormat dan juga keprihatinan semua kita dapat menyediakan dan mengeluarkan hasil padi yang baik di kawasan Mak Jintan, Setiu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sikit lagi. Apa yang kita harapkan daripada projek ini ialah perkara yang sangat penting, kita mengharapkan tumpuan daripada pihak Kerajaan lebih ke sini, kalau peruntukan tambahan nak beri ke sinipun mungkin kita boleh setujulah kerana ini memastikan bahawa kita mempunyai bekalan makanan yang cukup khususnya untuk Negeri Terengganu mungkin untuk masa-masa yang akan datang. Jadi saya harap pihak Kerajaan sendiri kalau boleh buat pemantauan yang rapi kepada projek ini supaya target kita akan tercapai, kalau tak cukup peruntukan insyaAllah kita bersedia untuk sokong kalau dibawa ke dalam Dewan. Allahuwa'alam.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat itu bukan soalan Yang Berhormat ya? Jadi

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasihlah dan saya nak beritahu pada dua hari yang lepas saya telah pergi melawat ke sawah ini yang mana ditetapkan pada 7hb ini akan dituai dengan menggunakan jentera. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Diharap Yang Amat Berhormat menjemput Wakil Bukit Tunggal sekali. Kita jemput Wakil Bukit Payong.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Berapakah kos yang ditanggung oleh pihak Kerajaan untuk membekalkan air zam-zam dan kurma di bulan sepanjang bulan Ramadan pada tahun 2008 – 2009?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM7.8 juta untuk membekalkan air zam-zam dan buah kurma dalam bulan Ramadan bagi seluruh penduduk di Negeri Terengganu pada tahun ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Syarikat manakah yang membekalkan air zam-zam dan kurma ini, adakah melalui tender terbuka dan apakah kelebihan yang ada pada syarikat yang membekalkan air zam-zam dan kurma ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, syarikat yang membekalkan air zam-zam dan kurma ini ialah Al-Ansar, syarikat ini mempunyai rangkaian kedainya di Madinah. Kalau ADUN Bukit Payong pergi ke Madinah ada kedai Al-Ansar. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Cara pengagihan ada disebut dalam satu akhbar di mana kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa cara pengagihan tahun 2009 lebih teratur dan menunjukkan cara tahun 2008 kurang teratur. Apakah cara pengagihan tahun 2008 yang dianggap kurang teratur itu dan apakah cara pengagihan yang dianggap teratur pada tahun 2009 ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Mudah aje Dato' Yang Dipertua, dia kohor lama kohor ada pengalaman, mula-mula mungkin dok pandai lagi, yang kedua tu kohor pandai sikit, kohor tiga kohor pandai lagi barangkali, itu aje. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya tanya cara pengagihan Yang Amat Berhormat?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kita mintak supaya JKkk mengagihkan ke setiap rumah orang Islam dan saya berharap bahawa mereka semua mendapatkannya dan sebab itu dikatakan tadi kalau tak dapat jelas saya sebut maknanya ada tak betullah JKkk tu sebab kita sedia mencukupi. Tahun lepas sikit sahaja lebih kurang 200,000 pek, tahun ini 300,000 pek, maknanya kalau diagihkan secara sempurna tidak ada orang yang tidak dapat. Kalau ada JKkk, kalau ada kampung yang tak dapat tu, orang rumah tak terima tu maknanya ada benda tak betullah JKkk yang berkenaan. Saya beri amaran. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Syarikat tu saya tak berapa dengar, macam Syarikat Al-Ansar daripada Madinah yang membekalkannya, syarikat pembekal tadi?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Nama syarikat ialah Al-Ansar, syarikat Malaysia dan dia ada kedai menjual kurma di Madinah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang ketigalah tu, sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Syarikat itu mari bekal sendiri ataupun guna perantaraan, siapakah orang tengah antara Kerajaan Negeri dan syarikat berkenaan?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak ada orang tengah, taukeh dia sendiri dia merupakan syarikat kerjasama seorang Malaysia dan seorang daripada Madinah. Boleh pergi tengok kedai dia ada di Kompleks Perkedaaian di Madinah itu, ada salah satu kedai yang terbesar nama syarikat kedai itu Al-Ansar. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, kita ada ruang/waktu lagi, saya membuka untuk soalan seterusnya dan menjemput Wakil Bukit Tinggi.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 2 -

Bilakah Kerajaan bercadang akan membangunkan dan menyusun semula penempatan penduduk Pulau Duyong Besar, Pulau Ketam, Pulau Duyong Kecil dan Pulau Sekati, setelah Kerajaan Pusat mengembalikan semula wang royalti petroleum kepada Kerajaan Negeri seperti mana yang telah dijanjikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa Kempen Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu tempoh hari?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan akan buat kajian mengenai perancangan penyusunan semula Pulau Duyong. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Soalan tambahan. Apa yang saya cuba bangkitkan di sini ialah yang pertamanya kerana saya dapati sebelum perbincangan pada semalam dan hari ini ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah berjanji untuk memulangkan wang royalti kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan kita percaya jumlahnya begitu besar. Memandangkan kawasan pulau-pulau ini, Pulau Duyong Besar, Pulau Ketam, Pulau Duyong Kecil dan Pulau Sekati merupakan kawasan yang di pinggir bandar atau boleh disebut dalam kawasan Majlis Bandaraya sekarang tetapi masih lagi dalam keadaan terlalu daif. Jadi saya mengharapkan bahawa Kerajaan berbuat sesuatu kerana saya rasa kajian ini telah lama dibuat sejak zaman bekas Menteri Besar dahulu Dato' Seri Wan Mokhtar dulupun telah dibuat kajian untuk membangunkan Pulau Duyong ini, lepas semasa Kerajaan Pas jugak telah ada kajian dan pelan-pelan tertentu. Sebab

itulah saya mengharapkan dalam masa yang telah begitu lama ketinggalan di kawasan pinggir bandar yang kita rasa patut dibangunkan itu masih belum dibuat apa-apa dan sampai sekarang masih dibuat kajian lagi, lama benar kajian ini, diharapkan ada tempoh tertentu diberikan untuk buat pembangunan di pulau-pulau ini.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasihlah. Masa BN ada kajian, masa Pas ada kajian dan masa BN pulak ada kajian. Sebab itu saya nak beritahu dan Wakil Bukit Tinggi lebih arif Pulau Duyong ini mempunyai kependudukan yang padat, bila kita nak buat pembangunan sudah tentu melibatkan pengambilan balik tanah, kita tahu dan sedar jalan dibuat ikut celah pokok-pokok nyior, pokok mempelam, jadi kalau kita ambil balik tanah dan melibatkan rumah-rumah orang kita perlu tempatkan semula sebab itu Kerajaan perlu merancang di mana tempat untuk menyediakan perumahan dulu, kalau tidak akan jadi isu pulak, Pas akan jaja pulak Kerajaan zalim dan sebagainya, tidak bagi tanah, tidak bagi tempat dan sebagainya. Kita telah kenal pasti hasil daripada Pembangunan Pulau Duyong, Peringkat I telahpun selesai dan kita akan buat Peringkat II bersebelahan dengan kawasan yang berkenaan yang masih ada lagi tanah lapang, kita kena buat rumah (penempatan) dulu untuk dikenal pasti mereka yang dipindahkan barulah pengambilan balik tanah boleh dilaksanakan kerana inilah masalah sebenarnya berlaku di Kuala Terengganu bukan di Pulau Duyong sahaja. Nak cari tanah seekor tanah Kerajaan pun payah dalam bandar untuk dibuat penempatan sementara. Kita terpaksa mengambil balik dan apabila diambil balik kita mesti ada *transit house* untuk penempatan mereka sementara. Jadi saya harap Yang Berhormat faham, insyaAllah kita akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan penuh keprihatinan. Kitapun malu jugak tengok bandar kita 'cukang-cemakin' ni, insyaAllah kita akan melaksanakannya program ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Masalah penempatan semula dah lama kita bincang, saya sendiripun dah bincang dengan penduduk tempatan. Sebenarnya kita bukannya mintak untuk berpindah cuma disusun semula dengan kemudahan-kemudahan asas atau penyusunan semula yang mungkin tidak melibatkan banyak sangat perpindahan. Dan kajian saya ingat dibuat zaman Pas dulu telah disetujui oleh sebuah syarikat pada ketika itu untuk menjalankan penyusunan semula ini dan diterima oleh masyarakat setempat. Tetapi oleh kerana pertukaran Kerajaan, entah ke mana pergi kajian tu pergi Allahu wa'alam. Dan kaedah itu nampaknya tidak melibatkan penempatan semula di tempat lain, cuma perbetul, susun tempat dan sedikit perbelanjaan yang tak berapa banyak dalam sekitar

RM50 juta boleh selesai masalah tu. Diharap kajian yang hendak dibuat ini mestilah kajian yang tidak melibatkan perpindahan ke tempat lain tetapi penyusunan semula dan membuat satu perkampungan yang teratur dan tersusun dan kaedah yang tidak perlu merobohkan rumah mungkin perlu disusun oleh penduduk sendiri mengikut lot-lot yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya katakan tadi, penduduk Pulau Duyong ini padat, jalannya lalu ikut celah dapur orang, depan tangga orang, jadi pengambilan balik mesti berlaku, takkan jalan sempit, kecil macam tu nak pakai, kita kena buat layout semula. Bila melibatkan layout semula sudah tentu ada mereka yang terlibat terpaksa dipindahkan apabila rumah mereka terkena dan sebab itu saya katakan tadi kita cuba untuk pindah dalam kampung yang sama sebab itu kita dah kenal pasti tapaknya di sebelah flat yang telah ada itu untuk kita buat flat yang berikutnya, layout sedang dibuat sekarang dan insyaAllah kita akan laksanakan seberapa segera selepas layout ini siap sebab itu saya katakan kita cuba menempatkan penduduk Pulau Duyong ini di Pulau Duyong jugak bukannya di tempat lain. Tetapi sudah pasti ada mereka yang terlibat rumah dan tanahnya terpaksa diambil balik untuk menyediakan infrastruktur termasuk jalan, parit, longkang dan sebagainya, ini tidak dapat dielakkan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukup Yang Berhormat, kita beri peluang kepada yang lain pula.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sikit saja lagi, soalan yang pertama tadi belum dijawab, bilakah tarikh kalau boleh tahulah cadangan untuk dilaksanakan program ini? Itu aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bila tarikhnya? Sila. Nak tarikh jugak Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Tarikhnya saya tak tahulah Dato' Yang Dipertua tetapi kita akan buat dengan seberapa segera. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Untuk makluman Dewan, saya ada kawan yang lama tak balik ke Terengganu dan dia balik, dia beritahu saya Pulau Duyong telah banyak berubah daripada dulu. Saya jempot Wakil Ladang untuk soalan yang lain.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 2 -

Apakah rasionalnya Kerajaan membuka kedai T-Shoppe di Gong Kapas. Berapakah kos yang terlibat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan, soalan ini ada kaitannya dengan jawapan yang telah saya beri semalam iaitu berkaitan dengan rasional pembukaan T-Shoppe di Gong Kapas dan berapa kosnya.

Jadi rasional bagi pembukaan T-Shoppe di Gong Kapas ini ialah kerana kita lihat di Gong Kapas ini adalah kawasan yang paling strategik dan berpotensi untuk membuka sebuah kedai seperti T-Shoppe ini. Yang kedua, dia juga mempunyai kepadatan penduduk yang boleh menghidupkan Kedai T-Shoppe ini dan kos yang terlibat seperti yang disebut semalam lebih kurang RM250,000 di mana RM200,000 ialah kos *capex* dia ataupun perbelanjaan kapital dan RM50,000 adalah kos operasi dia. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Berapa tadi? Tak berapa dengar kos operasi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Kos operasi lebih kurang RM50,000 untuk *revolving expenses*.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Disebut bahawa tujuan mengadakan T-Shoppe ini adalah untuk membolehkan barang-barang tempatan dijual di kedai ini, agaknya sekarang ini berapa *percentage* barang-barang tempatan berada dalam kedai itu berbanding dengan barang-barang yang lain?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang sekarang ini pada dasarnya kita hendakkan supaya 70 peratus dari segi *percentage* adalah dari *local product* ataupun produk IKS tetapi sehingga hari ini kita mampu mencapai lebih kurang 45 peratus. Jadi dasar kita pada akhirnya kita hendakkan

sekurang-kurangnya 70 peratus adalah dari produk IKS dan bagi T-Shoppe yang kita buka di luar dari Negeri Terengganu kita sasarkan 50 peratus produk IKS tempat Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah Kerajaan sedar bahawa projek seperti ini merupakan satu persaingan dengan pengusaha-pengusaha secara persendirian atau syarikat. Dia kalau Kerajaan mengadakan satu persaingan tentunya individu-individu itu mungkin terjejas perniagaan dia. Saya rasa salah seorang daripada Ahli-ahli Ekonomi Islam pernah berkata antaranya Ibnu Khaldun: "Jika Kerajaan menerokai bidang perniagaan yang sama dengan orang biasa (rakyat) maka itu akan mengundang kerosakan di dalam perusahaan itu".

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seperti saya sebut semalam, sebenarnya tujuan utama kita adalah untuk kita membantu yang pertama sekali, IKS-IKS kecil yang mengusahakan *cottage industry* ini ataupun industri kampung, buat kerepek dan sebagainya. Kita lihat sekarang ini produk-produk ini tidak ada tempat nak jual, jadi kita wujudkan T-Shoppe ini. T-Shoppe ini kita kena faham cara pengoperasiannya, kita ada tiga cara pengoperasian T-Shoppe yang saya tidak sebut semalam tetapi oleh kerana ditanya saya sebutkanlah. Kita dah dapat Trademark 'TM', ini adalah Trademark kita dan kita ada tiga cara mengoperasikan T-Shoppe ini. Yang pertama sekali akhirnya kita nak dioperasikan oleh orang persendirian. Ada tiga cara, yang pertama kita buat melalui anak syarikat kita YPU kalau pada masa itu belum ada lagi orang untuk mengendalikan tempat-tempat tertentu misalnya kalau kita nak buka di Melaka mungkin belum ada orang lagi kita kendalikan dulu. Yang kedua, kita akan buat secara *joint venture*, ataupun melalui francais, kita cari orang atau orang datang jumpa kita, kita bagi ke dia dalam bentuk kita dah ada senarai caranya, modus operandinya kita dah ada cara dia dari segi perkongsiannya dan sebagainya, untung dibahagi-bahagi atau akan dibahagikan keuntungannya, itu yang kedua. Yang ketiganya ialah dengan cara kita upgrade kedai yang sedia ada, kalau ada kedai kecil di kampung-kampung itu dia boleh datang jumpa kita, kita akan upgrade menjadikan T-Shoppe dan apabila kita upgrade orang kampung akan dapat meningkatkan kedai mereka dan akan dapat lebih banyak bahan termasuk barangan tempatan tadi. Dia ada tiga cara tidak semestinya Kerajaan mengendalikannya, Kerajaan ini adalah the last resolve, ataupun dengan izin, dengan cara yang terakhirlah kalau ada cara lain kita akan bantu sebab kita nak pergi tempat-tempat yang strategik. Ada tempat-tempat tertentu yang orang kampung atau peniaga-peniaga biasa tak boleh pergi, kita masuk dahulu sebab kos yang tinggi dan sebagainya dan yang

terakhirnya kita akan beri kepada orang perseorangan khususnya bumiputera, inilah bisnes untuk orang bumiputera tempatan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua soalan tambahan

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukuplah Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang terakhir, terakhir, kan ada tiga.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah tiga Yang Berhormat, masa kita dah cukup, ini bonuslah ni saya bagi. Sila duduk Yang Berhormat. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat Cukai yang bersungguh-sungguh menjawab dan saya ingat dah faham dah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita tamatkan urusan untuk Soalan-soalan Lisan, kita ke urusan seterusnya.

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 2009

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO'MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(iii) Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu [*En.Tr.17/1360*] supaya AMANAH RAYA BERHAD menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau disewa.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali

yang kedua Sekarang saya buka untuk perbahasan jika ada. Sila Yang Berhormat Rhu Rendang.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menarik perhatian kepada beberapa perkara berhubung dengan Undang-undang ataupun Enakmen yang dikemukakan pada hari ini. Saya sangat mengalu-alukan usaha yang diambil untuk mengatasi kebekuan Tanah Simpanan Melayu supaya dia tidak hanya tersimpan dan perlu dimakmurkan. Sudah tentu terdapat kelemahan di kalangan masyarakat Melayu untuk memakmurkan tanah-tanah ini terutama yang bernilai. Cara memecahkannya ialah dengan melonggarkan kepada institusi-institusi, organisasi dan syarikat-syarikat yang tertentu supaya mengambil alih di dalam memakmurkan tanah yang disimpan dan diamalkan ini. Ini suatu langkah yang baik tetapi perlu disedari bahawa badan-badan ini juga akan mempunyai kelemahan-kelemahan dalam mengendalikannya. Maka pihak Kerajaan perlu melakukan satu pengawasan agar tidak disalahgunakan sehingga menjejaskan kepentingan rakyat yang sebenar dengan tanah orang Melayu sendiri dalam masa yang sama perlu dilakukan gantian yang sewajarnya. Yang kedua, di sana ada perkara yang penting yang berkait dengan tanah masih ada masalah tanah yang dialami oleh rakyat yang lebih besar daripada masalah ini. Mereka menagih simpati kerana berhajat kepada tanah untuk kediaman, pencarian hidup yang tetap akan bertambah dari masa ke semasa kerana jumlah penduduk, jumlah keluarga yang akan bertambah yang tidak akan berkurang sepanjang hayat dunia. Ini perlu di atasi dan kita tidak boleh membiarkan bergantung kepada tanah pusaka yang akan menjadi semakin sempit. Dan di sana ada masalah yang perlu di atasi dari masalah tanah. Yang pertama, masalah memprosesan yang memakan masa kerana masalah birokrasi. Yang kedua, pintu permohonan yang sangat-sangat sempit dan perlu dibuka seluasnya untuk permohonan. Dan yang ketiga, kadangkala yang diluluskan ini tidak mencukupi kadar rumah yang tidak sesuai dengan masyarakat Melayu, seperti flat yang macam sarang burung, rumah yang kecil yang tidak cukup dan tidak ada ruang untuk mereka bercucuk tanam. Dan di sana hal-hal yang perlu diambil kira, yang perlu diatasi dan Kerajaan perlu membuat pertimbangan dengan mengkaji dengan cara mendalam jumlah penduduk yang memerlukan tanah dan diselaraskan dengan proses yang sewajarnya dan akhirnya saya ingat kepada sebuah hadis yang menjadi peringatan kepada kita semua: "Memakmurkan bumi adalah pahala yang besar dalam masa yang sama kita menyempitkan manusia untuk mendapatkan bumi juga adalah dosa yang besar". Sabda Nabi S.A.W. (yang bermaksud): "Sesiapa yang menzalimi walaupun

sejengkal tanah akan dibebankan kepadanya sejengkal tujuh lapis bumi pula pada hari Kiamat". Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rhu Rendang. Ada lagi Yang Berhormat nak berucap? Kalau berucap terus kepada Enakmen yang kita bincangkan ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya minta maaf satni saya keliru di sini ada dua Rezab Melayu, satu kepada Amanah Raya dan satu laginya kepada Persatuan Nelayan, sekaligus ke macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Selepas ni Yang Berhormat. Yang Berhormat tak nak berucap ya? Untuk ini tak nak ya, okey. Ada lagi Yang Berhormat yang hendak berucap? Saya jemput Yang Amat Berhormat untuk gulung.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada Wakil Rhu Rendang di atas keprihatinan beliau dan perlunya dibuka lebih luas ruang kepada tanah-tanah milikan Melayu ini untuk digadai ataupun diberi peluang untuk mendapatkan pinjaman sama ada untuk meningkatkan pendapatan mereka, perusahaan dan sebagainya. InsyaAllah, Kerajaan sebagaimana terdapat di dalam Enakmen-enakmen Tanah Simpanan Melayu sebelumnya, mana-mana permohonan untuk menggadai dan sebagainya akan dibawa ke pengetahuan Exco untuk diluluskan dan kita yakin dan percaya bahawa sebagaimana yang disebut tadi pengagihan tanah dan sebagainya, sebab itulah kita katakan bahawa kita melaksanakan proses pendemokrasian dalam pengagihan tanah. Kita tidak mahu lagi berlaku perkara-perkara yang sama berulang, contohnya kalau ada seorang yang pandai, yang cerdik dan hebat dari segi soal tanah ini dia ada 10 - 20 tanah anugerah Kerajaan tapi yang tak cakna mana, tak kisah mana ataupun tak mengetahui selok belok untuk mendapatkan tanah ini langsung tidak ada. Sebab itulah kita membuat dasar dalam pendemokrasian tanah ini mereka hanya dapat satu lot tanah seorang sahaja. Kalau mereka dah ada kita takkan bagi lagi dan kita akan meluluskan permohonan tapak-tapak rumah dan juga pertanian satu lot sahaja, kalau atas nama suami, isteri tak dapat lagi. Ini yang kita lakukan dan di samping itu, sebagaimana disebut tadi kita juga dalam keadaan tanah tak berkembang, tak membesar, tak beranak, kita semakin kekurangan tanah sebab itulah kalau semua nak agihkan tanah maka tak cukup tanah sebab itulah identiti bagi kita ialah menyediakan rumah-rumah kos rendah. Dan di kawasan-kawasan penempatan yang padat termasuk di sekitar Kuala Terengganu kita tidak ada pilihan, kita terpaksa menyediakan rumah-rumah flat kerana tanah

di kawasan ini mahal. Walau bagaimanapun, kita sedar sebab itulah sejak dulu lagi kita mempunyai perancangan rumah kos rendah kita mempunyai tiga buah bilik tidur bukan macam di Kuala Lumpur rumah tiga bilik tapi bilik ketiga itu 6' x 6' untuk utilities bukan bilik tidur. Kita sebut bilik tidur, bilik tidur utama 12' x 10', bilik tidur kedua 10' x 10' dan yang ketiga 10' x 10' dan yang terbaru kita tambahkan lagi 12' x 12', 12' x 10' dan 12' x 10'. Walaupun kosnya semakin meningkat tapi harga rumah kos rendah masih lagi harganya ditahap yang lama. Kita terpaksa memberi subsidi yang begitu besar. Walau bagaimanapun kita mengharapkan mereka yang bertuah mendapat rumah ini prihatin dan terus membayar sewaan rumah masing-masing sebagaimana yang dijadualkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya buka kepada undian.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG
KEDUA.**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN
DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI
DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada

pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG
KETIGA DAN DILULUSKAN.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2009.**

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) (NO. 2) 2009

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(iii) Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu [*En.Tr.17/1360*] supaya PERSATUAN NELAYAN KAWASAN SETIU menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau disewa.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan jika ada. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat untuk berucap saya persilakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan pandangan saya berkaitan dengan Rang Enakmen ini. Pertama sekali, walaupun Yang Amat Berhormat berhasrat besar untuk memindah milikan tanah dengan cara demokrasi maka saya percaya bahawa Yang Amat Berhormat boleh bersetuju dengan saya bahawa salah satu daripada tanggungjawab dan tugas Kerajaan juga menjaga bukan sahaja menjaga harta Kerajaan tetapi juga menjaga harta rakyat daripada dibelanja, dipupus ataupun dijual dengan cara yang boleh merugikan masa depan mereka sendiri. Jadi oleh kerana itu dengan tidak mahu berbahas dengan ucapan Yang Amat Berhormat tadi, buat rumah flat, nak bahagi tanah itu saya takmbah bahaslah sebab kita bahagi dah cuma Kerajaan dulunya kita bahagi-bahagi tu dia batalkan dia tidak teruskan (bahagi). Jadi kita buat awal lagi, kita nampak benda tu tapi tak apalah Kerajaan itupun dah berlalu, Kerajaan 2004-2008 dulu. Kerajaan 2008 sehingga kini tak tahulah macam mana, kalau dia boleh bahagi balik, dia kerjasama tu memang baguslah. Kita harap begitulah tetapi Rang Undang-Undang ini saya tak setuju, tanah orang-orang Melayu itu dicagar, dijual, dipindah milik kepada Persatuan Nelayan. Jadi kalau nak boleh jugak ada lagi agensi yang bertanggungjawab, yang lebih berkeupayaan dan lebih dapat dikawal oleh pihak Kerajaan. Kita ada Tabung Amanah Warisan, kita ada MAIDAM. Saya minta maaflah kalau ada dah tanah orang-orang Melayu itu boleh dicagar kepada MAIDAM di mana ia adalah satu agensi yang lebih rapat dengan Kerajaan, yang boleh diawasi, dijaga dengan baik oleh pihak Kerajaan. Maka sebab itulah saya membangkanglah pada hari ini, membantah tapi saya tahu saya bantahpun kalau dikira undi tidak menanglah, kami ada 8 aje kecuali ada hak lain-lain tu nak sokong kita boleh jugak (Dewan Gelak) boleh jugak, ada peluanglah hari ini kita tengok macam mana. Saya bercakap ni bukan sebab sifat saya sebagai Parti Pembangkang tapi sebagai seorang Ahli Dewan dan saya bertanggungjawab untuk menjaga tanah orang Melayu kalau terlepas ke Persatuan Nelayan ni dang boleh ke dia buat guana tak tahulah, walaupun betul Kerajaan kata dia ada, nak pindah milik ke orang lain boleh jugak, dia nak kawal dan sebagainya tapi banyak dah yang Kerajaan kata nak kawal-kawal tu terlepas dengan cara yang direka oleh mereka yang ingin lari atau mengelak daripada kawalan undang-undang dan peraturan. Oleh sebab itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya ingat Rang Undang-Undang ini ditarik baliklah Dato' Yang Dipertua, tak rugipun kalau ditarik, kita buat akan datang sebab fikir dulu yang mana satu badan yang lebih bertanggungjawab, lebih amanah daripada sebuah Persatuan Nelayan yang saya rasa hubungannya dengan Kerajaan adalah dia (Persatuan Nelayan)

berdaftar sahaja dan tidak mempunyai kawalan-kawalan yang rapi oleh pihak Kerajaan, ini untuk menjaga tanah orang Melayu daripada hilang begitu saja untuk masa hadapan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini ditarik balik.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Manir. Ada lagi Yang Berhormat ingin berucap? Barangkali dah tak ada. Saya jemput Yang Amat Berhormat untuk menjelaskan tujuan Rang Undang-Undang ini. Sila.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sebenarnya tanah-tanah ini adalah merupakan kepunyaan Ahli-ahli Persatuan Nelayan Setiu yang ingin mencagarkan tanah-tanah mereka untuk melaksanakan projek perikanan di kawasan mereka. Dan mengikut Artikel Persatuan Nelayan Setiu boleh menerima pindah milik, menyewa dan sebagainya, ini untuk ahli-ahlinya sahaja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau untuk ahli-ahli sahaja jangan buat umum macam ini, kalau diumumkan semua tanah orang Melayu jadi boleh. Inilah yang saya mintak dikaji semula biar kemas sikit.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tapi Yang Berhormat maksudnya tanah simpanan ini atau persatuan ini dibolehkan menerima, tidak disebut daripada ahli-ahli, maksud keterangan tadi adalah tanah khusus, sebab kes ini adalah khusus kepada Persatuan Nelayan Setiu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya kemukakan ini adalah untuk kepentingan rakyat, saya takdok kepentingan apa-apa, saya takdok tanah dicagar di sini. Tapi dari sudut Enakmen ini terlalu umum, "... Anggota Persatuan Nelayan Daerah Setiu boleh mencagarkan tanahnya kepada Persatuan Nelayan" Itu lain, kalau nak buat begitu, kena kemaskini sikit ni.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, memang dibolehkan jelas begitu tapi setakat ini keutamaan adalah atas permintaan ahli-ahlinya sendiri dan sebab itu saya katakan tadi bahawa Yang Berhormat sedia maklum setiap kebenaran untuk pindah milik, digadai, disewa ini akan diangkat kepada Exco balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya boleh akur diangkat kepada Exco balik tapi dengan syarat tu, jika sekiranya saya tidak duduk di Setiu tapi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, saya buka kepada undian nak tengok

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nantilah dulu

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, Yang Berhormat dah berucap tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya nak terang apa yang dia cakap tadi, ini celah masa saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah terang cukup jelas dah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Dipertua, saya sebut dah tadi, jelas dah saya sebut tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak, sekarang ni (Dewan Gelak) Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, zaman undang-undang kalau sekiranya bukan daripada Daerah Setiu, bukan ahli dia Rang Enakmen ini boleh tapi

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Memang boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau sekiranya diangkat ke Exco dan Exco tak lulus dia boleh saman di mahkamah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk, duduk dulu. Yang Berhormat Manir duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita bercakap ini untuk rakyat bukan untuk sebelah Kerajaan sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk dulu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya nak duduk jugak tapi dok sedap duduk lagu ni, nak duduk cara sedap sikit ha ha macam ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dok sedap sebab orang Setiu tahu Yang Berhormat Manir tak sokong dia. Saya ingat 'pendetailan' (perincian) nanti akan diurus oleh Kerajaan, kita di Dewan yang mulia ini meluluskan Enakmen dan Enakmen itu jelas sebagaimana diterangkan oleh Yang Amat Berhormat. Sebenarnya kes Rezab Tanah Orang Melayu ini *case by case*, sekiranya kes-kes berkenaan perlu diluluskan oleh Dewan. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekarang penggulungan kepada ucapan Ketua Pembangkang tadi telahpun dibuat maka saya buka sekarang ini kepada undian.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG
KEDUA.**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN
DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI
DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No.2) 2009.**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selesai sudah urusan Enakmen kita, sebelum urusan Tangguhan sebagaimana yang saya maklum di sebelah pagi tadi, urusan kita mengambil sempena 50 Tahun Jubli Emas Dewan Undangan Negeri Terengganu Darul Iman ini, saya menjemput Pembantu Bentara untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat memasukkan warkah harapan mereka kepada generasi 50 tahun akan datang. Kapsul ini sebagaimana yang berada di tangan Pembantu Bentara, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian perlu gulung sedikit sebab bekasnya agak kecil jadi masukkanlah ke dalam kapsul ini. Jadi saya mulakan dulu dan seterusnya diikuti oleh Yang Amat Berhormat dan diakhiri oleh Wakil Manir. Untuk makluman kertas dan pen yang digunakan untuk warkah adalah kertas dan pen yang khas direka untuk tahan 50 tahun akan datang. Ini adalah kerjasama yang diberikan oleh pihak Arkib Negara. Terima kasih diucapkan kepada Arkib Negara Cawangan Terengganu.

[MAJLIS URUSAN MEMASUKKAN WARKAH HARAPAN DARI SEMUA AHLI DEWAN UNTUK GENERASI 50 TAHUN AKAN DATANG]

Ketua-ketua Jabatan sekarang sedang menyaksikan acara ini dan insyaAllah siapa yang panjang umur boleh menyaksikan pula ungkapan ataupun hasrat yang ditinggalkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk tiga orang Ahli Ex-Officio kita. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang hadirin sekalian, salah satu komponen dalam institusi Dewan Undangan Negeri kita ini ialah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan maka warkah sebegini jugak akan disempurnakan dan kita akan adakan satu majlis iaitu Jamuan Rasmi 50 Tahun pada insyaAllah bulan Disember nanti dan kita akan saksikan lengkap kesemua komponen Dewan Negeri Terengganu untuk disimpan bagi tatapan generasi ataupun pemimpin 50 tahun akan datang.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan sidang ini saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat juga kepada Pemerhati dan juga kepada Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang memberikan kerjasama seterusnya menjayakan sidang kita pada kali ini dan sebagaimana kita saksikan sebentar tadi kita melakukan satu peristiwa yang akan mencatat sejarah untuk 50 tahun akan datang bagi Dewan Undangan Negeri kita ini. Seterusnya kita juga mempunyai acara-acara yang lain sehingga Disember akan datang, acara-acaranya sangat menarik termasuk pameran, wacana, sidang Dewan Kecil, ini jugak yang paling menarik, tuan-tuan dan puan-puan sekalian di mana anak-anak kecil kita jemput untuk satu sidang khas Dewan Undangan Negeri Kecil yang dijayakan bersama dengan Jabatan Pelajaran Terengganu yang akan kita tengok bakal pemimpin yang akan datang. Jadi kita harap semua akan dapat jemputan untuk melihat bakal-bakal Y.B. kita ini dan seterusnya Jamuan Rasmi kita pada bulan Disember. Terima kasih sekali lagi kepada semua yang hadir. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan ini sebelum kita tangguhkan sidang kita ini bersama-samalah kita dengan ikhlas membaca Surah Al-'Asr. Maka dengan ini Persidangan kita ditangguh ke suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.25 PAGI.

LAMPIRAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGAGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

pada 25 dan 26 Ogos 2009

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 25 DAN 26 OGOS 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Sila nyatakan apakah hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil terhadap individu atau kumpulan yang terlibat menghantar SMS (Sistem Pesanan Ringkas) ugutan bunuh kepada Ahli Dewan Undangan Negeri pada persidangan DUN yang lalu.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(g) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 25 DAN 26 OGOS 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Apakah tatacara pemberian bantuan kepada penduduk miskin di seluruh Negeri Terengganu dan nyatakan jumlah serta bilangan yang mendapat bantuan setakat ini sehingga pertengahan tahun 2007.

JAWAPAN : Tatacara pemberian bantuan kepada penduduk miskin di seluruh Negeri Terengganu adalah berbeza mengikut jenis bantuan yang disalurkan. Di antara bantuan-bantuan yang diberikan kepada penduduk miskin adalah sebagaimana berikut:

- i) Bantuan kewangan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu.
- ii) Bantuan di bawah MAIDAM
- iii) Bantuan Program Peningkatan Pendapatan, komponen Program Pembasmian Kemiskinan (RM Ke-9) di bawah kendalian Yayasan Pembangunan Keluarga.
- iv) Bantuan Rumah (Bina Baru, Baik Pulih dan Tukar Atap)

Tatacara Pemberian Bantuan

- i) Bantuan kewangan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu.

- a) Permohonan boleh dibuat secara bersurat, datang sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Faks, e-mail, telefon, SMS dan di bawah Projek Cari.
- b) Setiap permohonan yang didaftarkan akan dijalankan siasatan untuk penilaian bagi mengesahkan kelayakan bantuan kepada pemohon.
- c) Laporan siasatan permohonan bantuan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang Bantuan di peringkat daerah untuk kelulusan, manakala Skim Persekutuan dilulus oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah.

Jumlah penerima Bantuan Am bulanan adalah seramai 16,849 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM20,751,390.00 sehingga bulan Jun 2009.

ii) Bantuan di bawah MAIDAM

Secara umumnya tatacara pemberian bantuan dari pihak MAIDAM ialah di mana pemohon perlu mengisi borang permohonan dengan lengkap yang boleh didapati di kaunter zakat di semua daerah Negeri Terengganu. Setiap borang yang diterima akan dilakukan siasatan bagi memastikan status pemohon tersebut sama ada layak atau tidak. Pelaksanaan pengagihan bantuan akan dilakukan sebaik sahaja proses kerja telah selesai. Walau bagaimanapun bagi keadaan-keadaan kecemasan, yang memerlukan tindakan segera seperti rawatan hospital atau peralatan perubatan akan diberi keutamaan dan disegerakan tindakan sebaik sahaja permohonan diterima berserta sokongan dan pengesahan doktor.

Jumlah penduduk miskin yang mendapat bantuan MAIDAM sehingga pertengahan tahun 2009 meliputi bantuan sosial, pendidikan dan ekonomi ialah 4,298 orang dengan peruntukan sebanyak RM7,305,031.03

- iii) Bantuan Program Peningkatan Pendapatan, komponen Program Pembasmian Kemiskinan (RMKe-9) di bawah kendalian Yayasan Pembangunan Keluarga.

Yayasan Pembangunan Keluarga merupakan agensi kerajaan Negeri Terengganu yang terlibat dalam Pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan iaitu set komponen program daripada Program Pembasmian Kemiskinan (RMKe-9). Tatacara pemberian bantuan kepada penduduk adalah seperti berikut:

- a) Senarai peserta yang layak diperolehi dari data SPRM (2006 - 2007) dan e-kasih (2008).
- b) Peserta yang tersenarai akan ditemuduga untuk mengenal pasti mereka yang mampu melaksanakan projek yang boleh meningkatkan pendapatan keluarga.
- c) Nama peserta yang terpilih akan dihantar kepada Pejabat Pembangunan Negeri untuk kelulusan. Pihak Pejabat Pembangunan Negeri akan melantik kontraktor bagi membekal barangan dan peralatan yang diperlukan.
- d) Peserta akan diselia dari semasa ke semasa bagi menilai prestasi projek yang dijalankan.

Jumlah bantuan perniagaan yang dikeluarkan mulai tahun 2006 sehingga Jun 2009 adalah sebanyak RM25,274,758.06 kepada seramai 2,474 peserta.

iv) Bantuan Rumah (Bina Baru, Baik pulih dan Tukar Atap)

- a) Pihak JKKK mengenal pasti golongan miskin yang layak untuk ditawarkan bantuan bina baru/ baik pulih rumah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. (Syarat-syarat: Berpendapatan tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa, berdaftar dalam senarai Pangkalan Data Kemiskinan, rumah sedia ada terlalu uzur dan tidak lagi sesuai untuk didiami dan mempunyai tanah untuk didirikan rumah.
- b) Penghulu menerima senarai nama peserta dan membuat siasatan jika perlu, seterusnya mengemukakan kepada Pejabat Daerah.
- c) Pejabat Daerah akan menyelaraskan nama peserta dan membuat pengesahan untuk dikemukakan kepada UPEN.
- d) Pihak UPEN akan menyediakan peruntukan dan mengeluarkan surat kuasa pelantikan kepada Pejabat daerah.
- e) Seterusnya Pejabat Daerah akan melantik kontraktor dan menyelaraskan serta memantau pembinaan, membuat penyerahan siap kerja dan membuat urusan proses pembayaran. Akhir sekali proses penyerahan rumah dibuat kepada peserta.

Jumlah penerima Program Bantuan Rumah (bina baru, baik pulih dan tukar atap) mulai 2005 sehingga Jun 2009 adalah seramai 17,759 penerima bantuan dengan perbelanjaan sebanyak RM167,108,630.00.

SOALAN 2 : Apakah status pemberian rumah kediaman 'rumah murah' di Lot Tok Adis, Mukim Kuala Ibai, Kuala Terengganu dan berapakah kos pembinaan rumah-rumah tersebut?

JAWAPAN : Status pemberian rumah kediaman 'rumah murah' di Lot Tok Adis, Mukim Kuala Ibai, Kuala Terengganu telah selesai sepenuhnya selepas Kerajaan Negeri menyerahkan kunci kediaman tersebut kepada penduduk terlibat dalam satu majlis yang telah diadakan pada 5 Ogos 2009. Kos pembinaan rumah kediaman tersebut adalah berjumlah RM3,965,000.00.

SOALAN 3 : Apakah status pemindahan penduduk Mukim Chendering yang terlibat dengan pengambilan tanah yang sebahagiannya kini ditempatkan di perumahan Flat Chendering Kuala Terengganu dan nyatakan bila ia akan dapat diselesaikan sepenuhnya?

JAWAPAN : Penduduk-penduduk yang terlibat dengan pengambilan balik tanah telahpun ditempatkan sebahagiannya di Perumahan Flat Chendering dan sebahagian lagi menyewa di tempat lain atau menumpang di rumah-rumah keluarga masing-masing.

Bagi menyelesaikan masalah penempatan penduduk yang terlibat, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti satu tapak untuk dibina projek perumahan. Projek tersebut terletak di Cherong Binjai, Chendering, Kuala Terengganu yang mana akan dibina 10 blok bangunan 3 tingkat (120 unit) kondo rakyat serta kemudahan awam yang lain. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 2010. Dengan terbina dan siapnya projek ini Kerajaan Negeri percaya masalah penempatan penduduk ini dapat diselesaikan.

SOALAN 4 : Apakah status terakhir Stadium Sultan Mizan yang runtuh dan berapakah anggaran jumlah membina semula stadium tersebut?

JAWAPAN : Adalah dimaklumkan bahawa bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin telah mengalami keruntuhan pada 02.06.2009.

Lanjutan daripada peristiwa tersebut, pihak kerajaan telah menubuhkan Panel Pemeriksa Bebas yang terdiri dari pakar-pakar dalam bidang pembinaan untuk menyiasat punca sebenar kejadian ini. Pakar-pakar Panel ini terdiri dari:

Pengerusi : Ir. Dr. Abd Aziz bin Arshad –
JKR Malaysia

Ahli-Ahli : Wakil BEM, CIDB, LAM, MSSA, UTM, Odit,
IEM dan JKR Malaysia (3 pegawai).

Pasukan Panel ini telah menyiapkan sebahagian siasatan dan masih terdapat beberapa perkara yang masih dalam kajian.

Anggaran Kos

Semasa kejadian keruntuhan bumbung adalah dimaklumkan bahawa Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin ini masih dalam tempoh tanggungan kecacatan pihak kontraktor utama iaitu Tetuan Bina struktur, Emarcon, Genggam Mercu JV, maka segala kerja untuk membaikpulih bumbung dan yang berkaitan dengannya adalah menjadi tanggungjawab pihak kontraktor utama. Anggaran kos yang terlibat adalah lebih kurang RM35 juta.

SOALAN 5 : Apakah status Pusat Akuatik Terengganu Batu Buruk yang mengalami kerosakan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN : Projek ini masih dalam tempoh kecacatan (defects) sehingga 31 Mei 2010. Kerosakan/kecacatan yang dikenal pasti kini dalam proses pembaikan. Segala kos pembaikan adalah ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 25 DAN 26 OGOS 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Sila nyatakan apakah hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil terhadap individu atau kumpulan yang terlibat menghina DYMM Sultan Terengganu semasa bantahan pelantikan Menteri Besar Terengganu dengan mempamerkan kain rentang "KAMI NAK DERIS, NATANG".

JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu**

SOALAN 2 : Apakah tindakan yang dikenakan terhadap pegawai polis yang menembak dengan menggunakan peluru hidup terhadap orang awam dalam kejadian pada 08hb. September 2007 di Jalan Sultan Mahmud, Batu Buruk Kuala Terengganu.

JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Apakah status terkini pembinaan Jerteh Souq dan berapakah kos asal dan kos terkini pembinaan tersebut dan bilakah dijangka akan siap sepenuhnya.

JAWAPAN : Pembinaan Jerteh Souq yang sedang dilaksanakan adalah Pakej 1A di mana kemajuan fizikal adalah 68% dan dijangka siap pada 27 Disember 2009. Kos Pakej 1A ini adalah RM22,500,000.00 dan tiada kenaikan harga berlaku. Sehingga kini Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM11,497,615.67.

SOALAN 4 : Sila senaraikan semua projek di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan dilaksanakan di Negeri Terengganu. Bilakah ianya akan bermula dan nyatakan kos untuk setiap projek tersebut.

JAWAPAN : Di antara program-program yang akan dilaksanakan termasuklah:-

1. **Pelancongan Pesisiran Pantai – Kg. Penarik, Merang**

Pulau Besar akan dibangunkan secara bersepadu sebagai kawasan pelancongan dengan pembinaan resort pesisiran pantai dan kediaman mewah berkonsep "eco-friendly" iaitu dengan mengekalkan ekologi dan persekitaran kawasan tersebut dan juga berkonsepkan health tourism. Anggaran kos bagi projek ini adalah bergantung kepada kajian yang akan dijalankan.

2. **Taman Negeri Setiu Wetlands**

Taman Negeri Setiu Wetlands akan dibangunkan secara komprehensif dan ditumpukan kepada pembangunan tarikan pantai/lagun untuk memenuhi keperluan pelancongan yang akan datang secara pakej. Anggaran kos bagi projek adalah RM13 juta dan bergantung kepada kajian yang dijalankan.

3. **Pelancongan Pesisiran Pantai Teluk Bidara, Dungun**

Pantai Teluk Bidara akan dibangunkan secara bersepadu sebagai kawasan pelancongan dengan pembinaan resort pesisiran pantai. Ini akan meningkatkan pembangunan di kawasan persekitarannya termasuklah kampung-kampung kecil berdekatan di kawasan tersebut. Kos bagi projek ini dijangkakan berjumlah RM200 juta dan bergantung kepada kajian yang dijalankan.

4. **Pelancongan Pesisiran Pantai Bandar Dungun**

Bandar Dungun akan dibangunkan sebagai pusat pelancongan dan komersial dan ianya akan dijadikan sebagai pusat makanan laut (seafood drive) yang merupakan keistimewaan (signature) kawasan ini dijadikan restoran makanan laut – “Speciality of the town”. Anggaran kos bagi projek ini bergantung kepada kajian yang bakal dijalankan dan juruperunding telah dilantik pada Julai 2009 dan kajian dijangka siap pada pertengahan 2010.

5. **Taman Industri Besar, Kemaman**

- i. Taman Industri Berat, Kemaman.
- ii. Taman Industri Pembinaan dan Pembaikan Bot, Kemaman.
- iii. Pembangunan Pelabuhan Kemaman.
- iv. Zon Bebas – Pelabuhan Kemaman.
- v. Jambatan Baru Bukit Kuang.

Membangunkan Kemaman sebagai Taman Industri Berat yang bersepadu termasuk pembangunan industri pembinaan dan pembaikan bot, pembangunan Pelabuhan Kemaman serta mewujudkan zon bebas untuk menyokong industri-industri ini. Anggaran jumlah kos kesemua projek adalah berjumlah RM1,313,536,600.00.

6. **Ladang Komersial Telaga Papan (Setiu)**

Projek ini akan melibatkan penternakan secara komersil kambing kacukan Boer dan Jamnapari secara insentif. Kos projek adalah dianggarkan RM2 juta dan telah beroperasi pada Jun 2009 dan akan dipanjangkan lagi dari semasa dan bergantung kepada kajian.

7. **Lembah Sitrus Dungun**

Memajukan 1,414 hektar Lembah Sitrus Dungun di Durian Mentangau, Dungun untuk diwartakan sebagai “Taman Kekal Pertanian Makanan” di bawah

Kementerian Pertanian. Anggaran kos adalah bergantung kepada kajian yang akan dijalankan kelak.

8. **Taman Pengeluaran & Pemprosesan Ayam di Chendering**

Pembangunan industri pengeluaran anak ayam dan pemprosesan ayam secara sistematik, moden dan memenuhi piawaian antarabangsa. Anggaran kos adalah bergantung kepada kajian yang bakal dijalankan oleh pihak perunding kelak.

9. **Pusat Pengumpulan, Pemprosesan & Pembungkusan Produk Berasaskan Ikan – Kuala Kemaman**

Pembangunan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) bagi pengusaha kecil (cottage industry) untuk meningkatkan kualiti produk berasaskan ikan. Kajian akan dijalankan dan kos adalah bergantung kepada kajian yang bakal dijalankan.

10. **Program Lembah Agro Bachok – Besut – Kuala Berang**

Menumpukan usaha kepada pengeluaran cili, keledak, tembikai, labu, roselle dan jagung manis. Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada akhir tahun 2009 dengan menelan kos sebanyak RM100 juta.

11. **Projek Penanaman Koko**

Penanaman koko ini akan diselang dengan pokok buah-buahan di bawah inisiatif yang dikelolakan oleh Lembaga Koko Malaysia. Peruntukan bagi projek ini adalah dianggarkan sebanyak RM10 juta dan dijangkakan dilaksanakan bermula Ogos 2008.

12. **Projek Kelompok Pedaging Kambing**

Projek ini bakal mengeluarkan produk berkualiti tinggi bagi memenuhi permintaan domestik yang kian meningkat. Peruntukan bagi projek ini adalah dijangkakan sebanyak RM15 juta.

13. **Pusat Produk Halal Wilayah (UDM)**

Projek ini sebagai satu alternatif bagi menjadikan produk Halal sektor penting yang perlu dibangunkan di Malaysia. Pembangunan Pusat Wilayah Produk Halal yang dijangkakan akan ditempatkan di UDM ini dijangka dapat mempercepatkan pembangunan industri makanan/produk Halal di Wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Projek ini telah bermula pada 16 Februari 2009 dengan mengadakan Seminar Pensijilan HALAL dan pendaftaran produk herba kepada SME.

14. **Pusat Latihan Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan (UiTM Dungun)**

Bidang-bidang kurikulum akan fokus kepada latihan asas eko-pelancongan yang akan diajar dengan pelbagai teknik tata-tertib, etika, pemakaian, layanan, integriti, bahasa, penyediaan dan sebagainya. Peserta adalah terdiri daripada masyarakat tempatan dan Orang Asli. Kos projek adalah dijangkakan RM21,650,000.00 dan program telah dijalankan pada 14 hingga 18 Disember 2008 di Hotel UiTM Dungun dan seramai 30 orang penduduk Kg. Pasir Raja telah hadir.

15. **Pusat Bandaraya Kuala Terengganu (KTCC)**

Projek ini dirancang untuk meningkatkan keunikan bandaraya Kuala Terengganu sebagai bandaraya warisan pesisir air yang bersepadu yang akan menjadi gerbang pelancongan ke ECER, Juruperunding Pelan Induk Pembangunan bagi projek ini dijangka akan dilantik pada akhir tahun 2009.

ECERDC bersama dengan pihak Kerajaan Negeri akan mengenalpasti kawasan yang bersesuaian untuk pembangunan segera. Perkongsian maklumat dari pihak Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti kawasan penambakan pantai yang sesuai. Kos kajian bagi projek ini adalah dianggarkan berjumlah RM3.376 juta.

16. **International Digital Business Exchange (IDBX)**

Projek ini melibatkan penubuhan kemudahan pusat data yang bertindak sebagai asas untuk pembangunan dan pelaksanaan aplikasi data. Penglibatan ECERDC adalah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi pembangunan ini. Projek IDBX ini akan diteruskan. Pihak ECERDC dan UPENT akan menyediakan Pelan Pembangunan Strategik untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ini. Kos projek adalah bergantung kepada kajian yang akan dijalankan.

17. **Pusat Animasi Global**

Projek ini melibatkan penubuhan kemudahan pusat latihan animasi, studio penerbitan animasi dan lain-lain kemudahan asas. Perbincangan telah diadakan pada Februari 2009 dan dianggarkan kos projek berjumlah RM9 juta dan bergantung kepada kajian kemungkinan yang akan dijalankan dari semasa ke semasa.

SOALAN 5 : Apakah status pelaksanaan projek "Taman Ilmu" di Besut dan berapakah jumlah kos peruntukan asal dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan sehingga kini.

JAWAPAN : Projek Taman Ilmu adalah dalam pelaksanaan dengan 9 pakej sedang dilaksanakan di tapak. Anggaran kos keseluruhan Taman Ilmu ialah RM401,478,869.64 dengan perbelanjaan sehingga Julai 2009 sebanyak RM198,881,363.48. Butiran terperinci setiap pakej adalah sebagaimana berikut:-

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	STATUS PROJEK	JUMLAH PERBELANJAAN (SEHINGGA KINI)
<u>TAMAN ILMU</u>				
1.	Infrastruktur T/Kontrak :- 5.3.07 – 31.12.08	65,284,047.11	Dalam Pelaksanaan	34,457,425.20
2.	Bangunan Masjid (A) T/Kontrak :- 24.9.07 – 22.03.09	55,523,600.00	Dalam Pelaksanaan	17,013,400.00
3.	Bangunan Perpustakaan (B) T/Kontrak :- 01.07.07 – 27.12.08	59,160,000.00	Dalam Pelaksanaan	39,853,871.47
4.	Komplek Sukan dan Rekreasi (C) T/Kontrak :- 01.07.07 – 27.12.08	36,424,243.27	Dalam Pelaksanaan	22,909,331.34
5.	Student Center (D) T/Kontrak :- 01.07.07 – 27.12.08	33,433,117.44	Dalam Pelaksanaan	21,465,900.00
6.	Dewan Konvensyen (F) T/Kontrak :- 01.07.07 – 27.12.08	38,145,561.82	Dalam Pelaksanaan	17,614,320.43

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	STATUS PROJEK	JUMLAH PERBELANJAAN (SEHINGGA KINI)
7.	Pusat Pentadbiran (H) T/Kontrak :- 01.07.07 – 27.12.08	28,627,300.00	Dalam Pelaksanaan	15,859,322.20
8.	Kediaman Pelajar & Staf (H6) T/Kontrak :- 01.07.07 – 27.12.08	43,234,000.00	Dalam Pelaksanaan	26,569,903.69
9.	Water Supply T/Kontrak :- 28.12.08 – 08.08.09	10,000,000.00	Dalam Pelaksanaan	1,659,500.15
<u>KERJA-KERJA TAMBAHAN FASA SETERUSNYA</u>				
1.	Landskap	10,000,000.00		
2.	ICT Fasa 1	20,000,000.00		426,539.00
<u>LAIN-LAIN</u>				
	Ukur Tapak	486,000.00		486,000.00
	Penyiasatan Tapak	58,000.00		55,000.00
	Peibagai	1,103,000.00		510,850.00
		401,478,869.64		198,881,363.48

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 25 DAN 26 OGOS 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR
WAKIL LADANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan apakah terdapat kecurian balak di negeri ini dan berapakah anggaran nilai balak yang dicuri. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN :

1. Pada tahun 2008 Jabatan Perhutanan Negeri telah mengesan 23 kes kesalahan hutan berkaitan pembalakan haram, pemindahan kayu balak tanpa kebenaran dan pemilikan hasil hutan tanpa cukai. Pada tahun 2009 sehingga bulan Julai terdapat 26 kes telah dikesan. Daripada jumlah kes ini, hanya 7 kes pembalakan haram pada tahun 2008 dan sebanyak 5 kes pada tahun ini. Dari segi perundangan kes-kes ini adalah diambil tindakan di bawah:
 - a. Seksyen 15 Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu **Larangan Mengambil Hasil Hutan Dari Hutan Simpanan atau Tanah Kerajaan Melainkan Jika Dilesenkan;**
 - b. Seksyen 40 Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu **Larangan Memindahkan Apa-Apa Hasil Hutan Dari Tanah Milik, Tanah Rizab, Tanah Lombong Atau Tanah TOL Melainkan Melalui Lesen Pemindah** dan
 - c. Seksyen 84 Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu **Kesalahan Memiliki Hasil Hutan Secara Menyalahi Undang-Undang.**

2. Pecahan kes tahun 2008 dan 2009 mengikut Akta Perhutanan Negara adalah seperti berikut:-

Tahun 2008

APN 1984	Bilangan Kes	Anggaran Nilai Pokok (RM)
Seksyen 15	7	1,076,313.86
Seksyen 40	14	22,224.49
Seksyen 84	2	3,121.55
Jumlah	23	1,101,659.90

Tahun 2009

APN 1984	Bilangan Kes	Anggaran Nilai Pokok (RM)
Seksyen 15	5	220,549.14
Seksyen 40	20	70,097.34
Seksyen 84	1	195.96
Jumlah	26	290,842.44

3. Bagi membanteras kejadian kecurian balak, langkah-langkah pencegahan yang diambil adalah seperti berikut:-
- i. Mewujudkan pasukan rondaan di setiap daerah pentadbiran hutan;
 - ii. Mewujudkan peta 'hot spot' bagi kawasan tumpuan rondaan;
 - iii. Meningkatkan rondaan dan semakan di kawasan-kawasan 'hot spot'

- iv. Menggali parit di jalan-jalan masuk ke Hutan Simpan yang tiada aktiviti;
- v. Menyita dan merampas peralatan kilang-kilang yang memproses kayu-kayu balak dari kawasan ceroboh;
- vi. Mempergiatkan rondaan dan intipan oleh Unit Penguatkuasa;
- vii Mempergiatkan pemeriksaan kayu-kayu balak dalam transit (lori balak).

REKOD KESALAHAN HUTAN TAHUN 2008
NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Bil.	Daerah/ Renj	Klasifikasi Kawasan/ Hasil Hutan	Barang Kes & OKS/ Org. yg. disyaki	Ringkasan Kes	Sek- syen	Anggaran Nilai Pokok
1.	TS / Dungun	Hutan Simpan / Kayu balak & jaras	Tiada / Perkayuan Seraya	Tebangan luar kawasan lesen L3008/2007(HS) melibatkan sejumlah 888 btg.pokok dengan luas 15.5 ha.	15	838,545.68
2.	TU / Setiu	Tanah Kerajaan / Kayu balak & jaras	1 excavator & 1 jentolak / Wan Abdullah Ariffin	Membina jalan tuju dlm. Tanah K'jaan, Kg.Payong, Setiu melibatkan 76 tuai (89.33m3) balak.	15	24,655.08
3.	TB / K.Berang	Tanah Kerajaan / Kayu balak & jaras	1 excavator / Tiada	Tebangan dlm. Tanah K'jaan Bkt.Pinang, H.Trg. melibatkan 92 pokok (90.48m3)	15	23,998.60
4.	TU / Setiu	HSK / Kayu balak.	San Tai Wong / Tiada	Menebang pokok tanpa lesen yg. sah sejumlah 18 btg. (92.79m3) di Komp.4, HS Bkt.Kesing seluas 0.6 ha.	15	80,553.90
5.	TS / Dungun	Tanah Kerajaan / Kayu balak & jaras	Tiada / Tiada	Membersih tanah k'jaan tanpa lesen melibatkan 118 btg. pokok di Kg. Durian mentangau, Dgn.	15	52,112.00
6.	TS / Dungun	HSK / Kayu balak & jaras	Tiada / Tiada	Menebang pokok tanpa lesen yg. sah sejumlah 77 btg. (87.47m3) di Komp. 74, HS Rasau Kerteh seluas 1.83 ha.	15	36,527.20
7.	TS / Dungun	HSK / Kayu balak.	Tiada / Haris Fazilah Alias	Menebang 7 btg. pokok bawah HBT dan 1 btg tanpa tag di Lesen L3019/2008(HS) Bkt.Terendak.	15	19,921.40
8.	TU / Besut	Tanah milik / Kayu sedia	1 lori kecil & 2 motersikal / Mohd Nazri Zahari	Memindah kayu sedia dari tanah milik tanpa cukai di Felda Tenang, Besut.	40	192.17
9.	TS / Kemaman	Kilang / Kayu pendek	Gergaji gelong / Yusang Timber	Memindah hasil hutan tanpa LP melibatkan 133 batang jaras.	40	3,325.00
10.	TS / Dungun	Kilang / Kayu pendek	Gergaji gelong / Sumber Asli Trading	Memindah hasil hutan tanpa LP melibatkan 26 btg. balak dgn. isipadu 4.69m3.	40	1,294.44
11.	TU / K. Trg.	Kilang / Kayu balak	37 tual balak & 221 tual jaras / Pang Chin Min	Memindah hasil hutan tanpa LP dengan isipadu 25.86 m3.	40	7,137.36
12.	TU / K.Trg.	Kilang / Kayu pendek	32 tual balak & 20 tual jaras / Awang Embong	Memindah hasil hutan tanpa LP dengan isipadu 6.48 m3.	40	1,788.48

Bil.	Daerah/ Renj	Klasifikasi Kawasan/ Hasil Hutan	Barang Kes & OKS/ Org. yg. disyaki	Ringkasan Kes	Sek- syen	Anggaran Nilai Pokok
13.	TB / Ajl	Kilang / Kayu pendek	5 tual balak & 162 tual jaras pendek / Haron Abdullah	Memindah hasil hutan tanpa LP dengan isipadu 1.86 m3.	40	513.36
14.	TU / Besut	Tanah Milik / Kayu pendek	Lori & 22 btg balak/ Mohd Hasmizi Mohamad	Memindah kayu tanpa Pas Pemindah melibatkan kayu sejumlah 3.04m3.	40	839.04
15.	TU / Besut	Tanah Milik / Kayu pendek	Lori & 33 btg jaras pendek/ Mohd Hisham Hashiam	Memindah kayu tanpa Pas Pemindah melibatkan kayu sejumlah 3.04m3.	40	671.24
16.	TS / Dungun	Kilang / Kayu pendek	22 btg balak pendek / Tan King Tong	Memindah kayu tanpa Pas Pemindah melibatkan kayu sejumlah 5.74m3.	40	950.54
17.	TU / Setiu	Kilang / Kayu pendek	525 tual kayu pendek / Anuar Mohamad	Memindah hasil hutan tanpa Pas Pemindah melibatkan isipadu 23.25m3.	40	3,850.20
18.	TU / Setiu	Kilang / Kayu pendek	315 tual kayu pendek / Hamzah Salim	Memindah hasil hutan tanpa Pas Pemindah melibatkan isipadu 4.56m3.	40	755.14
19.	TU / D.Mas	Kilang / Kayu balak	11 tual kayu balak/ Permint Plywood Sdn Bhd.	Memiliki kayu tanpa cukai melibatkan isipadu 16.84 m3.	84	2,788.70
20.	TU / Besut	Kilang / Kayu pendek	29 tual kayu pendek/ Nazmi Daud	Memindah kayu dari tanah milik tanpa cukai.	40	575.16
21.	TU / Setiu	Tanah Kerajaan / Kayu pendek	1 lori Ford Trader & 11 tual balak pendek / Azizah Kadir	Memiliki/mengawal hasil hutan tanpa Pas Pemindah sejumlah 2.01m3.	84	332.85
22.	TS / Dungun	Tanah Milik / Kayu pendek	1 lori, 10 btg balak, 86 btg jaras pendek / Mohd Firdaus Abd.Ghani	Memindah hasil hutan tanpa Lesen Pemindah melibatkan isipadu sejumlah 1.46 m3.	40	332.36
23.	TS / Dungun	Tanah milik / Kayu pendek	1 lori, 177 btg jaras pendek / Mohd Zulkifli Ab.Wahab	Memindah hasil hutan tanpa Lesen Pemindah	40	-
Jumlah :						1,101,659.90

REKOD KESALAHAN HUTAN TAHUN 2009
NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Bil.	Daerah/ Renj	Klasifikasi Kawasan/ Hasil Hutan	Barang Kes & OKS/ Org. yg. disyaki	Ringkasan Kes	Sek- syen	Anggaran Nilai Pokok
1.	TS / Cheneh	HSK / Kayu balak	Tiada / Tiada	Tebangan haram di Komp. 131, HS Cherul melibatkan 55 btg pokok (182.51m ³) & 63 tual balak (83.20m ²) seluas lk 6 ha.	15	53,000.00
2.	TB / Ajil	HSK / Kayu balak dan kayu saiz	3 gergaji berantai & 1 parang / W. Zamri W. Hassan & Mohd Ariff Jusoh	Tebangan haram di Komp.89, HS Pasir Raja (Barat) melibatkan 6 btg pokok (60.09m ³) seluas 2 ha.	15	127,704.50
3.	TU / Setiu	Tanah Kerajaan / Kayu pendek	Tiada / Tiada	Tebangan haram di Kg. Banggol & Kg. Alur Serdang, Setiu sebanyak 193 tual balak pendek (7.58m ³).	15	1,045.00
4.	TB / Ajil	Tanah Kerajaan / Kayu balak	1 jengkaut & 45 tual balak / Tiada	Pembersihan tanah di kawasan Lubok Periuk/ Kg. Peneh, Mukim Hulu Berang, H. Trg. sejumlah 19 btg. pokok (37.89 m ³)	15	27,799.64
5.	TS / Kemaman	HSK / Kayu balak	Kayu / Perniagaan Kayu Jaras & Papan KT	Tebang luar kawasan LP3002/2009 melibatkan 15 pokok (22.05 m ³) di Bkt Kambing, Kemaman.	15	11,000.00
6.	TU / K. Trg	Kilang / Kayu balak	Kayu balak / KP Sri Serangkai	Memindah hasil hutan tanpa Pas Pemindah sebanyak 28 balak pendek (12.9m ³) & 74 btg jaras.	40	3,560.40
7.	TS / Kemaman	Kilang / Kayu pendek	Kayu balak / Kiat Huat Development	Memindah hasil hutan tanpa Pas Pemindah sebanyak 90 balak pendek (25.73m ³).	40	6,761.50
8.	TB / K.Berang	Kilang / Kayu balak	Lori & kayu balak / Somira Enterprise	Operator kilang tidak ada Pas Pemindah sejumlah 41 kayu balak pendek & 382 kayu jaras.	40	7,740.88
9.	TU / K.Trg	Kilang / Kayu balak	Kayu balak / Hue Chan Seng	Memindah hasil hutan tanpa Pas Pemindah sebanyak 41 btg balak, 25 btg balak pendek dan 206 btg kayu jaras dengan isipadu 25.m ³ .	40	5,632.08
10.	TS / Dungun	Kilang / Kayu pendek	Kilang & kayu balak/ W.Zarah W. Mohamad	Memiliki hasil hutan secara menyalahi undang-undang sejumlah 17 btg balak pendek (1.42m ²).	84	195.96

Bil.	Daerah/ Renj	Klasifikasi Kawasan/ Hasil Hutan	Barang Kes & OKS/ Org. yg. disyaki	Ringkasan Kes	Sek- syen	Anggaran Nilai Pokok
11.	TU / Besut	Tanah milik / Kayu pendek	Lori & kayu balak / Shamsudin Awang	Memindah kayu dari tanah milik tanpa Pas Pemindah sebanyak 12 btg balak & 21 btg jaras pendek (5.25m3).	40	1,159.20
12.	TU / Setiu	Kilang / Kayu pendek	Kilang & kayu balak / Sy. Dinar Trading	Memindah kayu dari tanah milik tanpa Pas Pemindah sebanyak 353 btg balak pendek (17.92m3).	40	2,472.96
13.	TU / Setiu	Kilang / Kayu pendek	Kilang & kayu balak / Mohd Nor Awang	Memindah kayu dari tanah milik tanpa Pas Pemindah sebanyak 34 balak pendek (1.29m3).	40	213.62
14.	TU / Besut	Kilang / Kayu pendek	Motor band saw / Ghani Jusoh	Memindah hasil hutan dari tanah milik tanpa LP sebanyak 46 tual balak pendek (6.36m3) dan 312 tual kayu jaras pendek di Kilang Gong Nangka, Besut.	40	1238.50
15.	TU / Besut	Kilang / Kayu pendek	Kayu pendek / Syabangun Maju Lumbertech Sdn Bhd.	Memindah hasil hutan dari tanah milik tanpa LP sejumlah 14 tual balak pendek (1.50m3) dan 95 tual kayu jaras pendek.	40	1,094.00
16.	TB / Teng -kawan	Tanah milik / Kayu balak	Kayu balak & jaras/ Jusoh Muda	Memindah hasil hutan dari tanah milik Felcra Kuala Jeneris tanpa cukai sejumlah 25 tual balak (20.04m3) dan 276 tual kayu jaras.	40	16,435.04
17.	TU / K.Trg	Kilang / Kayu balak	Kilang, kayu balak & jaras / Tan Keng Sun (Kilang Pakatan Laba)	Memindah kayu dari tanah milik sejumlah 27 tual balak (18.18m3) dan 96 tual kayu jaras.	40	6,811.70
18.	TU / K. Trg	Kilang / Kayu balak	Kayu balak & jaras/ Ngan Cheng Tiam	Memindah kayu dari tanah milik sejumlah 10 tual balak (7.39m3) dan 55 tual kayu jaras.	40	4,659.57
19.	TS / Kemaman	Kilang / Kayu pendek	Kayu balak pendek/ Mohd Mazlan Awg Ngah	Memindah kayu dari tanah milik sejumlah 13 tual balak pendek (3.31m3) dan 194 tual kayu jaras pendek	40	1,221.00
20.	TU / Besut	Kilang / Kayu pendek	Kayu & jaras pendek / Nazmi Daud (K/Papan Top Five Sdn Bhd).	Memindah hasil hutan dari tanah milik tanpa LP sejumlah 55 btg tual balak pendek (6.92m3) dan 200 tual kayu jaras pendek.	40	2,193.34
21.	TS / D.Mas	Kilang / Kayu pendek	Kayu pendek/ Hussain Jusoh	Memindah hasil hutan dari tanah milik tanpa LP sejumlah 146 tual balak pendek (8.88m3).	40	2,268.50

Bil.	Daerah/ Renj	Klasifikasi Kawasan/ Hasil Hutan	Barang Kes & OKS/ Org. yg. disyaki	Ringkasan Kes	Sek- syen	Anggaran Nilai Pokok
22.	TU / Besut	Tanah milik / kayu sedia	Kayu sedia / Tiada	Memindah 92 kpg kayu sedia tanpa cukai.	40	-
23.	TU / Setiu	Kilang / Kayu pendek	Kayu pendek / H.S Eksklusif Enter- prise	Memindah 11 btg kayu pendek (1.69m3) dan 33 btg jaras pendek dari tanah milik tanpa Lesen Pemindah.	40	533.80
24.	TU / Besut	Kilang / Kayu pendek	Kayu pendek / W.Jaafar W.Nawang	Memindah 60 btg kayu pendek (8.78m3) dan 2334 btg jaras pendek dari tanah milik tanpa Lesen Pemindah.	40	1,308.05
25.	TS / Dungun	Kilang / Kayu sedia	Kayu / Hazarah Sheikh Shahib	Memindah 144 btg kayu pendek (9.21m3) dan 181 kpg kayu sedia dari tanah milik tanpa Lesen Pemindah	40	2,439.20
26.	TU / K.Trg	Kilang / Kayu balak dan jaras	Kayu / Eng Soon Timber	Memindah 10 btg kayu balak (7.39m3) dan 55 btg kayu jaras dari tanah milik tanpa Lesen Pemindah.	40	2,414.00
Jumlah :						290,842.44

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 25 DAN 26 OGOS 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Berapakah jumlah penerima Dana Nelayan mengikut pecahan daerah dan apakah syarat-syarat kelayakan penerima dana tersebut.

JAWAPAN : Jumlah penerima Dana Nelayan mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Jumlah Penerima
1.	Dungun	10
2.	Kuala Terengganu	10
JUMLAH		20

Dana Nelayan ini diberi secara pinjaman mudah tanpa sebarang caj dan faedah dengan mengenakan beberapa syarat kelayakan sebagaimana berikut:-

- i. Menjadi ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)
- ii. Memiliki Lesen Vesel yang sah
- iii. Menjalankan sendiri kerja penangkapan ikan
- iv. Menjual hasil tangkapan ikan kepada PNK.

SOALAN 2 : Nyatakan kos dan punca-punca kegagalan projek fertigasi dan apakah langkah-langkah mengatasinya.

JAWAPAN : Kos projek fertigasi adalah lebih kurang RM20 juta dan projek ini tidak gagal tetapi memerlukan penambahbaikan. Projek ini dikatakan tidak gagal berdasarkan rekod pencapaian hasil sebagaimana berikut:-

Tahun/ Tanaman	Pencapaian Hasil (RM)	Nilai Hasil (RM)	% Pencapaian Hasil Berbanding Potensi Hasil
<u>2007</u>			
Melon	89	276,723.00	33
Cili	27	106,499.00	18
Tomato	5.4	21,500.00	37
Jumlah	121.40	404,722.00	
<u>2008</u>			
Melon	328	754,462.00	49
Cili	168	284,560.00	86
Tomato	7.1	19,570.00	106
Jumlah	503.10	1,058,592.00	

Punca-punca yang memerlukan kepada penambahbaikan adalah kerana masalah-masalah berikut:-

- i. Masalah dalam menentukan varieti yang sesuai dengan keadaan setempat dan memenuhi kehendak pasaran bagi tanaman seperti melon, cili dan tomato.
- ii. Terdapat masalah serangan musuh dan penyakit yang tidak dapat dikawal dengan berkesan oleh peserta kerana kebanyakan mereka bukan peserta sepenuh masa dalam projek ini.
- iii. Petani dan pegawai masih belum mempunyai pengetahuan yang cukup dan belum mahir dalam mengurus dan melaksanakan projek.
- iv. Sebahagian petani tidak berminat kerana setelah menyertai projek dan mendapati pengurusan projek ini agak intensif. Mereka ini terpaksa diganti dengan peserta lain yang lebih bersedia, berminat dan berkeupayaan.

Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, beberapa langkah telah diambil iaitu:-

- i. Meningkatkan latihan dan pengetahuan peserta dan pegawai terlibat supaya mereka memiliki tahap kemahiran yang tinggi.
- ii. Peserta yang tidak berminat telah diganti dengan peserta yang lebih berpotensi.
- iii. Meningkatkan kekerapan lawatan pegawai-pegawai pertanian ke kawasan projek fertigasi.
- iv. Memindahkan struktur dan peralatan fertigasi dari penempatan individu-individu yang sudah tidak berminat atau tidak berjaya kepada penempatan projek fertigasi berkelompok berpotensi yang berada di bawah kelolaan Jabatan Pertanian Negeri.

SOALAN 3 : Nyatakan kategori dan statistik kes pelanggaran disiplin yang melibatkan pelajar dan guru sekolah mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : Kategori dan statistik kes pelanggaran disiplin yang melibatkan pelajar dan guru sekolah mengikut pecahan daerah sebagaimana jadual **(Lampiran I)**.

SOALAN 4 : Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memelihara warisan sejarah.

JAWAPAN : Pihak Kerajaan Negeri Terengganu melalui Muzium Negeri Terengganu sentiasa menjalankan kajian dan mengenal pasti warisan sejarah yang terdapat di seluruh negeri untuk dipulihara.

Bagi warisan sejarah milik kerajaan, terlebih dahulu ia akan dibuat pemuliharaan sebelum diwartakan sebagai Warisan Negeri tetapi bagi warisan sejarah milik persendirian, ia perlu diambil balik terlebih dahulu.

Warisan yang telah dikenal pasti akan dipelihara melalui beberapa kaedah seperti berikut bergantung kepada keadaan warisan tersebut.

- i) Pemeliharaan ini bertujuan untuk memberhentikan kemerosotan lanjut, reput dan menyediakan struktur yang selamat dan serta kukuh.
- ii) Pemulihan – iaitu mengembalikan semula kepada keadaan kebergunaan melalui pembaikan dan pengubahan yang memungkinkan penggunaan semasa yang efisien sambil memelihara bahagian dan ciri yang penting kepada sejarahnya.
- iii) Pemeliharaan – termasuklah pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya.

Mana-mana warisan yang telah melalui proses di atas ada kalanya akan digunakan kembali sebagai contoh jika bangunan akan dijadikan galeri atau muzium.

Warisan sejarah adalah satu aset yang penting kepada negeri kerana ia menjadi daya tarikan pelancong-pelancong dan juga bahan kajian serta rujukan kepada para pelajar dan penyelidik-penyelidik mahupun generasi kemudian tentang ketamadunan bangsa.

SOALAN 5 : Sila nyatakan mengikut statistik kadar kemiskinan di negeri ini berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan serta tempoh masa bagi menurunkan kadar kemiskinan tersebut.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

BIL	KATEGORI KES	BIL. KES	DAERAH							
			KMN	DGN	MRG	K.TRG UTR	K.TRG SEL	HULU TRG	SETIU	BESUT
1.	Ponteng Kelas	2539	307	368	219	393	496	166	456	134
2.	Datang lewat ke sekolah	710	86	103	61	112	138	46	127	37
3.	Menghisap rokok	692	84	100	60	105	136	45	125	37
4.	Bergaduh/berkelahi	260	32	38	23	38	51	17	47	14
5.	Memakai pakaian tidak mengikuti peraturan sekolah	395	48	58	334	59	78	26	71	21
6.	Ponteng sekolah	505	61	73	44	77	99	33	91	27
7.	Mencuri	199	24	29	17	31	39	13	36	10
8.	Mengancam/memukul/mencederakan murid lain	216	26	31	18	35	42	14	39	11
9.	Menyimpan rokok	143	17	20	12	24	28	9	26	7
10.	Rambut panjang/fesyen rambut keterlaluan	234	28	34	20	37	46	15	42	12
11.	Tidak menghormati guru	152	18	22	13	24	30	10	27	8
12.	Tiada rekod kes	188	23	27	16	29	37	12	34	10
13.	Ponteng Perhimpunan	121	14	17	10	20	24	8	22	6
14.	Mengganggu pengajaran & pembelajaran	148	18	21	12	24	29	10	26	8
15.	Berkelakuan kasar terhadap murid	97	12	14	8	16	19	6	17	5
16.	Ponteng kegiatan luar bilik darjah/kokurikulum	109	13	16	9	18	21	7	19	6
17.	Merosakkan harta benda sekolah	82	10	12	7	14	16	5	14	4
18.	Membawa telefon bimbit ke sekolah	90	11	13	7	16	17	6	16	4
19.	Membuli/pelancoan	94	11	14	8	15	18	6	17	5
20.	Berkelarian di kws sekolah	74	9	11	6	12	14	5	13	4
21.	Melawan/mengancam/memukul/mencederakan pengawas	37	4	5	3	8	7	2	6	2
22.	Kenakalan/hooliganism	78	9	11	7	13	15	5	14	4
23.	Menipu yg melibatkan kepercayaan	51	10	9	4	4	6	3	7	8
24.	Berkelakuan kasar terhadap guru	51	6	7	4	10	10	3	9	2
25.	Berkuku panjang	98	12	14	8	17	19	6	17	5
26.	Memakai brg-brg perhiasan yg dilarang ke sekolah	28	3	4	2	6	5	2	5	1
27.	Menggunakan kata perbuatan lucah	42	5	6	3	8	8	3	7	2
28.	Mencabul kehormatan	56	7	8	5	9	11	3	10	3
29.	Lewat ke perhimpunan	37	4	5	3	8	7	2	6	2
30.	Memeras ugut	36	4	5	3	8	7	2	6	1
31.	Melawan/mengancam/memukul mencederakan guru	36	4	6	3	10	5	2	5	1
32.	Menceroboh Bilik Khas/Kedai Koperasi/Pej.Sekolah/Asrama	55	6	8	4	11	10	3	10	3
33.	Tidak menghormati Pengawas	32	4	4	3	6	6	2	5	2

BIL	KATEGORI KES	BIL. KES	DAERAH							
			KMN	DGN	MRG	K.TRG UTR	K.TRG SEL	HULU TRG	SETIU	BESUT
34.	Berbahasa kesat	24	3	3	2	4	5	2	4	1
35.	Bercumbu-cumbuan	22	3	3	2	4	4	1	4	1
36.	Berjudi	29	3	4	2	5	6	2	5	2
37.	Makan di kantin di luar masa rehat	44	5	6	4	8	8	3	8	2
38.	Merosakkan harta benda murid	7	1	1	0	1	1	2	1	0
39.	Ponteng peperiksaan	8	1	1	2	1	1	0	1	1
40.	Mengintai murid-murid perempuan	6	1	2	0	1	2	0	0	0
41.	Menyalahgunaan dadah	4	1	2	0	1	2	0	0	0
42.	Berkelakuan kasar terhadap Pengawas	19	2	3	2	3	4	1	3	1
43.	Membawa bahan-bahan lucah ke sekolah	14	1	3	1	3	3	1	1	1
44.	Berkhalwat	25	3	4	2	4	5	2	4	1
45.	Merosakkan harta benda kantin	6	0	1	0	1	1	2	1	0
46.	Melukis & menulis kata-kata & gambar-gambar lucah	18	2	3	2	2	4	1	3	1
47.	Membawa senjata berbahaya	7	2	1	0	1	1	1	0	1
48.	Menipu yg melibatkan wang	5	0	1	0	1	1	1	0	1
49.	Ponteng ujian	0	0	0	0	0	0	0	0	0
50.	Ponteng Asrama	7	2	1	0	1	2	0	1	0
51.	Kesalahan siber	2	0	0	0	1	0	1	0	0
	JUMLAH :	7932	960	1150	675	1260	1543	517	1408	419

(ii) Guru:

DAERAH	TIDAK HADIR BERTUGAS/ LEWAT	PENYALAH-GUNAAN DADAH	PENG-URUSAN KEWANGAN	GANGGUAN SEKSUAL	KHALWAT	SURCAJ (KEHI-LANGAN PERALATAN PPSMI)	JUMLAH
K.TRG	3	1	1	3	1	20	29
H.TRG	2	1	0	0	0	2	5
SETIU	0	0	1	1	0	0	2
MARANG	2	0	0	0	0	1	3
BESUT	2	0	0	0	0	4	6
KMN	2	2	0	0	1	2	7
DGN	2	1	0	2	1	1	7
JUMLAH	13	5	2	6	3	30	59

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 25 DAN 26 OGOS 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYONG

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah tangkapan khalwat yang berlaku di Terengganu dari Januari hingga Julai 2009 mengikut pecahan daerah dan nyatakan daripada jumlah tersebut, berapakah kes yang melibatkan pelajar sekolah menengah dan IPTA/IPTS.

JAWAPAN : **DATA TANGKAPAN KESALAHAN JENYAH SYARIAH TAKZIRAH 2001 (T) BULAN JANUARI HINGGA JULAI 2009**

Seksyen / Daerah	SMK	IPT	Lain-lain	Jumlah
K.Trng	-	5 kes	30 kes	35 kes
Dungun	3 kes	2 kes	50 kes	55 kes
H.Trng	2 kes	1 kes	3 kes	5 kes
Marang	-	1 kes	28 kes	29 kes
Besut	2 kes	7 kes	40 kes	49 kes
Kemaman	1 kes	-	15 kes	16 kes
Setiu	-	-	8 kes	8 kes
Jumlah	8 kes	15 kes	174 kes	197 kes

Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Penguatkuasaan Syariah dalam usaha mengatasi kesalahan-kesalahan jenayah syariah:-

- 1) Bahagian Penguatkuasaan Syariah JHEAT telah mengambil langkah mengatasi dan mengurangkan gejala salah laku jenayah syariah dengan mengadakan program-program penerangan (road-show) mengenai kesalahan-kesalahan jenayah syariah serta implikasi/kesan terhadap kesalahan-kesalahan tersebut di sekolah-sekolah dan juga IPT di seluruh daerah dengan kerjasama agensi-agensi pertubuhan seperti Belia, Rakan Muda, Rukun Tetangga dan lain-lain.
- 2) Mengadakan penerangan khas kepada pegawai-pegawai dan AJK Masjid, pemimpin-pemimpin masyarakat dan lain-lain untuk diberi penjelasan pula kepada segenap lapisan masyarakat.
- 3) Menguatkuasa dan mengambil tindakan undang-undang kepada individu yang melanggar undang-undang dengan membuat rondaan, risikan, pemeriksaan mengejut di hotel-hotel, chalet, rumah rehat, pusat hiburan, taman rekreasi dan lain-lain, membuat tangkapan seterusnya membuat pendakwaan di mahkamah mengikut bidang kuasa yang ada.
- 4) Pihak Penguatkuasa Syariah juga telah mengambil tindakan segera terhadap maklumat-maklumat semasa yang diterima.
- 5) Bahagian Penguatkuasa Syariah juga telah mengadakan operasi berkala dari masa ke masa di seluruh daerah.

SOALAN 2 :

Nyatakan syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk pembinaan Pasar Kedai Buloh. Apakah tindakan yang dilakukan dan kerugian yang ditanggung oleh pihak kerajaan terhadap kelewatan menyiapkan pembinaan tersebut.

JAWAPAN :

Syarikat yang bertanggungjawab terhadap pembinaan Pasar Kedai Buloh adalah Syarikat Pembinaan SEZ Sdn. Bhd. beralamat di Kuala Terengganu.

Lanjutan masa sehingga 17 Julai 2009 telah diluluskan kepada pemborong ini. Lanjutan masa diberikan kerana kesukaran pihak kontraktor untuk mendapatkan bahan pembinaan terutama struktur besi dan atap yang merupakan 60% daripada komponen pembinaan ini.

Pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada masa sekarang sedang mengenakan denda sebanyak RM1,662.55 sehari kerana kelambatan menyiapkan kerja-kerja ini. Pada masa sekarang semua bahan binaan sudah ada ditapak bina. Dijangkakan kerja ini dapat disiapkan pada Oktober 2009.

SOALAN 3 : Berapakah kos yang ditanggung oleh pihak kerajaan untuk pemasangan landskap keceriaan dan tanaman bunga di seluruh negeri mengikut pecahan daerah sepanjang tahun 2008 hingga 2009 dan apakah syarikat yang dipertanggungjawabkan menguruskannya.

JAWAPAN : Kos yang ditanggung oleh kerajaan untuk pemasangan landskap keceriaan dan tanaman bunga di seluruh negeri mengikut pecahan daerah sepanjang tahun 2008 hingga 31 Julai 2009 adalah sebagaimana berikut:-

PBT	Jumlah Belanja 2008 (RM)	Jumlah Belanja Sehingga 31 Julai 2009 (RM)
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	437,329.25	929,250.00
Majlis Perbandaran Kemaman	1,134,800.00	309,750.00
Majlis Perbandaran Dungun	1,074,820.00	206,500.00
Majlis Daerah Besut	320,014.00	206,500.00
Majlis Daerah Hulu Terengganu	596,500.00	206,500.00
Majlis Daerah Marang	743,250.00	206,500.00
Majlis Daerah Setiu	138,350.00	103,250.00
JUMLAH	4,445,063.25	2,168,250.00

Antara syarikat-syarikat yang telah dipertanggungjawabkan bagi membekal dan memasang landskap ialah TM Agric & Services, Maju Nursery Enterprise, Golden Phoenix Enterprise, Harapan Maju Nursery Enterprise, Dynaa Enterprise, Koperasi Pekebun Kecil Daerah Kuala Terengganu dan Koperasi Pembangunan Daerah Marang Berhad.

SOALAN 4 : Berapakah anggaran kerugian yang ditanggung oleh pihak kerajaan akibat keruntuhan bumbung Stadium Sultan Mizan, Negeri Terengganu.

JAWAPAN : Anggaran kos kerugian yang ditanggung oleh kerajaan adalah lebih kurang RM35 juta (sekiranya Kerajaan Negeri menanggung kos pembinaan tersebut).

SOALAN 5 : Adakah pihak kerajaan bercadang untuk meruntuhkan Stadium Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu dan berapakah kos perbelanjaan untuk meruntuhkan stadium tersebut.

JAWAPAN : Pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu memang ada cadangan untuk meruntuhkan Stadium Sultan Ismail Kuala Terengganu untuk dijadikan sebuah dataran hijau di tengah-tengah pusat bandaraya Kuala Terengganu. Anggaran kos untuk meruntuhkan struktur stadium ini adalah seperti berikut:

- | | | | |
|------|--|---|--------------|
| i. | Membuang struktur besi di tempat duduk kayu (kerja siap) | : | RM114,000.00 |
| ii. | Meruntuh struktur konkrit | : | RM100,000.00 |
| iii. | Meruntuh kerangka lampu limpah | : | RM10,000.00 |

JUMLAH	:	RM224,000.00
--------	---	--------------

Kos penjualan semula besi yang tidak digunakan (selesai)	:	RM180,000.00
--	---	--------------

Jumlah peruntukan yang diguna untuk tujuan meruntuhkan stadium	:	RM44,000.00
--	---	--------------------

Dicetak oleh



PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.
Gorg Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Fax: 609-666 0611/0063
E-mail: spyt@tm.net.my

